

PERSEPSI MASYARAKAT PARLIMEN PEKAN TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

Kamarul Azmi Jasmi
Azmi Shah Suratman
Ramli Awang
Sulaiman Kadikon
Hussin Salamon
Aminuddin Ruskam
Salleh Rosman
Nasrul Hisyam Nor Muhammad
Norlina Muhammad
Bushrah Basiron
Sayed Mahussain Sayed Ahmad
Ahmad Muhyiddin Hassan
Mohd Nasir Ripin

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Suratman, A. S., Awang, R., Kadikon, S., Ruskam, A., Rosman, A. S., Nor Muhammad, N. H., Muhammad, N., Basiron, B., Sayed Ahmad, S. M., & Ripin, M. N. (2012). *Persepsi Masyarakat Parlimen Pekan Terhadap Gagasan 1Malaysia*. Laporan Penyelidikan. Skudai, Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia bersama Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.

ABSTRACT

Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang etnik, kaum dan agama. Perbezaan ini memerlukan kepada satu gagasan yang mampu mengeratkan hubungan sedia ada. Justeru, pihak kerajaan melancarkan gagasan 1Malaysia dengan matlamat meningkatkan tahap hubungan sedia ada. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang dilancarkan oleh kerajaan, mengetahui halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia, mengenal pasti medium yang efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi dan menghasilkan model yang komprehensif untuk memajukan gagasan 1Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian tersebut, kumpulan penyelidik telah menjalankan kajian kuantitatif dan kualitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik dan temu bual. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS dan N'Vivo 8.0. Dapatan kajian ini menunjukkan penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini memberi manfaat kepada banyak pihak terutama pihak kerajaan dalam usaha memajukan gagasan 1Malaysia dan meningkatkan keharmonian hubungan antara kaum di negara ini.

REFERENCES

- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1998). *Riyad al-Salihin* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
Anom. (2001). *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books.
Anom. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Anom. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anom. (2011a). 1 Malaysia Campaign. 2011, from http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=322&Itemid=231&lang=en
- Anom. (2011b). Kisah 1Malaysia. Retrieved 9.6.2011, 2015, from <http://www.1malaysia.com.my/hubungi-kami>
- Anom. (2011c). *Nilai-nilai 1Malaysia*. Putra Jaya: Kementerian Jabatan Perdana Menteri.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative Research for Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Cohen, L., L., Manion, & K., Morrison. (2007). *Research Methods in Education* (6th ed.). USA: Routledge.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N.E. (1996). *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc.Graw-Hill Inc.
- Jabatan Penerangan Malaysia, JPM. (2009). *1Malaysia - Rakyat didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putra Jaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Penerangan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. In Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kothari, C. R. (2004). *Research Methodology, Methods & Techniques* (2nd ed.). New Delhi: New Age International (P) Limited, Publishers.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (1989). *Designing Qualitative Research*. Newbury Park, CA: Sage.
- McMillon, J. H., & Schumacher, S. (2000). *Research in Education: A Conceptual Introduction* (Fifth ed.). New York: Longman.
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Paper presented at the International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2006_6649_d9541cf629534cb1a851eb3a2dcef708.pdf
- Mustari, Mohd Ismail, Mohamed, Ahmad Kilani, Jasmi, Kamarul Azmi, & Ya'akob, Robiah. (2004). *Pembentukan Nilai dan Kecemerlangan Bagi Melahirkan Generasi Muda yang Mapan dalam Menghadapi Era Pasca Modernisme*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme, 2004.
- Nurul Hidayah, Khalid. (2010, 27 Julai 2010). Forum Perjelas Gagasan 1Malaysia. *Berita Harian*. Retrieved from http://www.umlib.um.edu.my/newscut_details.asp?cutid=1628#sthash.LrVhKz4h.dpbs
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Pejabat Perdana Menteri, PPM. (2009). *1 Malaysia - Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri.
- Sahat, Yusri. (2011, 23/01/2011). Tegakkan Keadilan Sosial. Retrieved from http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0123&pg=mh_01.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&cy=2011
- Stake, R. E. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Tamuri, Ab Halim, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). Nilai, Amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini. In Kaseh Abu Bakar (Ed.), *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu* (pp. 35-57). Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (2nd ed.). Toronto: John Wiley and Sons.
- Wiersma, William. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction* (5th ed.). Boston: Allyn & Bacon.

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum berteraskan nilai-nilai penting yang menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Oleh itu, 1Malaysia adalah sebuah gagasan yang bertujuan melahirkan bangsa Malaysia yang berdaya maju dalam menghadapi cabaran globalisasi ini. Gagasan 1Malaysia juga merupakan sebuah konsep yang unik dalam menyatupadukan kaum di Malaysia. Gagasan 1Malaysia juga menjadi lambang komitmen rakyat dalam usaha ke arah mencapai status negara yang maju dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Strategi-strategi khusus perlu disusun untuk menghadapi cabaran mendatang.

1.2 Latar Belakang Masalah

1Malaysia telah diilhamkan oleh Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dengan berpaksikan prinsip "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Dalam konsep 1Malaysia prinsip keadilan untuk semua kaum adalah asas bagi mencapai matlamat kejayaan bersama sebagai satu peneraju kepada agenda membina negara 1Malaysia harus dikendalikan dengan beretika dan efisien. Usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi gagasan 1Malaysia ini perlu dilakukan dengan berterusan daripada semua peringkat supaya gagasan 1Malaysia dapat diterima oleh seluruh rakyat Malaysia. Usaha memperkukuhkan semangat 1Malaysia ini berjalan dengan berterusan, namun semakin ke atasnya

perlu dilakukan untuk mengetahui tahap penerimaan dan juga kepentingannya kepada rakyat dan negara berhubung dengan 1Malaysia. Isu perpaduan dan intergrasi ini bukanlah satu isu yang remeh temeh tetapi isu ini adalah sangat penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Penilaian terhadap gagasan 1Malaysia perlu dilakukan untuk menilai pemahaman, keberkesanan, penerimaan dan penghayatan terhadap gagasan 1Malaysia dalam kehidupan masyarakat Malaysia. Di samping itu juga, ia juga penting dalam melihat sejauhmana keberkesanan “*The delivery system*” ataupun sistem penyampaian dari pihak atas kepada rakyat. Sekiranya penyampaian itu lemah, langkah yang terbaik perlu dilaksanakan.

Selain itu, kefahaman tentang pengertian sebenar gagasan 1Malaysia juga perlu diberi penilaian agar masyarakat tidak mendapat maklumat yang kurang tepat tentang gagasan ini. Terdapat sebahagian besar masyarakat yang mendefinisikan gagasan 1Malaysia ini melalui kefahaman masing-masing antaranya berkenaan hak sama rata, perpaduan dan berbagai bentuk terjemahan pemahaman yang lain tanpa menghayati erti sebenar slogan tersebut (Nurul Hidayah, 2010). Justeru, adalah menjadi satu keperluan bagi pihak kerajaan untuk melihat kembali maklumat dan kefahaman yang telah diterima dalam kalangan masyarakat pada hari ini setelah konsep ini dilancarkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Gagasan 1Malaysia ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 2 April 2009. Namun, setelah beberapa tahun gagasan ini diperkenalkan, pihak kerajaan perlu menilai sejauhmanakah kefahaman dan penerimaan rakyat tentang gagasan 1Malaysia. Satu kajian yang khusus perlu dijalankan bagi menyemak kembali hasil yang diperolehi selepas beberapa tahun gagasan ini diperkenalkan.

Selain itu, perlunya kajian tentang 1Malaysia ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmanakah keberkesanan sistem penyampaian maklumat dalam menyebarkan gagasan 1Malaysia ke akar umbi.

1.4 Objektif kajian

Secara khususnya, terdapat empat objektif utama kajian penyelidikan ini sepertimana yang dinyatakan berikut:

- i. Mengetahui tahap penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang dilancarkan oleh kerajaan.
- ii. Mengetahui halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia.
- iii. Mengenalpasti medium yang efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi.
- iv. Mencadangkan model yang komprehensif untuk memajukan gagasan 1Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, diharap kajian ini dapat menjawab berberapa persoalan sebagaimana berikut:

- i. Sejauh manakah tahap penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang dilancarkan oleh kerajaan?
- ii. Apakah halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia?
- iii. Apakah medium yang efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi?
- iv. Apakah cadangan bentuk model yang komprehensif bagi memajukan gagasan 1Malaysia?

1.6 Kepentingan Kajian

Harapan penyelidik agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak kerajaan dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu:

- i. Hasil kajian ini adalah untuk melihat tanggapan sebenar rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang telah dilancarkan oleh pihak kerajaan.
- ii. Kajian ini juga diharap dapat mengenalpasti bentuk halangan dan cabaran yang mana mampu menyukarkan usaha pihak kerajaan dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia.
- iii. Hasil kajian ini bolehlah digunakan oleh pihak kerajaan untuk mengambil langkah proaktif dalam mendepani halangan dan cabaran gagasan 1Malaysia ini.
- iv. Hasil kajian ini juga diharap dapat mengenalpasti medium penyampaian yang paling berkesan untuk dicadangkan kepada pihak kerajaan bagi mempertingkatkan kefahaman tentang 1Malaysia ke akar umbi.
- v. Kajian ini juga akan menghasilkan suatu model yang komprehensif yang mana akan berguna untuk pihak kerajaan dalam memperkasakan gagasan 1Malaysia.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini akan diberikan tumpuan kepada beberapa skop tertentu bagi mendapatkan maklumat mengenai persepsi rakyat terhadap gagasan 1Malaysia.

Kajian ini dijalankan di Parlimen Pekan, Pahang sahaja. Bagi penyelidikan berkaitan soal selidik, ia dijalankan di Parlimen Pekan sahaja merangkumi empat Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Pulau Manis, DUN Peramu Jaya, DUN Bebar dan DUN Chini.

Bagi kajian berbentuk temu bual pula, kajian hanya melibatkan enam orang responden dalam kalangan masyarakat Parlimen Pekan sahaja.

1.8 Definisi Istilah

Berberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini memerlukan definisi yang terperinci. Ia dijelaskan lagi dengan tujuan memberi kefahaman kepada pembaca terhadap apa yang ingin disampaikan oleh penyelidik. Istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

1.8.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan (Anom, 2005), persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan menerusi pancaindera dan tanggapan. Menurut kamus Za'ba (Anom, 2001) pula, persepsi merujuk kepada gambaran tentang sesuatu tanggapan. Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada tanggapan masyarakat di kawasan Parlimen Pekan terhadap gagasan 1Malaysia.

1.8.2 Masyarakat

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (Anom, 2008), masyarakat membawa maksud sekumpulan orang yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan cara-cara dan peraturan-peraturan tertentu. Dalam kajian ini, masyarakat merujuk kepada

seluruh rakyat yang berada di Parlimen Pekan, Pahang merangkumi semua peringkat umur, bangsa, agama dan sebagainya.

1.8.4 Gagasan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (Anom, 2005), gagasan adalah bermaksud buah fikiran yang dijadikan saranan atau idea. Dalam kajian ini, gagasan merujuk khusus kepada konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Gagasan 1Malaysia merupakan cetusan idea yang dikemukakan oleh beliau seurus dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam.

1.8.5 1MALAYSIA

Dalam kajian ini, 1Malaysia merujuk kepada gagasan baru yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang keenam. Gagasan 1Malaysia menurut penjelasan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak ialah seperti berikut:

“Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita. Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama”.

Berdasarkan penjelasan berikut, dapatlah difahami bahawa matlamat 1Malaysia adalah membentuk masyarakat yang berjiwa Malaysia melangkaui kefahaman bersifat etnik yang sempit. Justeru dapatlah difahami bahawa gagasan

1Malaysia ini merupakan satu usaha ke arah mengeratkan lagi hubungan antara kaum di negara ini.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini merangkumi pendahuluan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan kesimpulan. Penjelasan dan huraian telah disertakan bagi memberikan kefahaman yang lebih terperinci kepada pembaca tentang kajian ini.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Dewasa ini, seluruh dunia berhadapan dengan arus globalisasi yang sangat mencabar (Jasmi & Mohd Rashid, 2008; Mohd Rashid, Nor Amirah & Jasmi, 2005; Mohd Rashid, Nur Amirah & Jasmi, 2006). Setiap negara perlu membuat persediaan rapi iaitu dengan merangka strategi yang tersusun bagi memastikan negara kekal kompetitif untuk bersaing dan tidak tersisih dari arus kemajuan dunia. Malaysia juga menghadapi situasi yang sama dan perlu mempersiapkan diri dengan sebaik mungkin bagi memastikan negara terus membangun dari masa ke semasa. Seluruh rakyat Malaysia perlu bersatu dan bertindak sebagai satu bangsa yakni bangsa Malaysia serta mengenyepikan perbezaan keturunan dan anutan agama. Hanya dengan cara ini Malaysia mampu membina sebuah negara yang lebih, aman, makmur, maju dan selamat serta mampu bersaing bersaing di peringkat antarabangsa. Justeru, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak melancarkan Konsep 1Malaysia dengan hasrat mewujudkan Bangsa Malaysia yang lebih berdaya tahan dalam mengharungi halangan dan cabaran arus globalisasi. Konsep yang berpaksikan prinsip "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" ini menepati cita rasa rakyat Malaysia dan pada masa yang sama selari dengan peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-Prinsip Rukun Negara (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009; Anom, 2011c).

2.2 Konsep 1Malaysia

Konsep 1Malaysia telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam iaitu Yang Amat Behormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 5 April 2009. Tujuan utama YAB Perdana Menteri memperkenalkan konsep 1Malaysia ialah untuk memperkukuhkan lagi hubungan dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum di negara ini. Hubungan dan kerjasama yang erat antara masyarakat Malaysia yang majmuk ini dilihat mampu menjadi satu senjata utama untuk mendepani halangan dan cabaran era globalisasi sekaligus mengekalkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Penghayatan sepenuhnya dalam kalangan rakyat dan pemimpin terhadap gagasan ini mampu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih baik dari segi keamanan, kestabilan dan kemajuan dalam semua bidang (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009)

2.2.1 Definisi 1Malaysia

Definisi konsep 1Malaysia adalah dirujuk berdasarkan petikan ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagaimana berikut:

“Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita; Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama”.

(Anom, 2011a)

Berdasarkan petikan ucapan tersebut, konsep 1Malaysia ini amat memerlukan kerjasama penuh dari setiap warganegara merangkumi pemimpin dan seluruh rakyat Malaysia. Selain itu juga, bolehlah difahami bahawa gagasan 1Malaysia ini menuntut seluruh warganegara berfikir dan bertindak melangkaui sempadan kaum, keturunan, bangsa dan etnik. Sebagai contoh bangsa Melayu sebagai bangsa Bumiputera tidak

wajar sekiranya hanya memikirkan tentang kepentingan dan kemajuan bangsa sendiri sahaja dan mengabaikan hak-hak bangsa lain yang mempunyai taraf kewarganegaraan yang sama. Begitu juga sebaliknya, bangsa-bangsa bukan bumiputera perlu melakukan perkara yang sama (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

Berdasarkan petikan ucapan tersebut jua dapatlah difahami bahawa ia turut menyangkut tindakan pemimpin. Antara isi yang disampaikan ialah kepimpinan negara akan berusaha untuk menunaikan segala keperluan dan hak-hak rakyat tanpa membeza-bezakan antara kaum, bangsa dan agama. Sementara itu, pembaharuan yang terdapat dalam gagasan ini ialah kepimpinan negara melayani setiap keperluan dan kehendak etnik menerusi wakil masing-masing.

2.2.2 Konsep

Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ini bukan suatu wawasan yang akan menggantikan wawasan sedia ada sebelum ini sebaliknya suatu konsep baru yang digarap khusus untuk hal-hal pentadbiran. Antara matlamatnya ialah sebagai bentuk saranan kepada barisan kepimpinan kerajaan supaya menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab supaya kebajikan dan kepentingan seluruh rakyat terjaga (Anom, 2011b).

Asas pembentukan gagasan ini ialah prinsip keadilan yang mana menjadi tunjang gagasan ini. Prinsip keadilan yang diangkat dalam konsep 1Malaysia ini merentasi kaum dan etnik. Oleh yang demikian, kepentingan semua etnik dan kaum akan terbela dan tidak ada mana-mana individu atau kumpulan yang akan dipinggirkan dalam gagasan yang ini. Namun begitu, keadilan yang dimaksudkan bukanlah bermaksud kerajaan mesti memberikan bantuan yang sama rata sebaliknya keadilan yang dimaksudkan dalam gagasan ini lebih melihat kepada keperluan sesuatu kaum.

1Malaysia merupakan suatu gagasan yang menjadi penerus kepada usaha kerajaan dalam agenda membina negara. Matlamat memajukan negara hanya akan dicapai apabila rakyat dimajukan terlebih dahulu. Bagi memajukan rakyat, antara langkah yang diperlukan ialah dengan membentuk dan membina sikap menerima antara kaum sekaligus menghasilkan perpaduan yang erat dan harmoni. Dengan adanya masyarakat yang harmoni dan perpaduan yang utuh, usaha memajukan negara akan menjadi lebih mudah lagi.

2.2.3 Matlamat Gagasan 1Malaysia

Matlamat 1Malaysia ialah untuk menjaga hubungan yang harmoni dan perpaduan yang sedia ada dan berusaha meningkatkan keharmonian tersebut ke arah yang lebih baik dari masa ke semasa. Hal ini merupakan salah satu daripada tuntutan dalam Islam (Jasmi, 2002). Masyarakat negara ini telah hidup bersama untuk tempoh yang lama dan ia menjadi modal terbaik bagi menghadapi cabaran di masa hadapan. Kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat termasuklah dari aspek kelompok etnik, bahasa, budaya dan cara hidup haruslah diterima dan dipelihara agar keharmonian yang ada berterusan. Sejak negara Malaysia mencapai kemerdekaan, perpaduan merupakan asas yang penting yang mana telah membawa negara ini ke membangun dari masa ke semasa. Justeru, perpaduan yang sedia ada inilah yang ingin disemarakkan dan diperkasakan lagi melalui gagasan 1Malaysia yang telah dilancarkan. Semangat perpaduan, hubungan persaudaraan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini menjadi teras kepada kejayaan negara pada hari ini. Namun, seluruh anggota masyarakat tidak boleh berpuas hati dengan kejayaan yang sudah dicapai sebaliknya perlu sentiasa memandang ke hadapan untuk meningkatkan lagi pencapaian negara di masa yang akan datang. Kejayaan yang diharapkan tidak akan dicapai tanpa komitmen semua pihak. Elemen penting sesebuah negara iaitu anggota masyarakat di setiap lapisan perlu dimajukan terlebih dahulu. Sikap penerimaan antara satu sama lain perlu dipupuk terlebih dahulu dalam kalangan rakyat bagi mewujudkan hubungan yang harmoni dan perpaduan yang erat. Apabila hubungan harmoni berjaya disemai, maka usaha-usaha ke arah memajukan negara

akan menjadi lebih mudah dan lancar kerana pihak kerajaan boleh memfokuskan kepada kemajuan negara dan kesejahteraan seluruh rakyat.

Aspirasi kerajaan memperkenalkan gagasan 1Malaysia adalah untuk mewujudkan suasana masyarakat yang bersatu padu dan akrab. Asas-asas penting dalam hubungan yang harmoni seperti sikap saling menghormati, ikhlas, dan tidak prasangka buruk terhadap orang lain perlu dipupuk dan disemai dalam kalangan masyarakat.

Gagasan 1Malaysia ialah suatu gagasan yang berusaha memacu negara ke arah yang lebih baik sama ada dari aspek kemajuan dan perpaduan kaum. Oleh itu, barisan kepimpinan yang berintegriti tinggi merupakan ciri penting untuk memastikan matlamat 1Malaysia tersebut mampu dicapai. Tanggungjawab memimpin negara haruslah diberikan kepada mereka yang mempunyai keikhlasan, jujur, mempunyai kebolehan yang baik, telus dalam setiap perkara, bercakap benar serta amanah. Harapan 1Malaysia yang tinggi juga memerlukan yang mampu memahami tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Selain itu, pemimpin juga perlu bijak mentafsir sesuatu isu dan menanganinya dengan cara yang terbaik. Pemimpin yang dipertanggungjawab memegang amanah negara juga mestilah mempunyai visi dan kebolehan dalam mengurustadbir urusan negara dan pada masa yang sama berkemampuan tinggi dalam merancang dan mengatur strategi untuk membawa negara maju ke hadapan. Namun begitu, perkara yang paling mustahak ialah pemimpin tersebut mestilah komited terhadap jawatan yang dipegangnya agar setiap amanah, tugas atau harapan mampu dilaksanakan dengan baik.

Komitmen yang tinggi merupakan perkara yang paling asas dalam menggapai sesuatu kejayaan. Begitu juga sesebuah negara, memerlukan rakyat yang sangat komited dengan tanggungjawab terhadap negara. Rakyat yang bertanggungjawab semestinya mempunyai azam dan tekad demi memajukan negara. Setiap rakyat mestilah berdedikasi, beriltizam dalam melaksanakan tugas demi kepentingan negara. Hal yang sama juga diharapkan daripada kepimpinan negara. Negara ini amat memerlukan pemimpin yang berkarisma, mesra rakyat, sedia berkorban masa, kewangan dan tenaga demi kepentingan negara. Pemimpin yang mempunyai ciri-ciri

tersebut akan mendapat sokongan padu daripada rakyat dan mendapat penghormatan daripada segenap lapisan masyarakat.

1Malaysia behasrat melahirkan masyarakat yang berfikir serta bertindak sebagai bangsa Malaysia melangkaui tembok kelompok etnik dan kaum. Oleh yang demikian, setiap individu perlu menzahirkan kesetiaan mereka terhadap negara ini melangkaui kepentingan kaum masing-masing. Seperti yang sedia maklum, negara ini merupakan negara bagi segenap lapisan rakyatnya tanpa membeza-bezakan rakyat mengikut kaum, budaya, agama dan fahaman politik. Setiap individu perlulah merasa bahawa mereka merupakan salah seorang daripada bangsa yang besar iaitu bangsa Malaysia dan setiap perkara perlulah dikongsi bersama-sama. Kerajaan tidak akan melakukan diskriminasi terhadap mana-mana kelompok masyarakat, atau individu daripada arus pembangunan negara dan setiap keperluan dan hak mereka akan diberikan dengan seadilnya. Negara bangsa yang diperkenalkan dalam konsep 1Malaysia diharap dapat mewujudkan masyarakat yang mempunyai rasa kekitaan dan saling mengambil berat antara satu sama lain tanpa membezakan warna kulit atau perbezaan lain (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009).

2.2.4 Prinsip Teras 1Malaysia

Usaha memperkasakan perpaduan nasional melalui 1Malaysia disandarkan kepada tiga prinsip teras sebagaimana berikut:

- i. Prinsip penerimaan
- ii. Prinsip kenegaraan
- iii. Prinsip keadilan sosial

2.2.4.1 Prinsip Penerimaan

Prinsip penerimaan membawa maksud rakyat menerima dan menghargai keberadaan kumpulan etnik dan kaum lain. Seperti yang dimaklumi, Malaysia ialah negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Justeru, wujud perbezaan yang ketara dalam aspek merangkumi warna kulit, agama, budaya, cara hidup dan lain-lain (Jasmi, 2002). Walaupun begitu, ia bukanlah menjadi penghalang kepada rakyat Malaysia untuk menerima antara satu sama lain sebagai rakan setia (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

2.2.4.2 Prinsip Kenegaraan

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (Anom, 2008), kenegaraan bermaksud segala yang berkaitan dengan negara. Sejak kepimpinan pertama Malaysia iaitu di era pemerintahan Tunku Abdul Rahman, telah diterapkan dalam kalangan masyarakat tentang perpaduan, nasionalisme dan semangat cintakan negara. Semangat ini diteruskan oleh kepimpinan selepas itu dengan pelbagai pendekatan yang mengarah kepada matlamat yang sama iaitu perpaduan.

Selepas era pentadbiran Tunku Abdul Rahman, ia diteruskan pula oleh Tun Abdul Razak yang telah memperkenalkan dua perkara penting yang membawa perubahan besar kepada negara ini iaitu Rukun Negara dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mana telah berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia. Semangat perpaduan, nasionalisme dan cintakan negara ini terus dipupuk di era pemerintahan selepas itu iaitu di era Tun Hussien Onn. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh beliau ini telah diberikan penghargaan sehingga mendapat gelaran “Bapa Perpaduan”.

Kesinambungan usaha pemimpin terdahulu diteruskan lagi pada era pentadbiran Tun Mahathir Mohamad yang memperkenalkan Wawasan 2020 sementara itu di era pentadbiran Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi pula memperkenalkan konsep Cemerlang, Gemilang dan Terbilang sebagai suatu bentuk

gagasan baru bagi menyemai lagi perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009).

2.2.4.3 Prinsip Keadilan Sosial

Di negara yang berbilang kaum ini, setiap kelompok kaum tidak dibezakan dan diberi layanan yang tidak wajar sebaliknya setiap kaum diberi perhatian yang sama oleh pihak kerajaan. Walaupun hidup dengan perbezaan nilai budaya, agama dan cara hidup, namun setiap kaum diberi layanan yang seadilnya dari segi kebajikan dan aspek-aspek sosial yang asas. Hal ini turut ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri apabila menggesa semua pihak termasuklah badan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan masing-masing untuk menegakkan keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat (Sahat, 2011).

Melalui gagasan 1Malaysia, pemimpin yang dipilih memberikan perkhidmatan yang seadilnya melangkaui tembok kaum dan etnik. Namun, ia bukanlah suatu ruang yang boleh dieksploitasi mana-mana pihak untuk menuntut apa-apa tuntutan yang tidak munabah (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

2.2.5 Nilai-Nilai 1Malaysia

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun telah mengemukakan lapan nilai dalam konsep 1Malaysia (Anom, 2011c). Nilai-nilai murni diterapkan ini membawa suatu harapan agar dapat mengeratkan hubungan rakyat Malaysia dan pada masa yang sama berfikir dan bertindak demi kepentingan negara (Mustari *et al.*, 2004). Lapan nilai tersebut berdasarkan Jadual 2.1.

Jadual 2.1 Nilai-Nilai 1Malaysia

Bil	Nilai-Nilai 1Malaysia
1	Budaya kecemerlangan
2	Ketabahan
3	Rendah hati

4	Penerimaan
5	Kesetiaan
6	Meritokrasi
7	Pendidikan
8	Integriti

2.2.5.1 Budaya Kecemerlangan

Hasrat pihak kerajaan dan seluruh rakyat untuk melihat negara ini mencapai kejayaan hanya akan dapat direalisasikan dengan mewujudkan budaya kecemerlangan dalam semua bidang. Tanpa adanya sikap ingin cemerlang dalam semua bidang dan kurangnya pengahayatan budaya kecemerlangan akan merencatkan cita-cita memajukan negara (Tamuri & Jasmi, 2009). Setiap rakyat perlu menghayati budaya kecemerlangan ini dan pada masa yang sama berusaha sedaya upaya untuk melakukan sebaik mungkin dalam setiap tindakan atau pekerjaan .

Sikap sambil lewa dan mengambil mudah dalam semua hal perlu dikikis dan dibuang dari masa ke semasa. Setiap anggota masyarakat perlu berusaha sebaik mungkin untuk melakukan yang terbaik dalam semua bidang termasuklah pendidikan, perusahaan, perkhidmatan dan sebagainya. Target untuk melakukan sebaik mungkin dalam semua hal akan membantu negara melahirkan masyarakat yang berdaya maju. Sikap ini perlu diamalkan secara konsisten dan berterusan serta teliti terhadap prestasi sebagai kayu ukur sesuatu pencapaian.

Kecemerlangan adalah ditentukan oleh prinsip ketepatan. Ketepatan yang dimaksudkan merangkumi aspek seperti pengurusan masa. Pengurusan masa perlu berada pada tahap yang cemerlang terutamanya apabila berurusan dengan pihak luar yang mana memberi kesan kepada imej negara ini di mata masyarakat luar. Imej yang positif akan diperolehi apabila pemimpin dan masyarakat mengamalkan budaya

ketepatan pengukuran, jadual penyampaian dan kualiti yang sangat berkaitan dengan penentuan tahap kecemerlangan dan kejayaan. Oleh itu, Sistem Petunjuk Utama Prestasi atau *Key Performance Indicator* (KPI) merupakan suatu sistem yang sangat penting sebagai kayu pengukur kepada pencapaian perkhidmatan. Selain itu, ia menjadi bukti yang kukuh kepada negara luar tentang kesungguhan kerajaan Malaysia dalam menerapkan budaya kecemerlangan. Pengiktirafan daripada negara luar akan muncul dan memandang Malaysia sebagai negara yang mementingkan kualiti (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

2.2.5.2 Ketabahan

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (Anom, 2008), ketabahan membawa maksud sifat atau keadaan tabah, keberanian, kecekalan hati. Dalam gagasan 1Malaysia, nilai ketabahan merupakan salah satu nilai yang diterapkan. Bagi mencapai sesebuah kejayaan, semua pihak perlu tabah dalam menghadapi cabaran. Setiap pekerjaan sememangnya menuntut kepada ketabahan dan ketekunan bagi mencapai kejayaan. Setiap individu perlu berjuang dengan penuh cecal jika mengharapkan sesuatu kejayaan dicapai. Kecekalan, ketabahan inilah yang menjadi senjata utama dalam menghadapi ujian dan dugaan dalam mengejar sesebuah kejayaan. Setaip rakyat Malaysia perlu mempunyai semangat yang jitu, bekerja keras serta berdedikasi dalam semua bidang yang diceburi (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009).

2.2.5.3 Rendah Hati

Nilai 1Malaysia yang ketiga ialah rendah hati yang ia merupakan suatu sifat yang perlu ada dalam diri setiap individu dan menjadi tuntutan yang besar dalam Islam (Al-Nawawi, 1998). Sifat rendah hati bukan hanya diangkat sebagai nilai bagi gagasan 1Malaysia bahkan ia juga amat digalakkan dalam ajaran Islam. Bagi masyarakat Melayu, suatu penghormatan diberikan kepada individu yang bersikap

merendahkan diri. Merendahkan diri juga dianggap sebagai suatu sikap yang menunjukkan nilai budi bahasa bagi seseorang individu (Jasmi, 2002).

Namun, sikap merendahkan diri ini bukanlah memberi maksud perlu tunduk atau mengalah dalam semua keadaan dan situasi. Ia hanya memberi maksud bahawa kelebihan atau kebolehan yang ada pada diri perlulah ditonjol dengan cara yang baik serta sesuai dan bukannya cara yang tidak disenangi oleh masyarakat Malaysia.

Selain itu, sikap merendahkan diri juga tidak boleh disalah ertikan atau dikaitkan dengan sikap mudah mengalah, pasrah tanpa usaha serta menyerahkan kepada takdir sepenuhnya. Ia perlu dikikis segera jika individu tersebut berharap untuk berjaya.

Anggota masyarakat negara ini sangat menghormati serta memandangi tinggi kepada individu yang bersikap merendahkan diri dan pada masa yang sama berpegang teguh dengan kepercayaan dan prinsip serta mempunyai kekuatan dalaman. Namun begitu, sifat merendahkan diri ini perlu disesuaikan dengan keadaan masa, tempat dan sebagainya. Sebagai contoh, jika berada di luar negara, sikap merendahkan diri perlu disesuaikan. Hal ini bertujuan untuk memberikan gambaran kekuatan, keyakinan dan kemampuan sebagai rakyat dengan cara yang baik (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

2.2.5.4 Penerimaan

Konsep penerimaan dan toleransi seakan-akan mempunyai persamaan. Namun begitu, ia merupakan dua perkara yang berbeza dari segi ungkapan dan pelaksanaan. Sikap penerimaan mencerminkan sikap yang positif dengan menerima sesuatu perkara dengan hati yang terbuka dan bukan disebabkan keterpaksaan menerima sesuatu perkara. Sebaliknya, toleransi pula berlaku apabila tiada pilihan dan ianya diterima dengan ketidakjujuran kerana tiada pilihan lain. Malaysia yang merupakan negara berbilang kaum dan agama memerlukan rakyat yang mampu menerima perbezaan yang wujud.

Sikap penerimaan ini perlu dalam usaha mencapai prinsip asas gagasan 1Malaysia iaitu membina sebuah negara bangsa. Nilai-nilai yang terbaik daripada semua kaum sama ada Melayu, Cina, India dan lain-lain perlu diterima dan disesuaikan untuk dikembangkan kepada seluruh anggota masyarakat. Semua program dan peruntukan kewangan daripada kerajaan wajar diagihkan secara adil, menyeluruh dan saksama mengikut keperluan tanpa sekatan, lapisan masyarakat, kaum, etnik, agama dan fahaman politik. Semua kaum perlu diberikan hak dan peluang pendidikan, biasiswa, subsidi, bantuan kewangan dan agihan projek secara adil bagi mencerminkan kesungguhan kerajaan menjayakan gagasan 1Malaysia (Nurul Hidayah, 2010).

2.2.5.5 Kesetiaan

Prinsip kesetiaan merupakan nilai yang terdapat dalam gagasan 1Malaysia dan sangat perlu dalam apa jua situasi. Prinsip kedua Rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara mesti dipatuhi oleh setiap rakyat negara ini. Semua anggota masyarakat perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara melebihi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri.

Pengikut perlu setia kepada ketua kerana organisasi yang berpecah akan mengalami kehancuran. Organisasi akan hilang arah tuju kerana pengikut tidak setia kepada ketua. Selain itu, kesetiaan juga akan meningkatkan kepercayaan dan menghilangkan prasangka antara dua pihak. Pandangan atau kritikan membina perlu diterima dengan lapang dada bagi menjamin kejayaan. Mengkritik dengan cara yang berhemah terhadap sesuatu kekurangan atau kesilapan adalah merukapakan simbol bagi semangat setia kawan.

Kritikan membina perlu dibuat dengan cara terbaik dan bijaksana beserta dengan niat yang ikhlas supaya setiap kesilapan dapat diperbetulkan sepanjang masa. Pemimpin atau ketua sesebuah organisasi perlu bersikap terbuka dan mahu mendengar teguran dan kritikan daripada golongan bawahan serta perlu menghindari

sikap sombong dan tidak boleh dikritik. Namun begitu kesetiaan sahaja tidak memadai sebaliknya perlu digabungkan dengan kemampuan melaksanakan tugas yang diberi dengan cemerlang. Nilai kesetiaan perlu berasaskan keupayaan, pencapaian dan kemajuan dan kesetiaan yang membuta tuli tanpa ada kemajuan adalah kesetiaan yang tidak bernilai (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

2.2.5.6 Meritokrasi

Meritokrasi merupakan suatu aspek yang perlu dilaksanakan dalam negara demokrasi bagi memastikan mereka yang memenuhi kriteria dan layak diberi sahaja yang diberi peluang untuk memacu pembangunan negara. Namun situasi yang terdapat di negara ini, terdapat juga pihak yang kurang bernasib baik seperti masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman, kawasan ladang estet dan perkampungan baru. Oleh itu, ia menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu golongan tersebut.

Meritokrasi memberi penekanan kepada persaingan secara terbuka berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang ditetapkan dan sesiapa yang memenuhi kriteria-kriteria tersebut mempunyai peluang yang sama rata untuk dipilih atau dilantik (Sahat, 2011).

2.2.5.7 Pendidikan

Nilai gagasan 1Malaysia yang ketujuh ialah pendidikan yang merupakan aspek sesebuah negara negara mencapai kejayaan. Negara yang mempunyai mutu pendidikan yang baik dilihat mempunyai kekuatan dan ketahanan yang lebih baik melebihi negara yang mempunyai kelebihan dalam aspek ketenteraan. Malaysia perlu melahirkan masyarakat yang memberi penekanan kepada pendidikan melebihi dari penekanan dalam aspek lain termasuklah materialistik. Bagi mencapai mutu pendidikan yang baik, budaya membaca dilihat mampu melahirkan rakyat Malaysia

yang mempunyai pemikiran yang sentiasa berkembang. Sesebuah negara akan mencapai kejayaan yang gemilang jika rakyatnya menguasai ilmu pengetahuan (Pejabat Perdana Menteri, 2009).

2.2.5.8 Integriti

Nilai gagasan 1Malaysia yang kelapan ialah integriti yang mana ia merupakan aspek yang sangat penting bagi kerajaan untuk mendapatkan keyakinan rakyat. Nilai integriti ini perlu diterapkan disemua peringkat daripada pemimpin dan setiap lapisan masyarakat. Nilai integriti merangkumi beberapa nilai murni iaitu bersikap jujur dan amanah terhadap pada setia masa dan keadaan (Jabatan Penerangan Malaysia, 2009).

2.3 Hubungan 1Malaysia dengan Dasar-Dasar Kerajaan Terdahulu

Gagasan 1Malaysia sememangnya mempunyai hubungan dengan dasar-dasar kerajaan yang terdahulu sebagaimana yang diperakui oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Menurut beliau, slogan konsep 1Malaysia iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” adalah kesinambungan daripada usaha kepimpinan terdahulu melalui beberapa dasar yang telah dilaksanakan.

Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri yang keenam ini bukanlah suatu perkara yang baru diperkenalkan, sebaliknya ia mempunyai hubungan dan merupakan kesinambungan usaha kepimpinan terdahulu terutama dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Apabila merujuk kepada catatan sejarah, bermula di era pemerintahan Perdana Menteri Malaysia yang pertama lagi iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilaksanakan pelbagai usaha termasuklah memperkenalkan beberapa dasar yang mana bertujuan menjaga kepentingan rakyat telah dijalankan. Usaha

membangunkan negara, meningkatkan pencapaian, mengeratkan hubungan dalam kalangan rakyat ini kemudiannya diteruskan oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri seterusnya. Setiap Perdana Menteri telah mengambil pelbagai pendekatan, kaedah, gagasan dan dasar tersendiri, namun tujuannya akhirnya tetap selari iaitu untuk kepentingan negara dan rakyat seluruhnya (Anom, 2011c).

2.4 Kesimpulan

Konsep 1Malaysia adalah suatu usaha kerajaan untuk memperkasakan hubungan antara kaum bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menjalani kehidupan yang lebih harmoni sebagaimana yang digariskan dalam Rukun Negara. Rakyat perlu memahami dan mengamalkan bahawa segala tindakan perlulah mengutamakan kepentingan negara.

Setiap individu perlu sedar bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana semua perkara perlu dikongsi dan dinikmati secara bersama. Dalam setiap perkara, kepentingan terhadap negara mestilah diutamakan mengatasi kepentingan kaum atau kelompok masing-masing. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam gagasan 1Malaysia ini diharap dapat membentuk masyarakat Malaysia yang lebih baik dari semasa ke semasa.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa perkara bagi menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan. Beberapa aspek seperti reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data, analisis data, jangka masa kajian dan kesimpulan.

Metodologi kajian adalah berkaitan dengan kaedah kajian yang dipilih bagi menjalankan kajian penyelidikan ini. Tujuannya adalah untuk mencapai semua objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam proses melaksanakan kajian, metodologi kajian merupakan antara bahagian yang terpenting. Dalam kajian ini, bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif telah dipilih.

Prosedur kajian juga akan dihuraikan secara mendalam dalam bab ini. Apabila sesuatu kajian memenuhi kriteria yang terbaik, maka kajian tersebut akan menghasilkan suatu hasil yang mana tahap kebolehpercayaan dan ketepatan yang tinggi.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah keseluruhan rangka projek yang menjelaskan corak jenis kajian yang bakal dijalankan, jenis maklumat yang perlu dikumpul, sumber maklumat diperolehi serta kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat. Dalam kajian ini, fenomena yang dikaji ialah berkaitan persepsi masyarakat Parlimen Pekan terhadap gagasan 1Malaysia. Kajian yang dijalankan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif menggunakan set borang soal selidik sebagai alat kajian bagi mendapatkan data secara kuantitatif manakala soalan temu bual digunakan untuk mendapatkan data kualitatif (Cohen *et al.*, 2007; Creswell, 1994; Fraenkel & Wallen, 1996; Kothari, 2004; Marshall & & Rossman, 1989; Patton, 1990; Stake, 1995; Taylor & Bogdan, 1984; Wiersma, 1995).

Sorotan kajian dimulakan dengan membentuk masalah kajian seterusnya ialah memilih sampel serta membina instrumen kajian. Set borang soal selidik dibina dan juga set soalan temubual kemudian dibentuk. Dapatan kajian kemudian dianalisis bagi mendapatkan jawapan kepada semua persoalan kajian seterusnya membantu dalam membina hipotesis kajian ini.

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian kuantitatif, populasi kajian merupakan aspek yang mesti dikenalpasti untuk mendapatkan data dan maklumat yang paling tepat. Populasi ialah sesuatu kumpulan yang mempunyai satu atau lebih perwatakan dalam sesuatu kebiasaan yang menarik minat kepada penyelidik. Sampel pula ialah nisbah atau pembahagian kecil daripada populasi yang dipilih untuk dikaji dan dianalisis.

Populasi kajian ini terdiri daripada masyarakat yang berada di Parlimen Pekan, Pahang. Kaedah persampelan yang diguna pakai dalam kajian ini ialah persampelan rawak. Kaedah sampel dijalankan bagi memilih sampel yang hendak dikaji. Kaedah ini memaparkan keadaan bagi setiap responden yang dipilih

mempunyai peluang yang sama untuk menjawab tanpa mengambil kira daripada kumpulan mana mereka berada. Penyelidik telah memilih sampel seramai 300 orang responden daripada pelbagai latar belakang.

Bagi sesi temu bual, penyelidikan dijalankan ke atas enam orang responden yang memenuhi kriteria tertentu yang akan dibincangkan dalam bab IV. Antara kriteria yang ditetapkan ialah responden mestilah merupakan masyarakat Parlimen Pekan kerana batasan kajian ini hanya melibatkan Parlimen Pekan sahaja.

Rasional penyelidik memilih sampel seperti berikut ialah kerana Parlimen Pekan merupakan kawasan yang diwakili oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sendiri iaitu individu yang bertanggungjawab mencetuskan gagasan 1Malaysia ini. Oleh yang demikian, masyarakat di Parlimen Pekan ini dilihat lebih dekat dengan konsep 1Malaysia kerana mereka diwakili oleh tokoh yang memulakan idea ini terbentuk (McMillon & Schumacher, 2000).

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua instrumen utama iaitu set soal selidik dan juga soalan temu bual. Set borang soal selidik bertujuan mengumpul data-data daripada responden.

3.4.1 Soal Selidik

Soal selidik dipilih berdasarkan berberapa faktor. Antara faktornya ialah set soal selidik memerlukan masa yang lebih singkat untuk mendapatkan maklumat daripada responden di samping responden lebih bebas mengeluarkan pendapat kerana maklumat peribadi seperti nama responden tidak diperlukan dalam kajian ini. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam set borang selidik tersebut adalah

berdasarkan objektif-objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini. Soal selidik ini mengandungi enam bahagian. Bahagian A merupakan bahagian maklumat diri responden sementara bahagian B, C, D, E dan F pula merupakan set soalan yang mengandungi soalan mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

3.4.1.1 Bahagian A

Bahagian ini mengandungi tujuh soalan yang terdiri daripada latar belakang responden mengenai umur, latar belakang pendidikan, pekerjaan, pendapatan, status perkahwinan, bangsa dan agama.

3.4.2 Bahagian B

Bahagian ini mengandungi soalan bagi mendapatkan maklumat berkaitan objektif pertama kajian iaitu mengetahui penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Terdapat 20 item soalan yang telah disusun bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi objektif pertama ini.

3.4.3 Bahagian C

Bahagian ini pula mengandungi soalan bagi mendapatkan maklumat berkaitan objektif kedua kajian iaitu mengenalpasti faktor-faktor penerimaan mahasiswa non muslim terhadap kehidupan muslim. Terdapat 14 item soalan yang telah disusun bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi objektif kedua ini.

3.4.4 Bahagian D

Bahagian ini pula mengandungi soalan bagi mendapatkan maklumat berkaitan objektif ketiga kajian iaitu mengetahui halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Terdapat 12 item soalan yang telah disusun bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi objektif ini.

Jawapan bagi soalan-soalan di dalam bahagian ini diwakili oleh skala likert yang mempunyai lima maklum balas yang membolehkan responden memilih jawapan berdasarkan lima skala persetujuan yang disediakan. Lima maklum balas berdasarkan skala likert adalah seperti berikut:

Jadual 3.1: Pengkelasan Nombor Dalam Skala Likert

Bil	Skala	Peringkat
i	1	Sangat Tidak Setuju (STS)
ii	2	Tidak Setuju (TS)
iii	3	Kurang Setuju (KS)
iv	4	Setuju (S)
v	5	Sangat Setuju (SS)

Jawapan sangat tidak setuju diberikan skor 1, jawapan tidak setuju diberikan skor 2 dan jawapan kurang setuju diberi skor 3. Responden yang memberikan ketiga-tiga jawapan seperti di atas diklasifikasikan sebagai tidak setuju bagi sesuatu kenyataan. Manakala jawapan setuju dan sangat setuju diberikan skor 4 dan 5. Responden yang menjawab salah satu daripada jawapan ini diklasifikasikan sebagai setuju terhadap kenyataan yang diberikan. Berikut ialah jadual 3.2 yang menunjukkan klasifikasi skala 4 mata kepada 2 mata (Wiersma, 1995).

Jadual 3.2: Klasifikasi Skala 5 Mata Kepada 2 Mata

Tindak Balas	Klasifikasi Semula
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju
Tidak Setuju	
Kurang Setuju	
Setuju	Setuju
Sangat Setuju	

Terdapat tiga perkara utama yang menjadi persoalan pokok bagi 80 item utama dalam borang soal selidik yang disediakan. Tiga perkara tersebut ditunjukkan di dalam Jadual 3.3 berikut :

Jadual 3.3: Pembahagian Item Mengikut Persoalan Kajian

Perkara	Jumlah
Penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia.	20 item
Halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia.	12 item
Medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi.	(2 soalan) 41 item

3.4.2 Soalan Temu Bual

Sementara itu, bagi temubual, sebelas soalan dikemukakan berkenaan latar belakang responden dan juga berkenaan objektif kajian. Temu bual yang dijalankan menggunakan soalan-soalan separa berstruktur. Bagi temu bual separa berstruktur, terdapat penambahan soalan dikemukakan oleh penyelidik. Temu bual berbentuk

begini lebih bersifat spontan serta tidak terikat dengan teks soalan yang telah disediakan. Sesi temubual akan dirakam menggunakan perakam audio bagi membolehkan penyelidik mencatat perbualan dengan teliti.

Pemilihan metod temu bual ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor yang dimaksudkan ialah penyelidik dapat berinteraksi secara langsung dengan responden dan responden dapat memberikan jawapan secara langsung. Selain itu, responden juga boleh mengembangkan pendapat mereka dalam bentuk huraian yang mana lebih mudah difahami oleh penyelidik (Bogdan & Biklen, 1992; Creswell, 1994; Patton, 1990).

3.5 Prosedur Kajian

Perancangan yang rapi dibuat sebelum menjalankan proses kajian bagi memastikan kajian dapat dilaksanakan dengan baik. Para ahli penyelidikan berbincang bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan untuk menyusun kaedah yang terbaik dalam melaksanakan kajian ini dengan jayanya. Selepas itu, prosedur yang telah dirancang seperti di bawah dijalankan bagi meneruskan kajian dan proses pengumpulan data:

- i. Ahli penyelidikan berbincang untuk merangka set soal selidik dan soalan temu bual.
- ii. Menghasilkan satu set soal selidik dan soalan temu bual.
- iii. Mengedarkan set soal selidik kepada responden dan menemu bual responden berkenaan.
- iv. Membuat analisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 16.0 dan N'Vivo Versi 8.0.

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik telah memilih metod yang digunakan bagi mengumpul data primer dan data sekunder untuk memastikan semua data yang diperlukan adalah berkualiti serta menjawab persoalan kajian dengan baik. Terdapat dua metod yang digunakan bagi mengumpul semua data maklumat berkaitan kajian ini. Pertama, metod kajian soal selidik digunakan untuk mengumpul semua data primer yang dikehendaki. Manakala kedua adalah metod kajian perpustakaan digunakan oleh penyelidik bagi mengumpul data sekunder.

3.6.1 Pengumpulan Data Primer

Data primer ialah data yang dikumpul berpandukan hasil dapatan kajian penyelidik yang bertujuan menjelaskan masalah kajian. Pengumpulan data primer bagi kajian ini diperolehi melalui kaedah soal selidik dan sesi temu bual. Kesemua persoalan kajian yang dinyatakan di dalam bab I digunakan untuk membentuk soal selidik dan juga soal temu bual..

Seterusnya, set borang soal selidik yang selesai diisi oleh responden dianalisis oleh penyielidik menggunakan perisian "*Statistical Package For The Social Science*" (SPSS) Versi 16.0. Maklumat yang diperolehi daripada analisis data ditukar kepada bentuk perangkaan dan statistik. Keputusan akan dibincang dan dirumuskan bagi menjelaskan keadaan sebenar permasalahan penyelidikan.

Bagi sesi temu bual pula, setelah sesi temu bual selesai dijalankan, data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian "*N'Vivo*" Versi 8.0. Maklumat yang diperolehi dari sesi temu bual diterjemahkan kepada beberapa tema yang bersesuaian sekaligus menjawab persoalan kajian.

3.6.2 Pengumpulan Data Sekunder

Data sekunder pula ialah data sokongan kepada data primer. Data ini bertujuan memperolehi penerangan, fakta, serta pemahaman atau kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Tujuannya untuk mengenalpasti dan mendefinisikan masalah tentang kajian dengan lebih jelas bagi membina pendekatan kepada masalah serta menjawab permasalahan.

Pengumpulan data sekunder ini didapati melalui kaedah kajian perpustakaan. Bahan-bahan rujukan serta bahan maklumat yang diperolehi daripada kajian ini digunakan untuk mempermudah proses penyempurnaan kajian ini.

3.7 Analisis Data Kuantitatif

Set-set soal selidik yang telah diisi oleh responden dikumpulkan dan disemak untuk menentukan soalan-soalan yang dikemukakan dijawab mengikut arahan yang ditetapkan. Seterusnya, data yang diperolehi diproses menggunakan program SPSS Versi 16.0. Jawapan pada bahagian A dianalisa berdasarkan kekerapan dan peratusan bagi setiap soalan. Manakala pada Bahagian B,C, D, E dan F pula mengandungi 80 item yang dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratusan bagi setiap item dan juga bagi setiap persoalan kajian. Kemudiannya, min bagi setiap item di bahagian A, B, C, D, E dan F akan dikira. Rumus bagi min adalah seperti di berikut:

$$\begin{aligned} \text{Min;} &= \Sigma X / N \\ &= \text{Min keseluruhan} \\ \Sigma X &= \text{Jumlah min keseluruhan item} \\ / &= \text{Bahagi} \\ N &= \text{Jumlah item} \end{aligned}$$

Berdasarkan analisis tersebut, penyelidik juga dapat membuat penilaian terhadap responden dengan mengkategorikan penilaian tersebut kepada beberapa

tahap min seperti yang dapat dilihat pada Jadual 3.4. Bagi melihat perbezaan item berdasarkan peratus, Jadual 3.5 sangat membantu penyelidik membuat pengelasan dimensi persoalan kajian berdasarkan nilai peratus yang diperolehi.

Skor Min	Tahap Penilaian
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 3.4 : Tahap Penilaian Responden Berdasarkan Min

Berdasarkan Peratus Had Peratus (%)	Tahap Penilaian
0 - 50	Rendah
51 - 80	Sederhana
81 - 100	Tinggi

Jadual 3.5: Pengelasan Dimensi Persoalan Kajian

3.8 Jangka Masa Kajian

Setiap kajian yang dijalankan semestinya akan terikat dengan perkara-perkara yang melibatkan kos, masa, dan tenaga. Oleh yang demikian, penyelidik diberikan tempoh masa yang terhad bagi menyiapkan kajian ini iaitu bermula pada November 2011 dan berakhir pada Mac 2012.

3.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, telah dijelaskan metodologi yang digunakan oleh penyelidik sepanjang menjalankan kajian ini. Penyelidik juga telah menyesuaikan metodologi kajian yang dipilih dengan tajuk dan sampel kajian yang dikaji.

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil daripada analisis data dan keputusan yang diperolehi berdasarkan maklum balas responden melalui sesi temubual dan soal selidik yang telah dijalankan. Segala data yang telah diperolehi dikumpulkan dan dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang terperinci untuk menjawab setiap persoalan kajian yang telah dibincangkan dalam bab I. Data tersebut dianalisis menggunakan dua perisian iaitu *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 16.0 dan juga *N'Vivo* versi 8.0.

Analisis data dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu data dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian dalam bentuk kuantitatif dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 16.0. Perbincangan meliputi keseluruhan item supaya dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai hasil kajian. Analisis dilaksanakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, min dan nilai peratusan bagi setiap item.

Data yang dianalisis ini mempunyai sebanyak 80 item yang dibahagikan kepada enam bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E dan F. Bahagian A terdiri dari 7 item berkaitan dengan maklumat latar belakang responden yang dikaji. Manakala pada bahagian B, C, D, E dan F, terdapat 73 item. Item-item tersebut dibahagikan mengikut objektif yang telah dikemukakan oleh penyelidik. Bahagian C dan D sebanyak 20 item soal dikemukakan bagi mengetahui penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Pada bahagian E pula, sebanyak 12 item dikemukakan untuk

mengenalpasti halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia dan pada bahagian B dan E sebanyak dua soalan merangkumi 41 item jawapan dikemukakan bagi mengenalpasti medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia.

4.2 Bahagian A: Latar Belakang Responden

Pada bahagian ini, analisis yang dijalankan adalah berkaitan dengan latar belakang responden yang dikaji. Terdapat tujuh maklumat berkaitan dengan responden yang dikehendaki oleh penyelidik iaitu berkaitan dengan umur, latar belakang pendidikan, pekerjaan, jumlah pendapatan, status perkahwinan, bangsa dan agama. Keseluruhan responden adalah seramai 300 orang. Penjelasan untuk bahagian A akan diperincikan dalam senarai jadual berikut:

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur

Item	Pernyataan		Kekerapan	Peratus (%)
1	Umur	Bawah 25 Tahun	120	40.0
		26 Hingga 40 Tahun	86	28.7
		41 Hingga 60 Tahun	78	26.0
		61 Tahun Ke Atas	16	5.3
Jumlah			300	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden berdasarkan umur. Seramai 120 orang responden (40.0%) adalah berusia bawah 25 tahun, 86 orang responden (28.7%) berumur antara 26 hingga 40 tahun, 78 orang responden (26.0%) berusia antara 41 hingga 60 tahun dan 16 orang responden (5.3%) berusia 61 tahun ke atas.

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Pendidikan

Item	Pernyataan		Kekerapan	Peratus (%)
	Latar	UPSR	46	15.3

2	Belakang Pendidikan	PMR	45	15.0
		SPM	116	38.7
		STPM	23	7.7
		Sarjana Muda	56	18.7
		Sarjana	14	4.7
		Lain-lain	46	15.3
Jumlah			300	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut latar belakang pendidikan. Seramai 46 orang responden (15.3%) adalah berpendidikan tahap UPSR, 45 orang responden (15.0%) berpendidikan hingga ke tahap PMR, 116 orang responden (38.7%) berpendidikan hingga ke tahap SPM, 23 orang responden (7.7 %) berpendidikan di tahap STPM, 43 orang responden (15.3%) berkelulusan Sarjana Muda dan seramai 46 orang responden (15.3%) daripada lain-lain latar pendidikan termasuklah tidak bersekolah.

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus (%)	
3	Pekerjaan	Kerajaan	61	20.3
		Swasta	60	20.0
		Kerja Sendiri	83	27.7
		Tidak Bekerja	96	32.0
Jumlah		300	100.0	

Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan. Seramai 61 orang responden (20.3%) adalah kakitangan awam, 60 orang responden (20.0%) bekerja di sektor swasta, 83 orang responden (27.7%) bekerja sendiri dan 96 orang responden (32.0%) adalah tidak bekerja.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan

Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus (%)	
4	Pendapatan	Kurang RM1000	159	53.0
		RM1000 – RM2500	105	35.0
		RM2501 – RM4000	24	8.0
		RM4001 ke atas	12	4.0
Jumlah		300	100.0	

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut kadar pendapatan bulanan. Seramai 159 orang responden (53.0%) berpendapatan kurang daripada RM1000, 105 orang responden (35.0%) berpendapatan antara RM1000 hingga RM2500, 24 orang responden (8.0%) berpendapatan antara RM2501 hingga RM4000 dan 12 orang responden (4.0%) berpendapatan melebihi 4.0 sebulan. Min bagi item ini ialah 1.63.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus (%)	
5	Status Perkahwinan	Bujang	126	42.0
		Berkahwin	157	52.3
		Duda	8	2.7
		Janda	9	3.0
Jumlah		300	100.0	

Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut status perkahwinan. Seramai 126 orang responden (42.0%) adalah masih bujang, 157 orang responden (52.3%) sudah berkahwin, lapan orang responden (2.7%) merupakan duda dan sembilan orang responden (3.0%) adalah atau janda.

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus (%)
------	------------	-----------	-------------

6	Bangsa	Melayu	276	92.0
		Cina	20	6.7
		India	3	1.0
		Lain-lain	1	0.3
Jumlah			300	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Seramai 276 orang responden (92.0%) adalah dari bangsa Melayu, 20 orang responden (6.7%) dari bangsa Cina, tiga orang responden (1.0%) adalah berbangsa India dan seorang responden (0.3%) daripada lain-lain bangsa.

Jadual 4.7: Taburan Responden Mengikut Agama

Item	Pernyataan	Kekerapan	Peratus (%)	
7	Agama	Islam	280	93.3
		Kristian	2	0.7
		Buddha	14	4.7
		Hindu	2	0.7
		Lain-Lain	2	0.7
Jumlah		300	100.0	

Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden mengikut agama. Seramai 280 orang responden (93.3%) adalah beragama Islam, dua orang responden (0.7%) dari beragama Kristian, 14 orang responden (4.7%) adalah beragama Buddha, dua orang responden (0.7%) beragama Hindu dan dua orang responden (0.7%) daripada lain-lain agama.

4.3 Analisis Bahagian B

Bahagian B merupakan analisis data berkenaan dengan soalan-soalan yang dibina berdasarkan objektif kajian iaitu penerimaan rakyat terhadap gagasan

1Malaysia, halangan dan cabaran 1Malaysia serta medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia. Bahagian ini mengandungi 73 soalan yang dibahagikan mengikut objektif kajian. Objektif pertama mengandungi 20 soalan, objektif kedua mempunyai 12 soalan dan objektif ketiga mempunyai dua soalan yang mengandungi 41 item jawapan. Soalan-soalan tersebut dikemukakan menggunakan skala likert lima mata seperti yang telah dinyatakan dalam bab III.

4.3.1 Analisis Data Berkenaan Penerimaan Rakyat Terhadap Gagasan 1Malaysia

Item bahagian ini merupakan item-item dalam bahagian C soal selidik. Ia mengandungi 20 item soalan bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu persepsi rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Bagi mengetahui dapatan kajian secara terperinci, penyelidik telah menganalisis dapatan kajian setiap item dan dipaparkan mengikut jadual yang disediakan.

Jadual 4.8 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 29

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
29	Gagasan 1Malaysia amat sesuai dikembangkan dalam kalangan rakyat Malaysia.	STS	5	1.7	3.96
		TS	25	8.3	
		KS	40	13.3	
		S	137	45.7	
		SS	93	31.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.8 menunjukkan 93 orang responden (31.0%) sangat bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia amat sesuai dikembangkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Manakala 137 orang responden (45.7%) bersetuju, 40 orang responden (13.3%) responden kurang bersetuju, 25 orang responden (8.3%) tidak bersetuju dan lima

orang responden (1.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.96.

Jadual 4.9 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 30

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
30	Penerimaan terhadap cara hidup kaum lain adalah sesuai diamalkan di Malaysia.	STS	7	2.3	3.78
		TS	29	9.7	
		KS	46	15.3	
		S	158	52.7	
		SS	60	20.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.9 menunjukkan 60 orang responden (2.3%) sangat bersetuju dan 158 orang responden (52.7%) bersetuju bahawa penerimaan terhadap cara hidup kaum lain adalah sesuai diamalkan di Malaysia. Manakala 46 orang responden (15.3%) kurang bersetuju, 29 orang responden (9.7%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.78.

Jadual 4.10 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 31

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
31	Penerimaan terhadap amalan kaum lain adalah sesuai diamalkan di Malaysia.	STS	7	2.3	3.69
		TS	25	8.3	
		KS	74	24.7	
		S	141	47.0	
		SS	53	17.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.10 menunjukkan 53 orang responden (17.7%) sangat bersetuju penerimaan terhadap amalan kaum lain adalah sesuai diamalkan di Malaysia. Manakala 141 orang responden (47.0%) bersetuju, 74 orang responden (24.7%) responden kurang bersetuju, 25 orang responden (8.3%) tidak bersetuju dan 7 orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.69.

Jadual 4.11 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 32

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
32	Penerimaan terhadap kebudayaan kaum lain adalah baik dipraktikkan dalam kalangan rakyat Malaysia.	STS	6	2.0	3.76
		TS	25	8.3	
		KS	76	25.3	
		S	121	40.3	
		SS	72	24.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.11 menunjukkan 72 orang responden (24.0%) sangat bersetuju dan 121 orang responden (40.3%) bersetuju bahawa penerimaan terhadap kebudayaan kaum lain adalah baik dipraktikkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Manakala 76 orang responden (25.3%) kurang bersetuju, 25 orang responden (8.3%) tidak bersetuju dan enam orang responden (2.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.76.

Jadual 4.12 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 33

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
33	Perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah intipati penting kemakmuran negara.	STS	5	1.7	3.96
		TS	19	6.3	
		KS	59	19.7	
		S	118	39.3	
		SS	99	33.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.12 menunjukkan 99 orang responden (33.0%) sangat bersetuju bahawa perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah intipati penting kemakmuran negara. Manakala 118 orang responden (39.3%) bersetuju, 59 orang responden (19.7%) responden kurang bersetuju, 19 orang responden (6.3%) tidak bersetuju dan lima orang responden (1.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.96.

Jadual 4.13 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 34

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
34	Semangat cintakan negara adalah asas kemakmuran rakyat Malaysia.	STS	7	2.3	4.07
		TS	12	4.0	
		KS	44	14.7	
		S	126	42.0	
		SS	111	37.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.13 menunjukkan 111 orang responden (37.0%) sangat bersetuju dan 126 orang responden (42.0%) bersetuju bahawa semangat cintakan negara adalah asas kemakmuran rakyat Malaysia. Manakala 44 orang responden (14.7%) responden kurang bersetuju, 12 orang responden (4.0%) tidak bersetuju dan tujuh orang

responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.07.

Jadual 4.14 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 35

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
35	Keadilan sosial iaitu setiap kaum mendapat keadilan perlu ditegakkan dalam masyarakat Malaysia.	STS	6	2.0	3.88
		TS	27	9.0	
		KS	46	15.3	
		S	138	46.0	
		SS	83	27.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.14 menunjukkan 83 orang responden (27.7%) sangat bersetuju bahawa keadilan sosial iaitu setiap kaum mendapat keadilan perlu ditegakkan dalam masyarakat Malaysia. Manakala 138 orang responden (46.0%) bersetuju, 46 orang responden (15.3%) responden kurang bersetuju, 27 orang responden (9.0%) tidak bersetuju dan enam orang responden (2.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.88.

Jadual 4.15 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 36

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
		STS	8	2.7	

36	Perlaksanaan gagasan 1Malaysia mampu mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia.	TS	18	6.0	3.96
		KS	47	15.7	
		S	131	43.7	
		SS	96	32.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.15 menunjukkan 96 orang responden (32.0%) sangat bersetuju dan 131 orang responden (43.7%) bersetuju bahawa pelaksanaan gagasan 1Malaysia mampu mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia. Manakala 47 orang responden (15.7%) kurang bersetuju, 18 orang responden (6.0%) tidak bersetuju dan lapan orang responden (2.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.96.

Jadual 4.16 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 37

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
37	1Malaysia merupakan kesinambungan usaha kepimpinan terdahulu bagi mengeratkan lagi perpaduan kaum.	STS	7	2.3	3.87
		TS	22	7.3	
		KS	58	19.3	
		S	128	42.7	
		SS	85	28.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.16 menunjukkan 85 orang responden (37.0%) sangat bersetuju dan 128 orang responden (42.7%) bersetuju bahawa 1Malaysia merupakan kesinambungan usaha kepimpinan terdahulu bagi mengeratkan lagi perpaduan kaum. Manakala 58 orang responden (19.3%) kurang bersetuju, 22 orang responden (7.3%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.87.

Jadual 4.17 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 38

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
38	1Malaysia merupakan bukti kesungguhan kerajaan menyatupadukan rakyat.	STS	9	3.0	3.93
		TS	23	7.7	
		KS	38	12.7	
		S	139	46.3	
		SS	91	30.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.17 menunjukkan 91 orang responden (30.3%) sangat bersetuju dan 139 orang responden (46.3%) bersetuju bahawa 1Malaysia merupakan bukti kesungguhan kerajaan menyatupadukan rakyat. Manakala 38 orang responden (12.7%) kurang bersetuju, 23 orang responden (7.7%) tidak bersetuju dan sembilan orang responden (3.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.93.

Jadual 4.18 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 39

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
39	Masyarakat memberikan sambutan menggalakkan terhadap gagasan 1Malaysia.	STS	7	2.3	3.75
		TS	28	9.3	
		KS	58	19.3	
		S	147	49.0	
		SS	60	20.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.18 menunjukkan 60 orang responden (20.0%) sangat bersetuju bahawa Masyarakat memberikan sambutan menggalakkan terhadap gagasan 1Malaysia. Manakala 147 orang responden (49.0%) bersetuju, 58 orang responden (19.3%) responden kurang bersetuju, 28 orang responden (9.3%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.75.

Jadual 4.19 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 40

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
40	Gagasan 1Malaysia perlu diteruskan pada masa yang akan datang.	STS	11	3.7	3.95
		TS	16	5.3	
		KS	42	14.0	
		S	139	46.3	
		SS	92	30.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.19 menunjukkan 92 orang responden (30.7%) sangat bersetuju dan 139 orang responden (46.3%) bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia perlu diteruskan pada masa yang akan datang. Manakala 42 orang responden (14.0%) kurang bersetuju, 16 orang responden (5.3%) tidak bersetuju dan 11 orang responden (3.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.95.

Jadual 4.20 : Taburan Kekeperapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 41

Item	Pernyataan	Skor	Kekeperapan	%	Min
41	Budaya Kecemerlangan (Memastikan setiap tugas yang dilakukan mencapai tahap terbaik).	STS	9	3.0	3.92
		TS	11	3.7	
		KS	52	17.3	
		S	150	50.0	
		SS	78	26.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.20 menunjukkan 78 orang responden (26.0%) sangat bersetuju dan 150 orang responden (50.0%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu budaya kecemerlangan yang menyatakan bahawa memastikan setiap tugas yang dilakukan mencapai tahap terbaik. Manakala 52 orang responden (17.3%) kurang bersetuju, 11 orang responden (3.7%) tidak bersetuju dan sembilan orang responden (3.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.92.

Jadual 4.21 : Taburan Kekeperapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 42

Item	Pernyataan	Skor	Kekeperapan	%	Min
42	Ketabahan (Tabah menghadapi cabaran untuk kejayaan diri dan negara).	STS	8	2.7	3.94
		TS	14	4.7	
		KS	50	16.7	
		S	143	47.7	
		SS	85	28.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.19 menunjukkan 85 orang responden (28.3%) sangat bersetuju dan 143 orang responden (47.7%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu tabah yang menyatakan bahawa ketabahan menghadapi cabaran untuk kejayaan diri dan Negara. Manakala 50 orang responden (16.7%) kurang bersetuju, 14 orang responden (4.7%)

tidak bersetuju dan lapan orang responden (2.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.94.

Jadual 4.22 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 43

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
43	Rendah hati (Kebolehan dimiliki tidak perlu dibanggakan dengan cara yang tidak digemari masyarakat Malaysia).	STS	9	3.0	3.89
		TS	15	5.0	
		KS	56	18.7	
		S	140	46.7	
		SS	80	26.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.22 menunjukkan 80 orang responden (26.7%) sangat bersetuju dan 140 orang responden (46.7%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu rendah hati yang menyatakan bahawa kebolehan dimiliki tidak perlu dibanggakan dengan cara yang tidak digemari masyarakat Malaysia. Manakala 56 orang responden (18.7%) kurang bersetuju, 15 orang responden (5.0%) tidak bersetuju dan sembilan orang responden (3.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.89.

Jadual 4.23 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 44

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
44	Penerimaan (Menerima perbezaan antara kaum dengan hati yang ikhlas tanpa ada unsur	STS	9	3.0	3.98
		TS	15	5.0	
		KS	40	13.3	
		S	143	47.7	

	paksaan).	SS	93	31.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.23 menunjukkan 93 orang responden (31.0%) sangat bersetuju dan 143 orang responden (47.7%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu penerimaan yang menyatakan bahawa menerima perbezaan antara kaum dengan hati yang ikhlas tanpa ada unsur paksaan. Manakala 40 orang responden (13.3%) kurang bersetuju, 15 orang responden (5.0%) tidak bersetuju dan sembilan orang responden (3.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.98.

Jadual 4.24 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 45

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
45	Kesetiaan (Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri).	STS	5	1.7	3.93
		TS	16	5.3	
		KS	64	21.3	
		S	124	41.3	
		SS	91	30.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.24 menunjukkan 91 orang responden (30.3%) sangat bersetuju dan 124 orang responden (41.3%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu kesetiaan yang menyatakan bahawa semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Manakala 64 orang responden (21.3%) kurang bersetuju, 16 orang responden (5.3%) tidak bersetuju dan lima orang responden (1.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.93.

Jadual 4.25 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 46

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
46	Meritokrasi (Menekankan persaingan secara terbuka berasaskan kriteria yang ditetapkan).	STS	7	2.3	3.79
		TS	19	6.3	
		KS	65	21.7	
		S	148	49.3	
		SS	61	20.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.25 menunjukkan 61 orang responden (20.3%) sangat bersetuju dan 148 orang responden (49.3%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu meritokrasi yang menyatakan bahawa menekankan persaingan secara terbuka berasaskan kriteria yang ditetapkan. Manakala 65 orang responden (21.7%) kurang bersetuju, 19 orang responden (6.3%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.79.

Jadual 4.26 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 47

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
47	Pendidikan (Negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan pengetahuan).	STS	6	2.0	4.06
		TS	15	5.0	
		KS	53	17.7	
		S	107	35.7	
		SS	119	39.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.26 menunjukkan 119 orang responden (39.7%) sangat bersetuju dan 107 orang responden (35.7%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu pendidikan yang menyatakan bahawa negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan

pendidikan dan pengetahuan. Manakala 53 orang responden (17.7%) kurang bersetuju, 15 orang responden (5.0%) tidak bersetuju dan enam orang responden (2.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.06.

Jadual 4.27 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 48

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
48	Integriti (Bersikap jujur dan amanah terhadap sesuatu tindakan dan percakapan).	STS	8	2.7	4.04
		TS	14	4.7	
		KS	47	15.7	
		S	121	40.3	
		SS	110	36.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.27 menunjukkan 110 orang responden (36.7%) sangat bersetuju dan 121 orang responden (40.3%) bersetuju dengan nilai gagasan 1Malaysia iaitu Integriti yang menyatakan bahawa bersikap jujur dan amanah terhadap sesuatu tindakan dan percakapan. Manakala 47 orang responden (15.7%) kurang bersetuju, 14 orang responden (4.7%) tidak bersetuju dan lapan orang responden (2.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.04.

4.3.3 Analisis Data Berkenaan Halangan dan Cabaran dalam Merealisasikan Gagasan 1Malaysia

Item bahagian ini merupakan item-item dalam bahagian E soal selidik. Ia mengandungi 12 item soalan bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Bagi mengetahui dapatan kajian

secara terperinci, penyelidik telah menganalisis dapatan kajian setiap item dan dipaparkan mengikut jadual yang disediakan.

Jadual 4.28 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 49

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
49	Masyarakat yang tidak mengetahui mengenai gagasan 1Malaysia akan bersikap negatif terhadap gagasan ini.	STS	10	3.3	3.70
		TS	19	6.3	
		KS	69	23.0	
		S	154	51.3	
		SS	48	16.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.28 menunjukkan 48 orang responden (16.0%) sangat bersetuju dan 154 orang responden (51.3%) bersetuju bahawa masyarakat yang tidak mengetahui mengenai gagasan 1Malaysia akan bersikap negatif terhadap gagasan ini. Manakala 69 orang responden (23.0%) kurang bersetuju, 19 orang responden (6.3%) tidak bersetuju dan sepuluh orang responden (3.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.70.

Jadual 4.29 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 50

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
50	Rakyat yang mendapat maklumat yang tidak tepat tentang gagasan 1Malaysia menjadi penghalang utama ke arah merealisasikan.	STS	3	1.0	3.73
		TS	27	9.0	
		KS	69	23.0	
		S	150	50.0	
		SS	51	17.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.29 menunjukkan 51 orang responden (17.0%) sangat bersetuju dan 150 orang responden (50.0%) bersetuju bahawa rakyat yang mendapat maklumat yang tidak tepat tentang gagasan 1Malaysia menjadi penghalang utama ke arah merealisasikannya. Manakala 69 orang responden (23.0%) kurang bersetuju, 27 orang responden (9.0%) tidak bersetuju dan tiga orang responden (1.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.73.

Jadual 4.30 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 51

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
51	Terdapat isu sensitif berkaitan hubungan antara kaum di Malaysia yang perlu di atasi bagi menjayakan 1Malaysia.	STS	4	1.3	3.85
		TS	15	5.0	
		KS	65	21.7	
		S	154	51.3	
		SS	62	20.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.30 menunjukkan 62 orang responden (20.7%) sangat bersetuju dan 154 orang responden (51.3%) bersetuju bahawa terdapat isu sensitif berkaitan hubungan antara kaum di Malaysia yang perlu di atasi bagi menjayakan 1Malaysia. Manakala 65 orang responden (21.7%) kurang bersetuju, 15 orang responden (5.0%) tidak bersetuju dan empat orang responden (1.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.85.

Jadual 4.31 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 52

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
52	Jurang sosial antara Islam dan bukan Islam di Malaysia melambatkan proses tercapainya matlamat gagasan 1Malaysia.	STS	7	2.3	3.57
		TS	43	14.3	
		KS	71	23.7	
		S	129	43.0	
		SS	50	16.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.31 menunjukkan 50 orang responden (16.7%) sangat bersetuju dan 129 orang responden (43.0%) bersetuju bahawa jurang sosial antara Islam dan bukan Islam di Malaysia melambatkan proses tercapainya matlamat gagasan 1Malaysia. Manakala 71 orang responden (23.7%) kurang bersetuju, 43 orang responden (14.3%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.57.

Jadual 4.32 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 53

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
53	Jurang perbezaan status ekonomi dalam kalangan masyarakat membantutkan proses terlaksananya konsep 1Malaysia.	STS	6	2.0	3.66
		TS	27	9.0	
		KS	83	27.7	
		S	132	44.0	
		SS	52	17.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.32 menunjukkan 52 orang responden (17.3%) sangat bersetuju dan 132 orang responden (44.0%) bersetuju bahawa jurang perbezaan status ekonomi dalam kalangan masyarakat membantutkan proses terlaksananya konsep 1Malaysia. Manakala 83 orang responden (27.7%) kurang bersetuju, 27 orang responden (9.0%) tidak bersetuju dan enam orang responden (2.0%) sangat tidak bersetuju dengan

pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.66.

Jadual 4.33 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 54

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
54	Wujud jurang generasi antara mereka berumur 20,30-an dan mereka yang berumur lingkungan 50-an ke atas menjadi penghalang pelaksanaan 1Malaysia.	STS	5	1.7	3.50
		TS	44	14.7	
		KS	86	28.7	
		S	126	42.0	
		SS	39	13.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.33 menunjukkan 39 orang responden (13.0%) sangat bersetuju dan 126 orang responden (42.0%) bersetuju bahawa wujud jurang generasi antara mereka berumur 20,30-an dan mereka yang berumur lingkungan 50-an ke atas menjadi penghalang pelaksanaan 1Malaysia. Manakala 86 orang responden (28.7%) kurang bersetuju, 44 orang responden (14.7%) tidak bersetuju dan lima orang responden (1.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.50.

Jadual 4.34 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 55

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
55	Sikap individualistik dalam kalangan	STS	6	2.0	
		TS	31	10.3	

	masyarakat akan menggagalkan 1Malaysia.	KS	68	22.7	3.71
		S	133	44.3	
		SS	62	20.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.34 menunjukkan 62 orang responden (20.7%) sangat bersetuju dan 133 orang responden (44.3%) bersetuju bahawa sikap individualistik dalam kalangan masyarakat akan menggagalkan 1Malaysia. Manakala 68 orang responden (22.7%) kurang bersetuju, 31 orang responden (10.3%) tidak bersetuju dan enam orang responden (2.0%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.71.

Jadual 4.35 : Taburan Kekekapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 56

Item	Pernyataan	Skor	Kekekapan	%	Min
56	Gagasan 1Malaysia sukar dicapai kerana masyarakat Malaysia bersikap materialistik.	STS	8	2.7	3.56
		TS	40	13.3	
		KS	83	27.7	
		S	115	38.3	
		SS	54	18.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.35 menunjukkan 54 orang responden (18.0%) sangat bersetuju dan 115 orang responden (38.3%) bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia sukar dicapai kerana masyarakat Malaysia bersikap materialistik. Manakala 83 orang responden (27.7%) kurang bersetuju, 40 orang responden (13.3%) tidak bersetuju dan lapan orang responden (2.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.56.

Jadual 4.36 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 57

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
57	Kos penerangan 1Malaysia yang tinggi terpaksa ditanggung kerajaan.	STS	8	2.7	3.54
		TS	35	11.7	
		KS	90	30.0	
		S	122	40.7	
		SS	45	15.0	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.36 menunjukkan 45 orang responden (15.0%) sangat bersetuju dan 122 orang responden (40.7%) bersetuju bahawa kos penerangan 1Malaysia yang tinggi terpaksa ditanggung kerajaan. Manakala 90 orang responden (30.0%) kurang bersetuju, 35 orang responden (11.7%) tidak bersetuju dan lapan orang responden (2.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.54.

Jadual 4.37 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 58

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
58	Tekanan politik dihadapi pihak kerajaan menyukarkan matlamat 1Malaysia dicapai.	STS	7	2.3	3.67
		TS	28	9.3	
		KS	67	22.3	
		S	154	51.3	
		SS	44	14.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.37 menunjukkan 44 orang responden (14.7%) sangat bersetuju dan 154 orang responden (51.3%) bersetuju bahawa tekanan politik dihadapi pihak kerajaan menyukarkan matlamat 1Malaysia dicapai. Manakala 67 orang responden (22.3%)

kurang bersetuju, 28 orang responden (9.3%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.67.

Jadual 4.38 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 59

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
59	Konsep 1Malaysia masih belum jelas dalam kalangan pemimpin pro-kerajaan..	STS	8	2.7	3.61
		TS	27	9.0	
		KS	90	30.0	
		S	125	41.7	
		SS	50	16.7	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.38 menunjukkan 50 orang responden (16.7%) sangat bersetuju dan 125 orang responden (41.7%) bersetuju bahawa konsep 1Malaysia masih belum jelas dalam kalangan pemimpin pro-kerajaan. Manakala 90 orang responden (30.0%) kurang bersetuju, 27 orang responden (9.0%) tidak bersetuju dan lapan orang responden (2.7%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap sederhana dengan nilai skor min sebanyak 3.61.

Jadual 4.39 : Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 60

Item	Pernyataan	Skor	Kekerapan	%	Min
		STS	7	2.3	

60	Konsep 1Malaysia masih belum jelas dalam kalangan pemimpin pro-pembangkang..	TS	33	11.0	3.69
		KS	76	25.3	
		S	114	38.0	
		SS	70	23.3	
Jumlah			300	100	

Jadual 4.39 menunjukkan 70 orang responden (23.3%) sangat bersetuju dan 114 orang responden (38.0%) bersetuju bahawa konsep 1Malaysia masih belum jelas dalam kalangan pemimpin pembangkang. Manakala 76 orang responden (25.3%) kurang bersetuju, 33 orang responden (11.0%) tidak bersetuju dan tujuh orang responden (2.3%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Catatan min bagi item ini berada di tahap tinggi dengan nilai skor min sebanyak 3.69.

4.3.4 Analisis Data Berkenaan Medium Efektif Dalam Proses Penyampaian Gagasan 1Malaysia

Item bahagian ini merupakan item-item dalam bahagian B dan F soal selidik. Ia mengandungi 2 item soalan merangkumi 41 item pilihan jawapan bagi menjawab persoalan kajian yang keempat iaitu medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia. Bagi mengetahui dapatan kajian secara terperinci, penyelidik telah menganalisis dapatan kajian setiap item dan dipaparkan mengikut jadual yang disediakan.

Jadual 4.40: Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 8 Hingga 28

No Item	Item	Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	
8	Banner	159	53	141	47	3.35

9	Dokumentari	128	42.7	172	57.3	3.12
10	Drama	146	48.7	154	51.3	3.24
11	Filem	126	42.0	174	58.0	3.16
12	Forum	142	47.3	158	52.7	3.25
13	Internet	160	53.3	140	46.7	3.36
14	Khidmat masyarakat	171	57.0	129	43.0	3.51
15	Kurikulum sekolah	150	50.0	150	50.0	3.32
16	Lagu	157	52.3	143	47.7	3.39
17	Pameran	149	49.7	151	50.3	3.26
18	Pemplet	129	43.0	171	57.0	3.13
19	Pidato/ Ceramah	141	47.0	159	53.0	3.25
20	Poster	169	56.3	131	43.7	3.43
21	Radio	203	67.7	97	32.3	3.75
22	Sambutan perayaan	177	59.0	123	41.0	3.55
23	Seminar	147	49.0	51.0	153	3.35
24	Surat Khabar	213	71.0	29.0	87	3.82
25	Televisyen	238	79.3	20.7	62	4.07
26	Buku	160	53.3	46.7	140	3.37
27	Majalah	145	48.3	51.7	155	3.24
28	Rakan-rakan	161	53.7	46.3	139	3.44

Jadual 4.40 ialah berkenaan persetujuan responden terhadap item pilihan yang dikemukakan berdasarkan soalan bahagian B iaitu medium yang telah membantu mengenali 1Malaysia. Berdasarkan jadual 4.40, purata keseluruhan bagi min objektif kajian yang keempat ialah 3.40 yang menunjukkan tahap persetujuan yang sederhana. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi ialah item yang menyatakan bahawa televisyen merupakan medium yang telah memberi maklumat tentang 1Malaysia iaitu dengan skor min 4.07. Item ini menunjukkan 238 orang responden (79.3%) menyatakan setuju dan 62 orang responden (20.7%) tidak bersetuju. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah item yang menyatakan responden memperolehi maklumat berkaitan gagasan 1Malaysia melalui dokumentari iaitu dengan skor min 3.12. Item ini menunjukkan 128 orang responden (42.7%) menyatakan setuju dan 172 orang responden (57.3 %) tidak setuju. Majoriti

kesemua item dalam objektif keempat ini menunjukkan nilai min yang sederhana iaitu antara 2.34 hingga 3.67 kecuali item 21, 24 dan 24 dengan nilai min tahap tinggi. Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa responden kajian ini menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap tiga item tersebut sebagai medium paling banyak menyumbang maklumat kepada mereka berkaitan gagasan 1Malaysia yang dilaksanakan oleh kerajaan. Tiga medium tersebut ialah radio, surat khabar dan televisyen. Tiga medium yang paling kurang memberikan maklumat berkaitan gagasan 1Malaysia menurut responden kajian ini ialah dokumentari, pementas dan filem.

Jadual 4.41: Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Bagi Item 61 Hingga 80

No Item	Item	Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	
61	Banner	175	58.3	125	41.7	3.57
62	Dokumentari	174	58.0	126	42.0	3.52
63	Drama	193	64.3	107	35.7	3.70
64	Filem	181	60.3	119	39.7	3.64
65	Forum	180	60.0	120	40.0	3.58
66	Internet	188	62.7	112	37.3	3.71
67	Khidmat masyarakat	220	73.3	80	26.7	3.88
68	Kurikulum sekolah	207	69.0	93	31.0	3.81
69	Lagu	190	63.3	110	36.7	3.69
70	Pameran	181	60.3	119	39.7	3.61
71	Pementas	164	54.7	136	45.3	3.51
72	Pidato/ Ceramah	170	56.7	130	43.3	3.52
73	Poster	195	65.0	105	34.0	3.67
74	Radio	225	75.0	75	25.0	3.90
75	Sambutan perayaan	205	68.3	95	31.7	3.83
76	Seminar	184	61.3	116	38.7	3.67

77	Surat Khabar	228	76.0	72	24.0	4.03
78	Televisyen	236	78.7	64	21.3	4.13
79	Buku	196	65.3	104	34.7	3.72
80	Majalah	184	61.3	116	38.7	3.64

Jadual 4.41 ialah berkenaan persetujuan responden terhadap item pilihan yang dikemukakan berdasarkan soalan bahagian F iaitu medium efektif dalam penyampaian gagasan 1Malaysia. Berdasarkan jadual 4.41, purata keseluruhan bagi min objektif kajian yang keempat ialah 3.72 yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi ialah item yang menyatakan bahawa televisyen merupakan medium yang paling efektif untuk menyampaikan maklumat tentang 1Malaysia iaitu dengan skor min 4.13. Item ini menunjukkan 236 orang responden (78.7%) menyatakan setuju dan 64 orang responden (21.3%) tidak bersetuju. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah ialah item yang ke 71. Item ini berkaitan pempet sebagai medium penyampaian efektif dalam menyampaikan gagasan 1Malaysia iaitu dengan skor min 3.51. Item ini menunjukkan 164 orang responden (54.7%) menyatakan setuju dan 136 orang responden (45.3 %) tidak bersetuju. Separuh iaitu 10 item dalam bahagian F ini menunjukkan nilai min yang sederhana iaitu antara 2.34 hingga 3.67 manakala 10 item yang lain menunjukkan nilai min tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa responden kajian ini menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap 10 item tersebut sebagai medium paling efektif bagi menyampaikan maklumat kepada masyarakat berkaitan gagasan 1Malaysia. Tiga medium paling tinggi nilai skor min ialah ialah televisyen, surat khabar dan radio. Tiga medium yang paling kurang efektif untuk menyampaikan maklumat berkaitan gagasan 1Malaysia menurut responden kajian ini ialah pempet, dokumentari dan ceramah atau pidato.

4.4 Analisis Data Kualitatif

Dalam kajian ini, instrumen temubual digunakan sebagai salah satu kaedah bagi mendapatkan hasil kajian sekaligus menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab I. Dapatan kajian melalui sesi temubual yang dijalankan

menghasilkan data dalam bentuk kualitatif dan dianalisis menggunakan perisian N'Vivo versi 8.0. Hasil dapatan kajian yang telah dianalisis dikemukakan secara terperinci seperti berikut:

Data ini menyentuh tentang persepsi masyarakat terhadap 1Malaysia, penerimaan rakyat, halangan dan cabaran serta medium efektif dalam menyampaikan gagasan 1Malaysia kepada masyarakat yang boleh dicerap oleh responden kajian yang terdiri daripada ahli masyarakat setempat kajian itu sendiri melalui temubual yang telah dijalankan. Semua data ini kemudian disusun dan ditadbir menggunakan perisian N'Vivo 8.0 dan menghasilkan jadual metriks keseluruhan data kualitatif ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran X. Jadual matrix yang ditunjukkan dalam bahagian dapatan kualitatif ini pula merupakan jumlah keseluruhan daripada enam sesi temubual yang dijalankan kepada enam orang responden.

4.4.1 Latar Belakang Responden

Sebelum membincangkan dapatan kajian bagi menjawab semua persoalan kajian yang telah ditentukan dalam kajian ini, adalah lebih bermakna latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini dikemukakan terlebih dahulu. Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pemimpin masyarakat bagi Parlimen Pekan termasuklah ketua-ketua kampung. Semua responden ini dipilih sebagai peserta kajian kerana memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

Jadual 4.42 Latar Belakang Responden R1, R2 dan R3

Responden	R1	R2	R3
Umur	58 Tahun	32 Tahun	59 Tahun
Pendidikan	SPM	Ijazah Sarjana Muda	SPM

		Ekonomi Industri	
Pekerjaan	Pesara TNB	Bekerja Sendiri	Pesara dan Petani
Pendapatan	-	RM4000 Hingga RM5000	RM1200
Status Perkahwinan	Berkahwin	Bujang	Berkahwin

Jadual 4.43 Latar Belakang Responden R4, R5 dan R6

Responden	R4	R5	R6
Umur	61 Tahun	22 Tahun	22 Tahun
Pendidikan	SPM	Pelajar Ijazah Sarjana Muda	Pelajar Ijazah Sarjana Muda
Pekerjaan	Pesara	Tidak Bekerja	Tidak Bekerja
Pendapatan	RM2300	Tiada	Tiada
Status Perkahwinan	Berkahwin	Bujang	Bujang

4.4.1.1 R1

R1 adalah seorang ketua kampung di salah sebuah kampung di DUN Peramu Jaya, Pekan Pahang. Beliau berusia 58 tahun dan merupakan pesara dan pernah berkhidmat sebagai pegawai di Tenaga Nasional Berhad atau TNB. Beliau berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

R1 secara sukarela telah bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian ini dan telah memberikan kerjasama dan komitmen yang penuh dalam menjayakan kajian ini. Justeru, R1 dipilih kerana memenuhi kriteria kajian seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

4.4.1.2 R2

R2 merupakan anggota Belia 4B Parlimen Pekan, Pahang. Beliau berusia 32 tahun dan merupakan dan masih bujang. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Industri daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

R2 secara sukarela telah bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian ini dan telah memberikan kerjasama dan komitmen yang penuh dalam menjayakan kajian ini. Justeru, R2 dipilih kerana memenuhi kriteria kajian seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

4.4.1.3 R3

R3 merupakan seorang Ketua Kampung. Beliau berusia 59 tahun dan telah berkahwin. Beliau merupakan pesara tentera dan menerima pencen sebanyak RM1200 sebagai pendapatan bulanan disamping elaun ketua kampung. Beliau berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia, (SPM).

R3 secara sukarela telah bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian ini dan telah memberikan kerjasama dan komitmen yang penuh dalam menjayakan kajian ini. Justeru, R3 dipilih kerana memenuhi kriteria kajian seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

4.4.1.4 R4

R4 merupakan pemimpin masyarakat di Parlimen Pekan. Beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi bagi semua ketua-ketua kampung dalam Parlimen Pekan Pahang. Beliau berusia 61 tahun dan telah berkeluarga. Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai di Jabatan Agama Islam Pahang, (JAIP).

R4 secara sukarela telah bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian ini dan telah memberikan kerjasama dan komitmen penuh dalam menjayakan kajian ini. Justeru, R4 dipilih kerana memenuhi kriteria kajian seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

4.4.1.5 R5

R5 merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda dan berusia 22 tahun serta masih bujang. R5 secara sukarela telah bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian ini dan telah memberikan kerjasama dan komitmen yang penuh dalam menjayakan kajian ini. Justeru, R5 dipilih kerana memenuhi kriteria kajian seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

4.4.1.6 R6

R6 merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda dan berusia 22 tahun serta masih bujang. R6 secara sukarela telah bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian ini dan telah memberikan kerjasama dan komitmen yang penuh dalam menjayakan kajian ini. Justeru, R6 dipilih kerana memenuhi kriteria kajian seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

4.4.2 Persepsi dan Penerimaan Rakyat Terhadap Gagasan 1Malaysia

Persoalan pertama dan kedua daripada kajian kes ini ialah berkaitan tentang apakah persepsi masyarakat tentang gagasan 1Malaysia dan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang telah dilancarkan oleh pihak kerajaan.

Aspek yang pertama dalam bahagian ini ialah berkaitan persepsi dan penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysian yang dilancarkan oleh pihak

kerajaan. Dalam aspek ini, terdapat 14 tema utama yang dibincangkan sebagaimana yang dikemukakan dalam jadual 4.44. Antara tema yang dibincangkan ialah merangkumi gambaran umum, penerimaan individu tentang gagasan 1Malaysia. Perbincangan seterusnya melibatkan penerimaan masyarakat secara umum sama ada menerima atau pun tidak menerima gagasan 1Malaysia yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Tema yang berikutnya merangkumi kebaikan dan kelemahan yang terdapat di dalam gagasan 1Malaysia. Tema kebaikan yang terdapat dalam 1Malaysia merangkumi sembilan bahagian iaitu perpaduan, budaya kecemerlangan, rakyat saling menerima, peningkatan mutu pendidikan, persaingan sihat, masyarakat berintegriti, kesetiaan kepada negara, keadilan sosial dan juga menghilangkan prasangka atau curiga dalam kalangan masyarakat.

Jadual 4.44 Penerimaan Rakyat Terhadap Gagasan 1Malaysia

	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Gambaran Umum	1	2	2	1	1	1	8
Penerimaan Individu	1	1	1	3	3	0	9
Penerimaan Masyarakat Umum	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Menerima	2	1	1	1	0	0	5
Tidak Menerima	2	0	1	1	1	0	5
Kebaikan 1Malaysia	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Perpaduan	2	3	1	2	1	0	9
Budaya Kecemerlangan	0	3	2	1	0	0	6
Rakyat Saling Menerima	1	2	1	1	0	0	5
Peningkatan Mutu Pendidikan	1	1	1	1	0	0	4
Persaingan Sihat	1	1	0	1	0	0	3
Masyarakat Berintegriti	1	1	0	1	0	0	3
Keadilan Sosial	0	1	0	0	0	0	1
Menghilangkan Prasangka Dan Curiga	0	1	0	0	0	0	1
	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Kelemahan 1Malaysia	0	1	0	1	1	0	3

Tema yang pertama yang dikemukakan dalam jadual 4.44 ini ialah berkaitan gambaran umum masyarakat tentang gagasan 1Malaysia. Dalam sesi temu bual yang telah dijalankan, semua responden dalam kajian ini telah memberikan gambaran

yang baik tentang gagasan 1Malaysia. Pernyataan ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R3 sebagaimana berikut:

“1Malaysia ni dalam gambaran saya lah di mana untuk menyatukan satu rakyat Malaysia di bawah satu bumbung, ibarat kata, erti kata tu lah. Di mana dalam Malaysia ni banyak bangsa, jadi kita kena satukan jadi satu lah, satu bumbung.”

(R3, 54)

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R3 ini menunjukkan bahawa beliau memahami secara umum matlamat gagasan 1Malaysia ini dilaksanakan. Beliau memahami bahawa tujuan kerajaan melaksanakan gagasan 1Malaysia antara lainnya untuk memperkasakan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Oleh itu secara asasnya masyarakat memahami bahawa gagasan 1Malaysia ini bertujuan mengeratkan hubungan kaum dan memupuk kerjasama yang erat dalam kalangan rakyat sekaligus meningkatkan pencapaian negara termasuklah prestasi ekonomi yang lebih baik (R5, 59).

Tema yang kedua yang dibincangkan berdasarkan jadual di atas ialah berkaitan penerimaan secara individu tentang gagasan 1Malaysia. Dalam sesi temu bual yang telah dijalankan, responden telah memberikan pendapat yang mana menyokong penuh gagasan 1Malaysia dikembangkan di Malaysia. Pernyataan ini dikukuhkan lagi oleh pendapat yang dikemukakan oleh responden R4 sebagaimana berikut:

“Pada saya memang... Saya menyokong penuh, sebab saya nampak benda ni tak ada sebab fasal apa orang tidak menyokong. Sebab keistimewaan tu, orang Melayu, orang Melayu lah. Tapi benda ni memang amat baik, kita nak masyarakat berbilang kaum ni dapat bersatu, dan apabila bersatu apa-apa perbincangan dapat dibincang bersama.”

(R4, 77)

Pendapat yang dikemukakan oleh R4 ini menunjukkan bahawa beliau menerima dan memberi sokongan penuh kepada hasrat dan usaha pihak kerajaan untuk memajukan gagasan 1Malaysia yang sudah dilancarkan beberapa tahun yang lalu. Ini menunjukkan secara individu, responden kajian ini menerima malah

menyokong usaha pihak kerajaan kerana menurut mereka, gagasan 1Malaysia ini merupakan satu program yang amat baik malah tidak merugikan mana-mana pihak jika ia dikembangkan (R4, 54). Selain itu menurut responden lagi, gagasan 1Malaysia ini mampu melahirkan transformasi yang mana membawa negara ke arah yang baik lagi pada masa yang akan datang (R2, 63).

Tema perbincangan seterusnya melibatkan penerimaan masyarakat umum terhadap gagasan 1Malaysia. Dapatan kajian bagi tema ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu rakyat menerima gagasan 1Malaysia dengan dan juga rakyat tidak menerima gagasan ini dilaksanakan. Menurut R4, majoriti penduduk di Parlimen Pekan secara keseluruhannya menerima gagasan 1Malaysia ini dan memberi sambutan yang menggalakkan terhadap program-program berkaitan yang dianjurkan. Pernyataan beliau ini direkodkan dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Responden 4

Saya kira saya baca di kawasan Pekan lah. Saya nampak, ya lah kawasan Pekan ni bilangan ramai ialah orang-orang kita (pro kerajaan), jadi saya jangkakan hampir-hampir kebanyakan menerima lah. Ramai, keseluruhan menerima lah cadangan daripada pihak kerajaan ni.

Pengkaji

“Maksudnya sambutan yang menggalakkan, beri komitmen...”

Responden 4

“Sambutan tu menggalakkan lah, memang program-program yang atas taja, program buat ni ada sambutan lah tiap kali kita buat ni.”

(R4, 90)

Bahagian kedua bagi tema perbincangan ini ialah pendapat yang mengatakan bahawa masyarakat umum menolak gagasan 1Malaysia ini. Hal ini merujuk kepada beberapa pendapat yang dikemukakan oleh responden seperti pendapat yang dikemukakan oleh R4 seperti mana berikut:

“Cuma bangsa-bangsa lain mungkin dia tak nampak lagi tu. Jadi kita orang Melayu ni menerima sangat lah konsep 1Malaysia ni, tapi bangsa lain tak dapat, mungkin bangsa lain tak dapat penjelasan, maklumat yang begitu tepat lagi lah.”

(R4, 77)

Menurut R4, penerimaan dalam kalangan masyarakat berbangsa Melayu terhadap 1Malaysia adalah berada pada tahap yang baik, cuma bagi bangsa bukan bumiputra, sambutan yang diberikan masih berkurangan dan perlu dipertingkatkan lagi. Pendapat R4 ini disokong oleh beberapa responden yang lain dengan menyatakan bahawa sambutan daripada bangsa bukan bumiputra masih kurang disebabkan beberapa faktor termasuklah faktor kepercayaan kepada pemimpin dari bangsa yang sama dengan mereka (R1, 121).

Analisis kajian seterusnya ialah berkenaan tema kebaikan yang wujud dalam gagasan 1Malaysia ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sembilan bentuk kebaikan yang telah dikemukakan oleh para responden dalam sesi temu bual yang telah dijalankan. Kebaikan pertama yang paling banyak dibincangkan oleh responden kajian ini ialah berkenaan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia keseluruhannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan peningkatan selepas dilaksanakan gagasan 1Malaysia ini. Pernyataan ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R2 seperti berikut:

“Saya yakin, maknanya dari segi perpaduan yang telah ada sebelum ni, tetapi selepas gagasan 1Malaysia perpaduan tu mampu disuburkan lebih lagi. Kerana 1Malaysia ni kita nampak dari segi keikhlasan Perdana Menteri, maknanya kalau macam mana, di dalam perkataan atau di dalam simbol 1 itu kita nampak ke”serious”an atau pun keikhlasan Perdana Menteri untuk rakyat merasakan kita hanya satu. Walau apa pun yang berlaku, kita satu, kita bersatu dan kita tetap tidak berpecah lah.”

(R2, 172)

Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R2 ini, beliau menjelaskan bahawa perpaduan sedia ada dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan lagi dengan adanya gagasan 1Malaysia yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Selain itu, peningkatan tahap perpaduan ini juga turut melibatkan masyarakat kampung yang mana seluruh masyarakat dapat bersama-sama menjayakan aktiviti yang dianjurkan berbanding sebelumnya yang mana terdapat jurang yang memisahkan dalam kalangan masyarakat (R4, 196).

Aspek kebaikan kedua yang dibincangkan dalam tema ini ialah berkaitan penerimaan dalam kalangan rakyat yang mana membawa maksud rakyat saling menerima perbezaan yang wujud di antara satu sama lain. Penerimaan ini bukan hanya melibatkan sikap toleransi terhadap perbezaan, malah mampu menerima perbezaan bahkan mengambil teladan yang baik dan sesuai dari bangsa lain untuk diamalkan. Pernyataan ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R3 dalam sesi temu bual seperti berikut:

“Dia, penerimaan ni memang lah, kita tengok pada, tengok bangsa lain dia memang maju dari kita sebab dia, nilai tadi kan, nila dia. Sebab banyak bangsa lain datang kemari dia pun tak ada apa kan, tak ada tanah, tak ada apa, ada kedai sebiji je. Kita ada tanah, tapi kita mundur daripada dia. Nilai tu sebaiknya memang kita ambil contoh daripada dia, ambil yang baik kita ambil, yang baik tetap kita ambil.”

(R4, 230)

Penerimaan ini merangkumi nilai-nilai baik yang dimiliki oleh masyarakat yang berbeza bangsa yang mana boleh dijadikan teladan dan contoh yang baik. Hal ini secara langsung dapat mengangkat bangsa yang lain untuk sama-sama maju ke hadapan sekaligus mewujudkan persaingan yang sihat (R2, 136).

Tema kebaikan ini seterusnya melibatkan aspek budaya kecemerlangan yang dapat diterapkan dalam gagasan 1Malaysia. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gagasan 1Malaysia berupaya meningkatkan budaya kecemerlangan dikalangan kepimpinan negara dan juga seluruh rakyat. Hal ini adalah hasil kefahaman masyarakat memahami slogan 1Malaysia iaitu “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan”. Pernyataan ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan:

“Kecemerlangan tu akan digagaskan melalui konsep rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan tu lah. Jadi bukan setakat daripada kerajaan, daripada rakyat sendiri pun kalau mengahayati konsep rakyat didahulukan, pencapaian tu lebih kepada macam prestasi kita atau pun kecemerlangan kita dalam kita melakukan sesuatu perkara, kita cuba melakukan yang terbaik lah.”

(R2, 98)

Aspek seterusnya yang dibincangkan oleh responden kajian ini ialah peningkatan mutu pendidikan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gagasan

1Malaysia dapat meningkatkan mutu pendidikan dengan wujudnya pelbagai institusi pendidikan yang baru dalam negara ini terutamanya institusi pengajian tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan kepada rakyat semakin terbuka terutamanya dengan adanya gagasan 1Malaysia yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Hal ini dinyatakan oleh R1 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan:

“Pendidikan pun, kita sekarang dengan ada 1Malaysia ni, kita nampak kerajaan kita telah cuba memperluaskan pendidikan, bagi-bagai institusi, universiti-universiti telah di, mana kita nampak kita letak pendidikan tu, kerajaan kita telah mewujudkan bagi-bagai pendidikan tinggi.”

(R1, 195)

Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan peningkatan pencapaian akademik terutama dalam kalangan masyarakat pedalaman sejak akhir-akhir ini. Hal ini dijelaskan oleh responden yang mana beliau menyatakan bahawa jurang perbezaan antara masyarakat kampung dan bandar sudah berkurangan (R3, 300; R4, 263).

Tema kebaikan 1Malaysia seterusnya yang dibincangkan oleh responden kajian ini ialah melibatkan aspek persaingan sihat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Gagasan 1Malaysia dilihat berupaya mewujudkan persaingan yang sihat malah sudah ia sudah pun wujud sebelum gagasan ini dilancarkan. Dengan adanya gagasan 1Malaysia ini, persaingat sihat terus diperkasakan. Hal ini dinyatakan oleh R2 dalam sesi temu bual seperti berikut:

“Kalau dari segi persaingan, persaingan dari segi ekonomi atau pun persaingan dari segi apa perkara sekali pun saya melihat, sebelum ni persaingan yang ada pun memang persaingan yang dah sihat. Maknanya dalam sebuah negara kita bersaing, tiada lah sehingga sampai kita menjatuhkan sebarang, sebarang perbalahan yang agak besar. Tetapi dalam gagasan yang dijelaskan oleh perdana menteri, kita mahu persaingan tu yang lebih bersifat, lebih sihat dan lebih memahami”

(R2, 133)

Selain itu, pendapat R2 ini turut disokong oleh pendapat oleh R4 dengan menyatakan wujudnya persaingan sihat pada hari ini dan menyatakan contoh persaingan sihat yang ada dalam masyarakat pada hari ini (R4, 249).

Aspek seterusnya yang dibincangkan ialah berkenaan masyarakat yang berintegriti. Hasil kajian menunjukkan gagasan 1Malaysia ini telah berjaya mewujudkan masyarakat yang lebih berintegriti dan lebih beramanah berbanding sebelumnya. Ini termasuk kesungguhan pihak kerajaan termasuklah membentaras rasuah dalam usaha membentuk masyarakat yang berintegriti. Pengurangan kes-kes kesalahan rasuah merupakan salah satu bukti ke arah pembentukan masyarakat yang berintegriti. Pernyataan dikukuhkan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Ya, dengan jelas sekali maknanya dalam selepas gagasan 1Malaysia, di mana berlakunya transformasi kerajaan dan juga dikatakan NKRA, jadi salah satu aspek untuk membentaras rasuah ialah dalam NKRA, dalam transformasi gagasan 1Malaysia. Jadi saya melihat dalam tempoh tiga tahun memang banyak kes-kes atau pun masalah rasuah mampu dibentaras, mampu diselesaikan dan secara tak langsung rakyat diberi pendidikan untuk mengelak rasuah dalam masa yang sama kerajaan memastikan kerajaan sendiri mengelak unsur-unsur tersebut yang mana tangkapan atau siasatan kes berkaitan rasuah dalam masa tida tahun ni saya yakin memang cukup banyak yang mampu membuktikan bahawa kerajaan serius untuk membentaras rasuah.”

(R2, 151)

Selain itu juga, usaha pihak kerajaan menerusi gagasan 1Malaysia ini untuk mewujudkan masyarakat berintegriti dapat dilihat melalui pendekatan keagamaan termasuklah mengadakan penasihat agama dan penerangan berbentuk keagamaan kepada seluruh masyarakat (R4, 274).

Hasil dapatan kajian ini juga melibatkan aspek kesetiaan kepada negara yang mana berada di bawah tema kebaikan gagasan 1Malaysia. Kesetiaan kepada negara akhir-akhir ini menjadi isu yang dibincangkan diperingkat nasional. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden menyatakan persetujuan bahawa kesetiaan kepada negara merupakan perkara penting dalam menjayakan gagasan 1Malaysia. Menurut R1, kesetiaan kepada negara merupakan suatu perkara penting daripada beberapa pecahan perkara yang lain dalam mencapai matlamat gagasan 1Malaysia. Hal ini dinyatakan oleh beliau dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Pengkaji

“Dan adakah 1Malaysia ini membina kesetiaan rakyat kepada negara?”

Responden 1

“Ya, itu kena, kena. Sebab baru lah kita rasa kita akan sampai. Sebab 1Malaysia ni dia banyak, banyak pecahan dia tujuan dia. Kita kena nampak kesetiaan, kesetiaan kita kepada negara kita.”

(R1, 177)

Selain itu, hasil kajian ini juga menunjukkan logo 1Malaysia itu sendiri menjadi simbol kepada kesetiaan kepada negara. Hal ini diungkapkan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan

“Dari segi kesetiaan rakyat tu nombor satu, saya yakinlah dengan nombor satu tu kerajaan, makna rakyat akan tahu kita adalah satu. Itu pun dah cukup memberi kefahaman yang ringkas lah untuk segenap rakyat.”

(R2, 127)

Dalam tema kebaikan yang terdapat dalam gagasan 1Malaysia ini turut membincangkan tentang aspek keadilan sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa melalui gagasan 1Malaysia ini, semua rakyat dapat memahami bahawa keadilan sosial dititikberatkan oleh pihak kerajaan. Keadilan sosial yang difahami ialah semua pihak akan diberikan hak yang sewajarnya dengan melihat kepada keperluan masing-masing. Hal ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan sepertimana berikut:

“Tetapi yang saya melihat, hari ke hari akhirnya rakyat dapat faham iaitu 1Malaysia ni kita bukan untuk kesamarataan yang nipis atau pun kesamarataan yang cetek. Ia lebih kepada kesamarataan dalam kita memahami hak-hak setiap kelompok iaitu kesamarataan dalam kita, kita tahu, kalau kesamarataan untuk adil, bukan untuk semua pihak kita mampu bagi yang sama tapi lebih kepada pihak ni, dia perlukan yang ni, pihak tu dia perlukan yang lebih.”

(R2, 69)

Aspek perbincangan terakhir dalam kalangan responden bagi tema kebaikan yang ada dalam gagasan 1Malaysia ialah berkenaan upaya gagasan ini dalam menghilangkan sikap prasangka atau curiga antara rakyat yang berbilang kaum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gagasan 1Malaysia ini mampu menghilangkan serba sedikit rasa curiga atau prasangka terhadap bangsa lain sekaligus

mengharmonikan lagi hubungan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Hal ini dibuktikan oleh R2 menerusi pendapat beliau dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Antara kaum, maknanya hubungan ya lah macam mana sebelum ni, hubungan macam biasa. Cuma melalui gagasan 1Malaysia ni saya melihat macam apa, yang dikatakan keraguan antara kaum atau pun yang mana sebelum ni sikap-sikap prejudis antara kaum mampu dileburkanlah melalui konsep 1Malaysia.”

(R2, 120)

Tema perbincangan seterusnya ialah berkaitan kelemahan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kelemahan utama yang terdapat dalam memajukan gagasan ini ialah aspek penyampaian. Hal ini berdasarkan persepsi awal dalam kalangan rakyat bumiputra yang meragui hasrat kerajaan pada peringkat awal. Namun ia mula berubah selepas penerangan dan penyampaian maklumat yang lebih baik oleh pihak kerajaan (R2, 162). Selain itu juga, responden berpendapat gagasan ini masih baru dan perlu dipertingkatkan lagi penerangan supaya semua pihak mendapat maklumat yang tepat. Hal ini diungkapkan oleh R4 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan seperti berikut:

“Kelemahan tu sebab tu kata, benda ni, konsep ni baru. Jadi rakyat ni tidak semua, tak dapat maklumat yang sepenuhnya. Jadi tu saya cadangkan supaya, pihak kerajaan perbanyakkanlah daripada peringkat atas turun sampailah ke peringkat kampung, akar umbi.”

(R4, 289)

Berdasarkan penerangan yang dikemukakan oleh R4 ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan perlu menggandakan usaha mereka bagi memastikan maklumat yang tepat tentang gagasan 1Malaysia ini sampai kepada seluruh masyarakat terutama ke akar umbi.

4.4.3 Aspek Halangan dan Cabaran Gagasan 1Malaysia

Dapatan kajian seterusnya ialah berkenaan aspek yang kedua iaitu halangan dan cabaran yang terdapat dalam memperkasakan gagasan 1Malaysia di negara ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sepuluh bentuk cabaran dan halangan utama yang telah dikemukakan oleh responden. Halangan dan cabaran tersebut merangkumi aspek penyampaian maklumat, keraguan rakyat terhadap hasrat kerajaan, perbezaan politik, sikap individualistik dalam kalangan rakyat, jurang antara kaum, jurang perbezaan umur, cabaran dari dunia luar, jurang perbezaan ekonomi, sikap meterialistik dan tempoh memperkenalkan gagasan 1Malaysia yang masih singkat.

Jadual 4.45 Halangan dan Cabaran Gagasan 1Malaysia

Responden	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Penyampaian Maklumat	2	1	2	1	2	2	10
Keraguan Rakyat	0	1	2	1	2	1	7
Perbezaan Politik	1	0	3	1	0	0	5
Sikap Individualistik	2	0	0	1	0	1	4
Jurang Antara Kaum	0	1	0	0	0	2	3
Peringkat Umur	0	1	0	0	0	1	2
Cabaran Dunia Luar	0	1	0	0	0	1	2
Jurang Ekonomi	0	0	0	0	1	1	2
Sikap Meterialistik	0	1	0	0	0	0	1
Tempoh Masa Singkat	1	0	0	0	0	0	1

Tema halangan dan cabaran yang utama yang terdapat dalam jadual 4.45 ialah penyampaian maklumat. Penyampaian maklumat merupakan tema yang paling kerap dibincangkan oleh responden dalam sesi temu bual yang telah dijalankan. Dapatan kajian ini menunjukkan penyampaian gagasan 1Malaysia masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Hal ini dikemukakan oleh R1 dalam sesi temu bual sepertimana berikut:

“Kita rasa dengan sekarang pergerakan menggerakkan penjelasan 1Malaysia, kita kata, kita kena perluaskan lagi sampai ke peringkat masyarakat kampung. Itu yang penting, sebab sekarang masyarakat kampung dia tidak dapat memahami yang sebenar. Dia merasakan “Uh, 1Malaysia ni apa benda 1Malaysia?”. Jadi dia rasa dia tidak memahami sebenar.”

(R1, 103)

Selain itu juga, penyampaian maklumat tentang gagasan 1Malaysia ini perlu lebih mendalam agar masyarakat dapat memahami teras dan nilai-nilai yang terkandung dalam gagasan tersebut. Penerangan sedia ada seolah-olah hanya memperkenalkan sahaja tanpa memberikan penjelasan yang lebih terperinci. Hal ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R5 seperti berikut:

“Kalau cakap perubahan, sebab saya pun tak berapa sangat meneliti dia. Sebab kalau tengok tv hanya cakap 1Malaysia, 1Malaysia je. Dia tak ada cakap macam detail. Kalau kamu pergi tanya semua orang apa itu 1Malaysia, mereka pun macam tak berapa faham tau.”

(R5, 146)

Tema seterusnya berkaitan cabaran dan halangan gagasan 1Malaysia ini ialah berkenaan keraguan rakyat terhadap hasrat kerajaan memperkenalkan gagasan ini. Dapatan kajian menunjukkan sebilangan rakyat masih meragui hasrat kerajaan memperkenalkan gagasan ini dan meragui manfaat yang bakal diperoleh oleh rakyat dengan adanya gagasan 1Malaysia ini. Hal ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R5 dalam sesi temu bual sebagaimana berikut:

“Cabaran eh? Keyakinan lah, keyakinan masyarakat tentang kebolehan gagasan ini. Apa yang dia boleh bawa kepada masyarakat. Ok, kalau dia cakap saya lah lancarkan 1Malaysia, saya turunkan harga minyak, inflasi saya turunkan, so rakyat mesti setuju, betul tak?”

(R5, 168)

Selain itu juga, keraguan rakyat terhadap hasrat kerajaan memperkenalkan gagasan 1Malaysia ini dapat dilihat melalui komitmen yang diberikan oleh rakyat. Hal ini kerana sesuatu perkara yang baru itu memerlukan masa bagi meyakinkan sebahagian rakyat yang masih meragui hasrat kerajaan (R6, 139)

Tema seterusnya ialah berkaitan perbezaan politik. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan politik antara halangan dan cabaran utama untuk mengembangkan gagasan 1Malaysia ini kepada seluruh pelusuk rakyat. Hasil kajian mendapati rakyat yang pro kepada parti pembangkang akan menolak apa sahaja yang

dilakukan oleh kerajaan dan ini merupakan cabaran dalam memperkenalkan gagasan 1Malaysia.

“kita ada dalam negara kita ada satu pro dan kontra. Bila ada kontra, benda-benda ni apa jua jadi kita rasa sekarang ibarat kita letak lah kerajaan dengan pembangkang. Kita ambil cara, cara pedekatanlah, kerajaan membawa arah cadangan ke arah satu matlamat. Jadi pembangkang, dia menerima, dia tahu benda tu, tapi sebagai pembangkang, tetap tidak(menolak). Kalau dia sebagai pengikut (bersetuju dengan kerajaan), dia tak jadi pembangkang, itu saja.”

(R1, 264)

Tema seterusnya yang terdapat dalam gagasan ini ialah berkenaan sikap individualistik dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini, sikap individualistik dilihat sebagai cabaran kepada gagasan 1Malaysia untuk dikembangkan. Contoh bentuk individualistik yang wujud dalam kalangan masyarakat ialah segelintir anggota masyarakat yang berjaya enggan memberikan bantuan kepada yang lain untuk mencapai kejayaan yang sama. Sikap seperti ini dilihat mampu menjadi halangan untuk konsep 1Malaysia ini. Hal ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R1 dalam sesi temu bual sepertimana berikut:

“Mengapa bangsa kita yang berjaya, yang berjaya dengan, yang berjaya dari segi apa jua, kita bukan kita tak nafi sekarang tapi kita masih lagi kita tidak mahu memberi satu, kalau kita dah berjaya kita tidak merangsangkan daripada bangsa kita untuk mengikut jejak. Kita tidak membantu support moral dari segi apa jua, kita satu perasaan, sebab perasaan kita tu lah.”

(R1, 336)

Seterusnya, jadual 4.45 ini membincangkan tentang jurang perbezaan antara kaum menjadi halangan kepada gagasan 1Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan sememangnya wujud jurang antara rakyat berdasarkan perbezaan kaum. Jurang yang wujud ini mengakibatkan interaksi antara kaum masih berkurangan dan sekaligus membawa kepada sikap curiga dan prasangka antara satu sama lain. Hal ini diungkapkan oleh R6 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Mungkin saya, orang Cina tu macam, kawan Cina saya macam dia tak suka bergaul dengan kawan Melayu. Mungkin dia tak faham dia punya amalan, dia punya tradisi apa kan, mereka pun merasa macam salah sangka lepas tu dah prasangka. Dah la tak bercakap lepas tu macam tuduh menuduh lagi. Itu lah, kadang kala ada berlaku di kalangan kawan saya macam tu.”

(R6, 62)

Tema seterusnya yang dikemukakan oleh responden kajian ini ialah jurang perbezaan peringkat umur. Perbezaan ini dilihat menjadi halangan untuk memajukan gagasan 1Malaysia. Wujudnya jurang ini dapat dilihat dari berberapa aspek, antaranya ialah aspek penyampaian gagasan 1Malaysia itu. Sebagai contoh, golongan yang lebih dewasa gagal menarik perhatian sebahagian golongan muda untuk memahami konsep 1Malaysia kerana metod yang digunakan tidak sesuai dengan minat golongan muda. Hal ini diungkapkan oleh R6 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan:

“Ada, kalau orang yang melaksanakan gagasan 1Malaysia tu kan, dia dari peringkat yang lebih tua, dia nak sampaikan kepada peringkat yang lebih muda, sebenarnya mereka tak boleh fikir dalam peringkat orang tua dia tu. Orang muda sekarang dah tak sama dengan orang muda dah. Mereka punya pemikiran, tingkahlaku, semua dah tak sama. Jadi kalau mereka nak implement macam untuk peringkat muda, mereka kena cara orang muda. Mereka kena tukar pendekatan, tak boleh macam “oh saya nak implement gagasan 1Malaysia melalui buku”. Sekarang orang muda dah tak suka baca buku dah. Mereka lebih suka tengok tv ke, kat internet ke, daripada Facebook lah, ape ke. Baca satu buku dah tidur dah terus.”

(R6, 180)

Dapatan kajian seterusnya ialah berkenaan cabaran daripada pihak luar. Pada era globalisasi kini, masyarakat mula mengikuti segala perkembangan bukan sahaja dala negara bahkan antarabangsa di mana mereka memperolehi maklumat dengan sangat mudah. Situasi ini pada satu sudut membawa kebaikan. Namun pada masa yang sama, jika seseorang individu itu gagal menilai isu dengan bijak, ia boleh membawa pengaruh yang negatif. Dalam kajian ini menunjukkan pengaruh dari barat sudah mempengaruhi rakyat terutama golongan muda. Hal ini diungkapkan oleh R6 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan seoertimana berikut:

“Cuma macam mungkin orang muda, bagi orang muda, orang tua memang tak jadi masalah bagi saya lah. Tapi bagi orang muda, mereka kan pengaruh barat, mereka cepat macam terpengaruh, sikit-sikit macam prasangka la, dah la sangsi kan orang kan, gaduh, itu yang saya tak suka sangat tu.”

(R6, 68)

Tema berikutnya ialah berkaitan jurang ekonomi yang menjadi halangan dan cabaran memajukan gagasan 1Malaysia ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud jurang status ekonomi dalam kalangan rakyat. Hal ini menjadi halangan kepada masyarakat untuk merapatkan perpaduan sekaligus mencapai matlamat gagasan 1Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan pendapat yang dikemukakan oleh R5 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Responden 5

“Kalau dengan gagasan 1Malaysia la, yang kaya tetap kaya, yang miskin tetap miskin...”

Pengkaji

“Wujudlah jurang..?”

Responden 5

“Wujud. Sebab setakat pemahaman saya, yang saya tengoklah, sama jugak, kaya tetap kaya. Tengok yang saya cakap gagasan 1Malaysia sebagai trade mark, itu mesti orang kaya yang mempergunakannya untuk bisness. Ok lepas gunakan sebagai trade mark, lepas tu lebih banyak lagi keuntungan. Kalau yang miskin, dia tak ada suara.”

(R5, 165)

Seterusnya, dapatan kajian ini membincangkan tema berkenaan sikap materialistik menjadi halangan gagasan 1Malaysia itu dikembangkan. Sikap materialistik ini mampu menjadi halangan untuk memajukan gagasan 1Malaysia di negara ini pada masa yang akan datang. Namun, sikap ini dapat diatasi dengan pendekatan yang keagamaan bagi mengimbangi usaha yang telah bagi mencapai kejayaan. Hal ini diungkapkan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Pengkaji

“Dari segi sifat materialistik macam mana? Adakah ini juga boleh menghalang? Orang makin melihat kepada kebendaan. Adakah ini adalah halangan kepada 1Malaysia?”

Responden 2

“Itu mampu juga memberi satu halangan, cuma jika dilihat dalam konsep kecemerlangan, kecemerlangan atau pun pencapaian 1Malaysia, jadi konsep beragama pun ada diterapkan dari segi amalan agama setiap kaum. Jadi sekiranya kita mengimbangi antara amalan agama dengan usaha dan kegigihan untuk menambah pendapatan atau pun material, jadi perkara yang dikatakan taksu atau ekstrim kebendaan dunia ni mampu diimbangkan dari masa ke semasa lah.”

(R2, 245)

Tempoh masa yang singkat juga merupakan tema dalam aspek halangan dan cabaran memajukan gagasan 1Malaysia. Ini kerana tempoh sedia ada dilihat belum memadai untuk dinilai sama ada gagasan 1Malaysia ini sudah berjaya dikembangkan atau sebaliknya. Hal ini diungkapkan oleh R1 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Sejauh ini kita nampak dalam peratus lah, saya rasa kita, macam saya beritahu tadi, matlamat kita ada tujuan dan target, sasaran kita bukanlah dalam masa setahun, dua tahun, tiga tahun empat tahun, kita tak boleh nyatakan dalam masa terdekat ini dalam masa berapa tahun PM kita memerintah, mewujudkan 1Malaysia, kita tak boleh rasakan kita dah berjaya. Tak boleh lagi. Kita kena ambil persen kita masih lagi peringkat nak sampai 50/50, tak lepas lagi kita, tak lepas lagi.”

(R1, 279)

4.4.4 Medium Efektif Bagi Penyampaian Gagasan 1Malaysia

Aspek dapatan kajian seterusnya ialah berkaitan medium penyampaian efektif. Dalam aspek ini, terdapat 14 tema yang dibincangkan oleh responden dalam sesi temu bual yang telah dijalankan. Antara tema tersebut ialah keberkesanan penyampaian setakat ini, internet, televisyen, filem, sukatan pelajaran sekolah, drama, dokumentari, lagu, pameran, sambutan perayaan, ceramah atau pidato, khidmat masyarakat, forum dan *banner*.

Jadual 4.46 Medium Efektif Penyampaian Gagasan 1Malaysia

	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Keberkesanan Penyampaian	1	1	1	2	3	2	10
Medium Penyampaian Efektif	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Internet	1	1	1	1	0	2	6
Televisyen	0	1	2	0	1	1	5
Filem/Drama	1	1	1	1	0	0	4
Sukatan Pelajaran di Sekolah	1	0	1	1	0	1	4
Dokumentari	1	0	1	1	0	0	3
Lagu	1	1	1	0	0	0	3
Pameran	1	1	1	0	0	0	3
Sambutan Perayaan	0	1	1	0	0	0	2

Ceramah Atau Pidato	1	0	1	0	0	0	2
Khidmat Masyarakat	1	0	1	0	0	0	2
Forum	1	0	0	0	0	0	1
Banner	0	0	1	0	0	0	1

Berdasarkan jadual 4.46, tema pertama yang dibincangkan oleh para responden kajian ini ialah berkaitan aspek keberkesanan penyampaian sejauh ini. Setelah beberapa tahun gagasan 1Malaysia ini diperkenalkan, didapati penyampaian masih lagi kurang memuaskan dan masih ramai lagi rakyat tidak memahami hala tuju gagasan 1Malaysia ini. Hal ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan dalam sesi temu bual sebagaimana berikut:

“Macam kalau dia nak melancarkan ini dengan baik la, ok macam setiap lapisan masyarakat pun kena tahu tentang dia, bukan hanya setakat bandar. Bagi lebih banyak information. Kat kampung mana tau, macam kamu pergi tanya seorang budak 1Malaysia tak tahu, semua tak tahu. Kalau pergi kampung kecil-kecil semua pun tak tahu. Mereka pun hidup dalam kampung sendiri, tanya mereka pun, semua pun tak tahu.”

(R5, 257)

Tema perbincangan seterusnya ialah berkaitan internet. Internet dilihat merupakan medium penyampaian yang efektif dalam menyampaikan gagasan 1Malaysia selari dengan perkembangan pesat teknologi maklumat bukan hanya di negara ini bahkan diperingkat global. Internet juga dikenali sebagai media maya dilihat sangat efektif kerana lebih interaktif dan mampu dicapai oleh lebih ramai pengguna. Ini dikukuhkan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Saya melihat lebih kepada kalau dikira gelombang informasi dalam negara ini lebih kepada media. Media baik dari segi televisyen atau pun media maya internet atau pun laman sosial facebook, kerana capaian channel-channel tersebut lebih ramai, lebih merangkumi segenap rakyat atau pun mampu...”

(R2, 315)

Tema seterusnya yang disebut oleh responden ialah televisyen yang mana dinilai sebagai salah satu medium paling efektif untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia. Hal ini kerana hampir setiap rumah pada hari ini memiliki televisyen (R5, 279). Selain itu, responden turut membincangkan pemilihan waktu siaran televisyen

untuk memastikan maklumat tentang 1Malaysia benar-benar sampai kepada setiap lapisan masyarakat. Hal ini diungkapkan oleh R3 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Pengkaji

“Setakat ni kat televisyen tu sudah cukup ke masih kurang lagi, penerangan?”

Responden 3

“Saya rasa penerangan tu kurang lagi lah. Kalau nak buat penerangan dia kena betul-betul, jangan time bekerja. Makna kalau kita buat katalah pukul 8 (pagi), orang tak ada di rumah pukul 8 (pagi) orang bekerja kan hingga pukul 5 (petang). Ini orang bekerja kan. Pukul 8 (malam), orang dah sembahyang isya’ dah. Orang dah pergi sembahyang, budak-budak pergi mengaji, jadi kalau keluar mungkin dalam lepas isya’, lepas isya’ tu selit sikit, atau pun hari orang tak bekerja itu boleh, orang rehat dirumah kan. Ini masa ikut jadual dia lah.”

(R3, 725)

Televisyen juga merupakan suatu media yang sangat menarik kerana pelbagai pengisian boleh dimasukkan kedalam siarannya. Antara bentuk persembahan yang sesuai ditayangkan di televisyen ialah drama dan dokumentari (R3, 611). Pengisian yang pelbagai ini mampu membuatkan penyampaian gagasan 1Malaysia ini lebih menarik dan berkesan.

Tema perbincangan seterusnya ialah berkenaan filem atau drama. Filem atau drama dilihat antara salah satu medium yang efektif untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Hal ini kerana filem atau drama mampu membawa suatu tren baru atau pun sentimen kepada rakyat. Namun begitu, filem yang sedia ada kurang menjurus kepada mastlamat 1Malaysia dan perlu digarap dengan lebih baik lagi. Hal ini disampaikan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Filem juga boleh memberi kesan atau sentimen kepada rakyat, cuma nak katakan sentuhan menyeluruh kita tak, kerana sekarang dari segi filem pun apa, atau pun rancangan dalam televisyen kurang mendapat dari segi apa, kurang mendapat tumpuan daripada generasi muda, kerana generasi muda ni dia lebih kepada hiburan alternatif, atau pun channel-channel alternatif mahu pun wayang apa semua.”

(R2, 315)

Perbincangan seterusnya berkaitan cadangan memasukkan konsep 1Malaysia ke dalam sukatan pelajaran di sekolah. Hal ini bertujuan memberi pengetahuan kepada rakyat Malaysia seawal usia remaja atau kanak-kanak untuk memahami aspirasi kerajaan melaksanakan 1Malaysia. Cadangan ini dipersetujui oleh responden kajian ini dan beliau berpendapat memasukkan elemen 1Malaysia ini ke dalam matapelajaran sejarah misalnya merupakan satu idea yang baik. Pendapat beliau ini direkodkan dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Pengkaji

“Dari segi sukatan pelajaran sekolah, maksudnya kan dalam, contohnya dimasukkan dalam sejarah ke, sedikit tentang ni...”

Responden 4

“Ya, sejarah ni penting, balik macam dulu. Saya ingat masa saya sekolah ni sejarah kita boleh ingat Melaka tahun berapa, itu ini, sekarang tak ada. Budak-budak ni dia tak tahu dah, kurang. Sejarah kena balik semula. Saya setuju sejarah supaya budak-budak muda dia tahu berapa susahnyanya orang dulu, apa itu ini. Sekarang dah celik mata api dah ada kan, sejarah tu kita kena balik semula.”

(R4, 519)

Tema seterusnya ialah berkenaan lagu sebagai medium untuk menyebarkan gagasan 1Malaysia. Sehingga kini, sudah banyak lagu-lagu yang digubah untuk menyemarakkan konsep 1Malaysia di kalangan masyarakat. Lagu yang digubah itu juga sering berkumandang di siaran-sairan televisyen dan radio. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa lagu mampu memberi kesan kepada pendengar. Hal ini dibuktikan oleh kata-kata R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Lagu boleh. Lagu sangat berkesan kerana lagu-lagu 1Malaysia setakat ni, saya pun saya sendiri pun minat, terutama lagu daripada apa, Lim Kong Wing Universiti. Lagu-lagu yang...”

(R2, 330)

Tema seterusnya ialah berkenaan pameran. Pameran juga merupakan satu pilihan medium untuk menyebarkan sesuatu maklumat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pameran yang melibatkan konsep 1Malaysia mendapat sambutan yang baik. Melalui pameran akan menjadi lebih ringkas dan mudah berbanding forum dan sebagainya kerana kandungannya mudah difahami. Namun begitu, pameran yang diadakan perlulah memilih masa yang sesuai agar seluruh

masyarakat mampu melibatkan diri. Hal ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R3 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Responden 3

“Pameran tu, biasa lah. Dekat pekan kan, ada pameran, itu ok lah.”

Pengkaji

“Itu sambutan dia macam mana?”

Responden 3

“Sambutan dia, ya lah pameran tadi, pameran tadi sambutan dia memang ok lah. Tambah sekarang, contohnya, kalau kat bandar ni selalunya orang kampung akan mari hari sabtu, hari ni lah, hari sabtu ni akan mebeli belah, pasar minggu, pekan sari, jadi kena dengan hari lah. Jangan pergi buat hari yang orang tak keluar, kena ikut masa lah.”

(R3, 651)

Sambutan perayaan juga mampu menjadi medium untuk menyebarkan gagasan 1Malaysia. Sambutan perayaan yang sedia ada seperti hari kebangsaan, hari Malaysia dan juga pelbagai perayaan lain boleh diselitkan konsep 1Malaysia. Hal ini diungkapkan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Sambutan perayaan sepertimana hari raya, atau pun Deepavali, atau pun Chinese New Year itu pun boleh diselitkan, diselitkan lah.”

(R2, 349)

Tema seterusnya yang dibincangkan oleh responden dalam kajian ini ialah berkaitan ceramah dan pidato. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan pidato dan ceramah hanya mampu diikuti oleh masyarakat melalui televisyen. Ini menunjukkan pendekatan berkaitan ceramah dan pidato masih kurang digunakan untuk menerangkan tentang gagasan 1Malaysia. Hal ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R1 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Ceramah-ceramah pidato yang kita ikutlah, kadang-kadang daripada tv je. Bila ada penceramah daripada universiti-universiti kita nampak ada dah masyarakat-masyarakat bangsa lain pun dah ada bersama.”

(R1, 446)

Tema perbincangan seterusnya ialah berkenaan khidmat masyarakat. Khidmat masyarakat dalam kajian ini memberi maksud agensi-agensi kerajaan atau badan bukan berkanun (NGO) turun ke kawasan tertentu terutamanya kawan taman perumahan atau kampung untuk memberi khidmat dan pertolongan kepada

masyarakat setempat. Dalam kajian ini menunjukkan menunjukkan bahawa wakil-wakil kerajaan perlu turun ke kawawan kampung untuk sama-sama bergotong-royong dan pada masa yang sama dapat memberi penerangan kepada seluruh masyarakat. Pendekatan ini dilihat lebih berkesan kerana ia lebih mesra dan dekat dengan hati rakyat. Hal ini dikukuhkan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R3 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Khidmat masyarakat maksudnya wakil-wakil kerajaan, tak kisah lah mana-mana wakil kerajaan turun ke kawasan kampung, sama-sama gotong royong pada masa sama berikan penerangan...”

(R3, 634)

Tema perbincangan seterusnya ialah melibatkan forum sebagai medium untuk menyebarkan konsep 1Malaysia kepada seluruh lapisan masyarakat. Dapatan kajian ini menunjukkan forum bukanlah satu metod yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Sejauh ini, kebanyakan forum yang terdapat di siaran televisyen tempatan hanya menjurus kepada forum keagamaan sahaja sedangkan forum yang melibatkan semua kaum dan agama masih kurang. Namun begitu, ia tidak dinafikan forum sedia ada juga menyaksikan ada daripada kaum yang berlainan menyertai forum tersebut. Hal ini dinyatakan oleh R1 dalam sesi temu bual yang telah diadakan.

“Forum kita nampak, ya lah, kalau kita adakan forum makna forum yang kita ada dalam tv ni forum agama, itu je lah yang kita nampak. Tapi, kita nampak ada juga kadang-kala ada juga kita terpandang ada bangsa lain ada dah, ada dah forum yang baru ni, kita nampak ada Cina, ada lah kita nampak muka-muka Cina tu ada, kita nampak.”

(R1, 411)

Tema terakhir yang terdapat di dalam jadual 4.XX ini ialah berkenaan *Banner*. Banner dalam kajian ini membawa maksud kain rentang yang menerangkan tentang gagasan 1Malaysia secara ringkas. Dapatan kajian ini menunjukkan banner yang digantung di tepi jalan raya kurang memberi kesan sebaliknya ia perlu digantung di tempat tumpuan ramai seperti balai raya dan sebagainya. Hal ini dikukuhkan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R3 dalam sesi temubual yang telah dijalankan.

“*Banner eh? makna banner tu kalau dapat kita adakan tiap-tiap kampung lah, senang. Kita letak kat balairaya banner tu kan...*”

(R3, 663)

4.4.5 Cadangan Penambahbaikan Bagi Memajukan Gagasan 1Malaysia

Aspek terakhir yang terdapat dalam kajian ini ialah berkaitan cadangan penambahbaikan gagasan 1Malaysia. Dalam aspek ini, terdapat tujuh tema yang telah dianalisis oleh pengkaji. Antara tema tersebut ialah penerangan yang berterusan, kepimpinan tertinggi sebagai teladan, mewujudkan taman perumahan yang bersifat majmuk, pemimpin turun ke kawasan yang berbeza kaum dan sambutan khas hari 1Malaysia.

Jadual 4.47 Cadangan Penambahbaikan Gagasan 1Malaysia

Responden	R 1	R 2	R 3	R 4	R 5	R 6	Σ
Penerangan Berterusan	0	1	0	3	0	0	4
Pemimpin Tertinggi Sebagai Teladan	2	0	0	0	0	1	3
Taman Perumahan Yang Majmuk	2	0	0	0	0	0	2
Pemimpin Turun Ke Kawansan Berbeza Bangsa	1	0	0	0	0	0	1
Meningkatkan Kefahaman Pemimpin Dan Rakyat	0	1	0	0	0	0	1
Sambutan Khas Hari 1Malaysia	0	0	1	0	0	0	1

Dalam kajian ini turut disertakan cadangan atau saranan daripada responden bagi menambahbaik gagasan 1Malaysia. Cadangan yang dikemukakan telah disusun mengikut tema tertentu. Tema yang pertama yang terdapat dalam jadual di atas ialah penerangan yang berterusan. Tujuan cadangan ini dikemukakan adalah disebabkan oleh masalah penyampaian maklumat tentang konsep 1Malaysia masih boleh dipertingkatkan. Penerangan yang berterusan ini dapat menyuburkan kefahaman dan semangat 1Malaysia dari semasa ke semasa. Pernyataan ini dibuktikan oleh pendapat yang dikemukakan oleh R2 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“*Jadi saya mengharapkan kerajaan terus-menerus memberi kefahaman atau pun baik dari segi apa-apa program pun kita menyelitkan*”

sebagaimana program UTM dengan Yayasan Rahah pada hari ini. Kita mewujudkan satu seminar, seminar 1Malaysia walaupun mungkin sebelum ni kita rasa mungkin orang Pekan dah faham 1Malaysia, tapi benda tu kenapa tidak kita adakan dari masa ke semasa agar benda tu sentiasa boleh disuburkan, macam mana kita amalan ibadat kena sentiasa dilakukan. Macam tu juga 1Malaysia saya rasa kena sentiasa diadakan ataupun diterapkan.”

(R2, 279)

Tema perbincangan seterusnya ialah berkenaan pemimpin sebagai teladan. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat cadangan agar pemimpin atasan sendiri menunjukkan teladan yang baik termasuklah membina hubungan yang harmoni sesama pemimpin walaupun berbeza pendapat. Hal ini kerana, jika pemimpin tidak menunjukkan semangat 1Malaysia, bagaimana rakyat bawahan mahu memberi komitmen sedangkan pemimpin sendiri gagal berbuat demikian. Pernyataan ini dikukuhkan lagi oleh pendapat yang dikemukakan oleh R6 dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

“Ini dapat berinteraksi sesama sendiri, jangan ada prasangka dan semasa kerajaan buat ini, haraplah sesama kerajaan sendiri janganlah bergaduh sesama sendiri, kerana kalau kamu buat macam tu, kamu jadi teladan yang tak baik. Dah lah kamu nak gagasan 1Malaysia, kamu sendiri tak 1Malaysia lagi, jadi mereka kena buat sendiri punya teladan dulu lah sebelum mereka nak buat program.”

(R6, 298)

Tema perbincangan berikutnya ialah melibatkan cadangan mewujudkan taman-taman perumahan yang berbilang kaum dan melibatkan semua kaum dalam kepimpinan taman perumahan tersebut. Hal ini boleh mewujudkan hubungan yang lebih akrab dan dapat bergaul bersama apabila sama-sama menyertai kepimpinan di peringkat taman perumahan. Cadangan ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh R1 dalam sesi temubual yang telah dijalankan.

“Kita dalam masyarakat, masyarakat setempat pun kita masih menerima, macam taman-taman kita masih meninggalkan bangsa-bangsa lain untuk dalam. Kita tak nafi lah bangsa kita, kita tahu lah bangsa kita. Bila sebagai pemimpin setempat dalam kelompok taman tu, kalau ada India Cina dia tak ambil untuk bersama. Sekurang-kurangnya dia menganggotai, duduk dalam kelompok kepimpinan, kelompok kecil dahulu. Bila ada begitu, nampak...”

(R1, 530)

Cadangan seterusnya yang dikemukakan oleh responden dalam kajian ini ialah berkenaan metod pendekatan yang berbeza dalam kalangan pemimpin mendekati rakyat. Pendekatan yang dicadangkan ialah pemimpin yang turun padang haruslah memilih lokasi yang berbeza kaum.. sebagai contoh, pemimpin yang berketurunan Melayu turun ke kawasan Cina dan begitulah sebaliknya. Pendekatan ini dilihat berpeluang untuk menambahkan rasa percaya dalam kalangan rakyat terhadap pemimpin dalam menjayakan gagasan 1Malaysia.

“kita rasa kita kena buat begini, kita masyarakat kita pemimpin tertinggi negara kerajaan, kita kata kerajaan kita lah, bangsa Melayu jangan turun ke tempat Melayu saja, kena turun pemimpin ke masyarakat Cina, masyarakat India, kene turun kepada... Itu yang, itu yang, barulah kita nampak kita dapat. Kalau orang Melayu, cerita untuk orang Melayu, dia akan cerita untuk bangsa dia je, untuk bangsa dia. Kita nak dapat hak India, Cina turun ke kampung bangsa Melayu, orang Melayu, dia bercerita. Jadi dengan tidak secara langsung di atas keikhlasan dia, atas tujuan dia sebenarnya sebagai pemimpin, memberi satu rangsangan, satu benda-benda.”

(R1, 514)

Tema cadangan penambahbaikan seterusnya ialah berkaitan usaha meningkatkan kefahaman dalam kalangan rakyat dan pemimpin sendiri. Hal ini kerana kefahaman yang tepat tentang konsep 1Malaysia dalam kalangan pemimpin dan rakyat akan memudahkan matlamat gagasan ini dicapai. Pernyataan ini berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh R2 dalam sesi temubual yang telah dijalankan.

“Jadi bagi saya input baru atau pun nilai tambah kepada gagasan 1Malaysia ni lebih kepada pemahaman daripada rakyat sendiri atau pun pemahaman jentera kerajaan sendiri, itu perlu ditekankan, lebih ditekankan dan hanya dengan itu apa-apa gagasan pun kita mampu bawa dengan lebih baik.”

(R2, 360)

Tema terakhir yang dikemukakan dalam kajian ini ialah berkenaan cadangan mewujudkan sambutan khas hari perayaan bagi 1Malaysia. Cadangan ini bertujuan meperingati semangat 1Malaysia dan pada masa yang sama cuba menghati isi kandungan tentang gagasan ini dan memenuhi sambutan tersebut dengan aktiviti

yang dapat meningkatkan semangat perpaduan. Pernyataan ini berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh R3 dalam sesi temubual yang telah dijalankan.

“Aspek lain itu sahaja lah. Cuma tadi lah yang gagasan 1Malaysia kita nak ingatkan 1Malaysia tu, buatlah satu sambutan, sambutan macam 31 Ogos, macam Hari Peladang. Ini satu hari, buat pertandingan, hadiah sikit, budak-budak muda akan pergi, selitkan juga ucapan masa itu.”

(R3, 743)

4.5 Kesimpulan

Akhir sekali semua persoalan kajian kes berkenaan persepsi rakyat terhadap gagasan 1Malaysia dapat dijawab dengan sempurna dan pengkaji menghuraikan setiap satu tajuk berserta dengan jadual daripada data-data soal selidik dan temubual.

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan serta merumuskan keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi selepas proses penganalisan data mengenai persepsi rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Perbincangan dan rumusan dibuat bertujuan menjawab segala persoalan kajian yang ditetapkan. Di samping itu, penyelidik juga turut mencadangkan beberapa cadangan kepada pihak yang berkaitan serta cadangan bagi kajian lanjutan.

5.2 Perbincangan

Perbincangan dalam bab ini akan menumpukan kepada aspek yang mempunyai kaitan dengan objektif kajian. Berdasarkan kepada objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab I, kajian ini adalah untuk mengetahui penerimaan masyarakat terhadap gagasan 1Malaysia, mengetahui halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia serta mengenalpasti medium yang efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi.

5.2.1 Perbincangan Data Kuantitatif

Perbincangan ini dimulakan dengan data kuantitatif yang telah dianalisis dalam bab IV. Perbincangan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bermula dengan perbincangan berkenaan latar belakang responden dan kemudiannya diteruskan dengan perbincangan berkenaan tiga objektif kajian ini.

5.2.1.1 Latar Belakang Responden

Merujuk kepada penganalisan data yang dinyatakan di dalam bab IV, jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 306 orang. Seramai 300 orang

responden telah menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan sementara enam orang responden lain pula telah terlibat dalam sesi temu bual yang telah dijalankan. Latar belakang responden yang pertama yang dibincangkan ialah berkaitan umur responden. Berdasarkan kajian yang dijalankan, seramai 120 orang responden (40.0%) adalah berusia bawah 25 tahun, 86 orang responden (28.7%) berumur antara 26 hingga 40 tahun, 78 orang responden (26.0%) berusia antara 41 hingga 60 tahun dan 16 orang responden (5.3%) berusia 61 tahun ke atas. Hal ini menunjukkan kajian ini merangkumi semua peringkat umur iaitu ramaja (bawah 25 tahun), belia (26 tahun hingga 40 tahun), dewasa (41 tahun hingga 60 tahun) dan tua (60 tahun ke atas). Perbezaan peringkat umur dalam kalangan responden ini akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap gagasan 1Malaysia.

Item yang kedua yang dibincangkan ialah item yang berkaitan latar belakang pendidikan responden. Seramai 46 orang responden (15.3%) adalah berpendidikan tahap UPSR, 45 orang responden (15.0%) berpendidikan hingga ke tahap PMR, 116 orang responden (38.7%) berpendidikan hingga ke tahap SPM, 23 orang responden (7.7 %) berpendidikan di tahap STPM, 43 orang responden (15.3%) berkelulusan Sarjana Muda dan seramai 46 orang responden (15.3%) daripada lain-lain latar pendidikan termasuklah tidak bersekolah. Latar belakang pendidikan merupakan aspek yang penting yang mana mempengaruhi kepada cara berfikir, pengalaman, pengetahuan serta maklumat yang dimiliki. Kajian ini menunjukkan bahawa responden terdiri dari pelbagai latar belakang pendidikan. Hal ini akan membantu penyelidik mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh.

Perbincangan yang ketiga yang terdapat dalam bab ini ialah pekerjaan responden. Dapatan kajian menunjukkan seramai 61 orang responden (20.3%) adalah kakitangan awam, 60 orang responden (20.0%) bekerja di sektor swasta, 83 orang responden (27.7%) bekerja sendiri dan 96 orang responden (32.0%) adalah tidak bekerja. Ini menunjukkan taburan responden yang seimbang antara yang bekerja dengan sektor kerajaan, swasta, bekerja sendiri dan mereka yang tidak bekerja.

Bilangan responden tidak bekerja yang tinggi juga disebabkan oleh sebahagian besar responden terdiri daripada golongan remaja, pelajar dan juga suri rumah.

Seterusnya, kajian ini membincangkan tentang pendapatan bulanan responden. Seramai 159 orang responden (53.0%) berpendapatan kurang daripada RM1000, 105 orang responden (35.0%) berpendapatan antara RM1000 hingga RM2500, 24 orang responden (8.0%) berpendapatan antara RM2501 hingga RM4000 dan 12 orang responden (4.0%) berpendapatan melebihi RM4000 sebulan. Taburan kekerapan responden mengikut pekerjaan ini menunjukkan majoriti responden berpendapatan kurang daripada RM1,000 ringgit. Hal ini kerana responden yang tidak bekerja turut dikategorikan sebagai berpendapatan kurang daripada RM1,000. Selain itu, taburan responden dalam aspek ini menunjukkan kajian ini bukan hanya melibatkan responden yang berpendapatan rendah bahkan turut melibatkan golongan berpendapatan tinggi sekaligus menunjukkan dapatan kajian ini adalah menyeluruh merangkumi semua lapisan masyarakat.

Perbincangan seterusnya pula melibatkan status perkahwinan responden. Seramai 126 orang responden (42.0%) adalah masih bujang, 157 orang responden (52.3%) sudah berkahwin, lapan orang responden (2.7%) merupakan duda dan sembilan orang responden (3.0%) adalah janda. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan pertama berkenaan peringkat umur responden di mana 40.0% responden adalah remaja. Namun, hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden adalah berkahwin iaitu seramai 52.3%.

Kajian ini seterusnya membincangkan berkenaan taburan responden mengikut bangsa. Seramai 276 orang responden (92.0%) adalah dari bangsa Melayu, 20 orang responden (6.7%) dari bangsa Cina, tiga orang responden (1.0%) adalah berbangsa India dan seorang responden (0.3%) daripada lain-lain bangsa. Hasil

kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden berbangsa Melayu yang melibatkan diri dalam sesi kaji selidik ini.

Seterusnya ialah berkenaan perbincangan latar belakang agama responden. Seramai 280 orang responden (93.3%) adalah beragama Islam, dua orang responden (0.7%) dari agama Kristian, 14 orang responden (4.7%) adalah beragama Buddha, dua orang responden (0.7%) beragama Hindu dan dua orang responden (0.7%) daripada lain-lain agama. Hasil kajian ini juga selari dengan perbincangan sebelumnya yang mana sebahagian besar responden adalah berbangsa Melayu, iaitu kelompok bangsa yang majoritinya beragama Islam. Perbincangan sebelumnya menunjukkan kira-kira 92.0% responden ialah berbangsa Melayu. Taburan responden yang menunjukkan majoriti beragama Islam adalah disebabkan oleh kajian yang dijalankan adalah menyeluruh merangkumi bukan hanya kawasan bandar tetapi turut melibatkan kawasan pedalaman termasuklah FELDA dan sebagainya yang mana majoritinya adalah berbangsa Melayu dan bergama Islam.

5.2.1.2 Penerimaan Rakyat Terhadap Gagasan 1Malaysia

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengetahui penerimaan masyarakat terhadap gagasan 1Malaysia yang dilancarkan oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, sebanyak 20 item telah dihasilkan untuk mengetahui persepsi masyarakat

terhadap gagasan 1Malaysia ini. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan responden memberi maklum balas yang baik berdasarkan jumlah min bagi 20 item soalan yang berkaitan dengan objektif kajian iaitu sebanyak 3.91. Hasil ini menunjukkan purata nilai min yang tinggi sekaligus menunjukkan bahawa penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia adalah berada pada tahap yang tinggi. Semua item yang terdapat pada bahagian ini menunjukkan nilai min yang berada pada tahap yang tinggi. Penganalisaan pernyataan item bahagian ini adalah seperti berikut:

Bagi item-item yang dikemukakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan objektif kajian yang pertama, item yang ke-34 merupakan item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi iaitu 4.07. Seramai 237 orang atau 79.0% responden bersetuju dengan pernyataan item ini iaitu semangat cintakan negara adalah asas kemakmuran rakyat Malaysia. Hasil ini menunjukkan rakyat bersetuju dan menerima salah satu prinsip asas gagasan 1Malaysia itu sendiri iaitu prinsip kenegaraan. Dalam prinsip ini, kerajaan berusaha memupuk rakyat untuk mempunyai semangat cintakan negara, perpaduan dan semangat nasionalisme. Usaha ini telah pun dimulakan oleh kepimpinan negara terdahulu dan kesinambungannya diteruskan dalam gagasan 1Malaysia yang ada pada hari ini.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan item yang mempunyai nilai skor min yang kedua tertinggi iaitu item yang ke-47. Seramai 226 orang atau 75.0% responden bersetuju dengan item ini yang mana ia berkenaan nilai-nilai 1Malaysia iaitu pendidikan. Pernyataan item ini ialah negara perlu memiliki masyarakat yang mengutamakan pendidikan dan pengetahuan. Nilai min bagi item ini ialah 4.06. Hal ini menunjukkan persetujuan pada tahap tinggi dalam kalangan rakyat bahawa pendidikan merupakan aspek penting dan perlu menjadi agenda kepada negara ini untuk memiliki masyarakat yang mementingkan pendidikan. Secara tidak langsung menunjukkan rakyat memberikan persetujuan yang tinggi dengan nilai 1Malaysia yang ketujuh iaitu pendidikan.

Seterusnya, item yang dibincangkan ialah item yang ke-48 yang merupakan item yang ketiga tertinggi dari segi nilai min. Min bagi item ini ialah 4.04. Seramai 231 orang atau 77.0% responden menyatakan persetujuan dengan item ini. Item ini berkenaan nilai 1Malaysia yang kelapan iaitu integriti. Pernyataan bagi item ini ialah mengenai nilai integriti yang mana menyatakan bahawa bersikap jujur dan amanah terhadap sesuatu tindakan dan percakapan. Hasil dapatan bagi item ini menunjukkan persetujuan yang tinggi dalam kalangan rakyat bahawa integriti merupakan suatu nilai yang penting dalam memajukan negara dan semua pihak perlu bersikap jujur dan amanah dalam setiap tindakan dan percakapan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa rakyat dapat menerima nilai ini yang merupakan merupakan nilai kelapan dalam gagasan 1Malaysia.

Seterusnya kajian ini membincangkan item yang mempunyai nilai skor min terendah bahagian C dan D. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling rendah ialah item yang ke-31 dengan nilai min 3.69. Walaupun secara asasnya, nilai min ini masih berada pada tahap tinggi, namun ia merupakan item yang paling rendah bagi item-item bahagian C dan D. Seramai 194 orang atau 64.7% responden bersetuju dengan item ini yang menyatakan bahawa penerimaan terhadap amalan kaum lain adalah sesuai diamalkan di Malaysia. Hal ini menunjukkan rakyat bersetuju dengan prinsip penerimaan yang terdapat dalam gagasan 1Malaysia. Dalam prinsip penerimaan ini ada dinyatakan bahawa walaupun rakyat Malaysia mempunyai amalan, kebudayaan dan cara hidup masing-masing, tetapi semua pihak perlu menerima perbezaan tersebut bagi memastikan hubungan sedia ada menjadi lebih harmoni dan jitu.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan item yang mempunyai nilai skor min kedua terendah. Item tersebut ialah item yang ke-39 yang mempunyai nilai min 3.75. Seramai 207 orang atau 69.0% responden bersetuju dengan pernyataan item ini

yang menyatakan bahawa masyarakat memberikan sambutan menggalakkan terhadap gagasan 1Malaysia. Walau bagaimanapun, nilai min bagi item ini juga berada pada tahap yang tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan rakyat bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan item yang ketiga terendah dalam bahagian C dan D yang akan menjawab persoalan pertama kajian. Item yang dimaksudkan ialah item yang ke-32 dengan nilai min 3.76. Seramai 193 orang atau 64.0% responden bersetuju dengan pernyataan item ini iaitu penerimaan terhadap kebudayaan kaum lain adalah baik dipraktikkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hasil dapatan kajian bagi item ini jelas menunjukkan bahawa rakyat menerima dengan baik prinsip asas 1Malaysia iaitu prinsip penerimaan. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan rakyat mengakui bahawa perlu menerima perbezaan yang terdapat dalam kalangan masyarakat negara yang majmuk dan pada masa yang sama perlu menerima kebudayaan kaum lain yang bersesuaian.

Secara keseluruhannya responden menunjukkan maklum balas yang berada pada tahap yang tinggi berkenaan penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian bagi item soalan yang berkaitan objektif ini, tidak terdapat perbezaan yang ketara dari segi nilai min. Semua item menunjukkan nilai min yang berada pada tahap tinggi.

5.2.1.3 Halangan dan Cabaran dalam Merealisasikan Gagasan 1Malaysia

Objektif kedua kajian ini adalah untuk mengetahui halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Oleh itu, sebanyak 12 item telah dikemukakan untuk mengetahui halangan dan cabaran gagasan 1Malaysia ini. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan responden memberi maklum balas yang sederhana berdasarkan jumlah min bagi 12 item soalan yang berkaitan dengan objektif kajian ini. Nilai min adalah 3.65. Purata nilai min yang sederhana ini menunjukkan sebahagian besar item mendapat maklum balas yang sederhana. Tujuh item dalam bahagian ini menunjukkan nilai min sederhana manakala lima item yang lain menunjukkan nilai min yang tinggi. Penganalisan pernyataan item bahagian ini adalah seperti berikut:

Lima item yang mempunyai nilai skor min pada tahap tinggi ialah item yang ke-49, 50, 51, 55 dan 60. Item yang ke-51 merupakan item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi iaitu 3.85. Seramai 216 orang atau 72.0% responden bersetuju dengan pernyataan item ini yang menyatakan bahawa terdapat isu sensitif berkaitan hubungan antara kaum di Malaysia yang perlu di atasi bagi menjayakan 1Malaysia. Hasil dapatan ini menunjukkan rakyat bersetuju bahawa wujud isu sensitif berkenaan hubungan antara kaum di negara ini yang boleh menjejaskan perpaduan antara kaum. Isu sensitif yang menyangkut kepentingan, hak, kehormatan sesuatu kaum dan etnik perlu diselesaikan dengan baik dan adil agar hubungan antara kaum dapat dikukuhkan lagi sekaligus memudahkan matlamat gagasan 1Malaysia dicapai. Oleh itu, jelaslah bahawa isu sensitif yang wujud melibatkan hubungan antara kaum merupakan halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Perbincangan seterusnya ialah melibatkan item yang ke-50 yang merupakan item yang kedua tertinggi dari segi nilai min. Nilai min bagi item ini ialah 3.73. Seramai 201 orang atau 67.0% responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan iaitu rakyat yang mendapat maklumat yang tidak tepat tentang gagasan 1Malaysia menjadi penghalang utama ke arah merealisasikannya. Hasil ini

menunjukkan bahawa antara halangan dan cabaran utama merealisasikan gagasan 1Malaysia ialah maklumat yang tidak tepat yang diterima oleh rakyat. Penerimaan maklumat yang tidak tepat ini boleh mengakibatkan kepada salah memahami, mentafsir sekaligus menyebabkan pelbagai persepsi salah tentang gagasan ini. Persepsi yang tidak tepat terhadap 1Malaysia boleh mengakibatkan pelbagai faktor negatif antaranya ialah penafsiran matlamat gagasan 1Malaysia mengikut kefahaman sendiri dan juga mungkin membawa kepada penolakan rakyat terhadap gagasan ini. Justeru, maklumat yang tidak tepat tentang 1Malaysia merupakan halangan dan cabaran dalam memajukan gagasan 1Malaysia ini.

Item yang mempunyai nilai min ketiga tertinggi ialah item yang ke-55. Item ini mencatatkan nilai min 3.71. Seramai 195 orang atau 65.0% responden bersetuju dengan pernyataan item ini yang menyatakan bahawa sikap individualistik dalam kalangan masyarakat akan menggagalkan 1Malaysia. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa rakyat bersetuju bahawa sikap individualistik wujud dalam kalangan masyarakat dan mereka mengakui sikap ini merupakan halangan dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Sikap individualistik ialah sikap mementingkan diri sendiri melebihi kepentingan masyarakat umum. Sikap ini boleh membawa kepada pelbagai unsur negatif dan menurut kajian ini, ia sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat. Sikap ini juga boleh dikaitkan dengan sikap mementingkan kepentingan kumpulan, etnik atau kaum masing-masing melebihi kepentingan negara. Oleh itu, sikap individualistik ini sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat dan ia boleh menjadi halangan kepada hasrat kerajaan menjayakan matlamat gagasan 1Malaysia.

Perbincangan seterusnya pula berkenaan item-item yang mempunyai nilai skor min yang berada pada tahap sederhana. Tujuh item yang berkenaan ialah item yang ke-52, 53, 54, 55, 56, 57, 58 dan 59. Daripada tujuh item tersebut, item yang ke-54 merupakan item yang mempunyai nilai skor min yang paling rendah iaitu 3.50. Seramai 165 orang atau 55% responden bersetuju dengan pernyataan item ini yang menyatakan bahawa wujud jurang generasi antara mereka berumur 20,30-an dan mereka yang berumur lingkungan 50-an ke atas menjadi penghalang pelaksanaan 1Malaysia. Jurang antara generasi sememangnya wujud dalam kalangan masyarakat

dan hal ini diakui oleh responden berdasarkan peratusan responden yang bersetuju dengan pernyataan ini. Jurang perbezaan umur ini boleh menjurus kepada pemisahan antara kelompok masyarakat berdasarkan peringkat umur. Sebagai contoh, kelompok remaja mempunyai keperluan, kehendak dan minat yang berbeza jika dibandingkan dengan golongan yang dewasa atau lebih tua. Oleh itu, pendekatan yang tidak tepat dan tidak bersesuaian terhadap kelompok umur masyarakat boleh mengakibatkan gagasan ini sukar dikembangkan. Namun, ia bukanlah halangan utama untuk menjayakan gagasan 1Malaysia berbanding bentuk halangan yang lain yang dikemukakan dalam bahagian ini.

Perbincangan seterusnya ialah melibatkan item kedua terendah dalam bahagian ini iaitu item ke-57. Nilai skor min bagi item ini ialah 3.54. Seramai 167 orang atau 55.7% responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan oleh item ini yang menyatakan bahawa kos penerangan 1Malaysia yang tinggi terpaksa ditanggung kerajaan. Kos penerangan merupakan salah satu aspek yang boleh menghalang gagasan 1Malaysia ini untuk direalisasikan. Kos penerangan merangkumi dana yang perlu dikeluarkan oleh kerajaan termasuklah urusan pentadbiran, penyiaran, program-program dan sebagainya bagi memberi kefahaman kepada seluruh rakyat tentang konsep 1Malaysia ini. Kos penerangan yang tinggi ini dilihat sebagai pelaburan yang penting kerana hasil yang bakal diperolehi adalah sangat bermanfaat kepada masa depan negara. Namun, hasil kajian ini menunjukkan bahawa kos penerangan yang tinggi bukanlah halangan utama dalam memajukan gagasan 1Malaysia berdasarkan nilai skor min item ini adalah kedua terendah berbanding 11 item lain yang dikemukakan.

Perbincangan seterusnya ialah melibatkan item ketiga terendah dalam bahagian ini iaitu item ke-56. Nilai skor min bagi item ini ialah 3.56. Seramai 169 orang atau 56.3% responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan oleh item ini yang menyatakan bahawa gagasan 1Malaysia sukar dicapai kerana masyarakat Malaysia bersikap materialistik. Sikap materialistik yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah sikap kebendaan dan mengharapkan pulangan terhadap semua

tindakan yang diambil. Sebagai contoh, wujud anggota masyarakat yang tidak berminat menyertai program khidmat masyarakat di peringkat kawasan perumahan sendiri kerana ia diadakan secara percuma dan tidak diberikan sebarang upah yang lumayan. Sikap seperti ini jika berleluasa boleh menjadi halangan kepada gagasan 1Malaysia untuk direalisasikan kerana tidak mendapat kerjasama yang diperlukan daripada kelompok masyarakat materialistik ini. Namun, hasil kajian ini menunjukkan sikap materialistik bukanlah halangan utama dalam memajukan gagasan 1Malaysia berdasarkan nilai skor min item ini adalah ketiga terendah berbanding 11 item lain yang dikemukakan.

Secara keseluruhannya responden menunjukkan maklum balas yang berada pada tahap yang sederhana berkenaan halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian bagi item soalan yang berkaitan objektif ini, semua item yang dikemukakan telah mendapat persetujuan majoriti responden.

5.2.1.4 Medium Efektif dalam Proses Penyampaian Gagasan 1Malaysia

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk mengenalpasti medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi. Justeru, sebanyak dua item soalan telah dikemukakan untuk mengenalpasti medium efektif tersebut. Soalan yang pertama adalah berkenaan medium yang telah membantu responden mendapatkan maklumat mengenai 1Malaysia manakala soalan yang kedua pula berkenaan medium yang efektif untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia menurut pandangan responden. Dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan responden memberi

maklum balas yang sederhana berdasarkan jumlah min bagi 21 item soalan yang berkaitan dengan objektif kajian iaitu sebanyak 3.40. Penganalisaan pernyataan item bahagian ini adalah seperti berikut:

Bagi menjawab soalan pertama bagi objektif ini, penyelidik mengemukakan 21 item pilihan jawapan. Daripada 21 item yang dikemukakan dalam bahagian ini, hanya tiga item yang mempunyai nilai skor min pada tahap tinggi. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling tinggi ialah item yang ke-25 iaitu televisyen. Nilai skor min bagi item ini ialah 4.07. Seramai 238 orang atau 79.3% responden bersetuju dengan pernyataan item ini yang menyatakan bahawa televisyen merupakan medium yang telah memberikan pengetahuan kepada responden tentang gagasan 1Malaysia. Televisyen merupakan antara media yang paling popular di negara ini dimana hampir setiap rumah di negara ini memiliki televisyen. Televisyen merupakan medium penyebaran maklumat yang amat menarik kerana menggabungkan pelbagai elemen media antaranya ialah video, animasi, gambar, audio, teks dan grafik sekaligus menjadikan televisyen sebagai media yang sangat menarik, mudah difahami dan berkesan dalam menyebarkan maklumat. Hasil kajian ini menunjukkan televisyen menjadi medium yang paling banyak memberi maklumat kepada masyarakat berdasarkan nilai min item ini yang berada pada kedudukan tertinggi.

Perbincangan seterusnya ialah melibatkan nilai skor min yang kedua tertinggi iaitu item yang ke-24. Nilai skor min bagi item ini ialah 3.82. Seramai 213 atau 71.0% orang responden bersetuju dengan pernyataan bagi item ini. Pernyataan item ini ialah berkenaan surat khabar sebagai medium yang telah memberikan pengetahuan mengenai gagasan 1Malaysia kepada responden. Surat khabar adalah antara medium yang sarat dengan pelbagai informasi dan maklumat yang terkini. Persembahan maklumat menerusi akhbar diolah dengan lebih menarik oleh pengarang dan ia mampu menarik minat masyarakat untuk membaca. Akhbar juga adalah medium yang menyeluruh kerana ia mudah diperolehi di serata negara.

Maklumat yang disebarkan dipersembahkan dalam bahasa yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat. Di era kepesatan teknologi internet, surat khabar tetap mendapat sambutan dan ini dibuktikan dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan akhbar sebagai medium kedua terbanyak memberi informasi dan maklumat kepada rakyat tentang gagasan 1Malaysia.

Item yang ketiga yang mempunyai nilai skor min yang berada pada tahap yang tinggi ialah item yang ke-21 dengan nilai skor min 3.75. Seramai 203 atau 67.7% orang responden bersetuju dengan pernyataan bagi item ini. Pernyataan item ini ialah berkenaan radio sebagai medium yang telah memberikan pengetahuan kepada responden tentang gagasan 1Malaysia. Radio merupakan salah satu medium yang digunakan kerajaan untuk menyampaikan konsep 1Malaysia kepada rakyat. Antara pendekatan yang telah digunakan ialah kunjungan YAB Perdana Menteri ke beberapa stesen radio tempatan dan berkomunikasi dengan pendengar secara langsung. Pendekatan ini dilihat lebih santai dan mampu menarik minat pendengar. Hal ini dibuktikan dengan hasil kajian ini yang menunjukkan radio sebagai medium ketiga terbanyak memberikan maklumat tentang konsep 1Malaysia kepada masyarakat.

Perbincangan seterusnya berkenaan tiga item yang mempunyai nilai min terendah dalam bahagian B ini. Bahagian ini akan membincangkan tiga item yang paling kurang popular dalam kalangan responden dalam memperolehi maklumat tentang gagasan 1Malaysia. Item yang mempunyai nilai skor min yang paling rendah ialah item yang ke-9 dengan nilai skor min 3.12. Hanya seramai 128 atau 42.7% orang responden bersetuju dengan pernyataan bagi item ini yang menyatakan bahawa dokumentari sebagai medium yang telah memberikan pengetahuan kepada responden tentang gagasan 1Malaysia. Hal ini menunjukkan kurangnya info tentang konsep 1Malaysia dipersembahkan dalam bentuk dokumentari. Dokumentari sebenarnya suatu medium yang baik untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau penemuan tertentu kerana pendekatan dalam bentuk dokumentari mampu memberi kupasan

yang menarik tentang sesuatu isu yang dibincangkan. Namun, medium ini masih belum dimaksimumkan oleh pihak kerajaan dalam menyampaikan gagasan 1Malaysia kepada masyarakat dan hal ini dibuktikan oleh hasil kajian ini yang mana menunjukkan dokumentari merupakan medium yang paling sedikit memberi maklumat tentang konsep 1Malaysia kepada rakyat.

Seterusnya ialah item yang kedua terendah dari segi nilai skor min. Item tersebut ialah item ke-18 yang mempunyai nilai skor min 3.13 iaitu tahap sederhana. Hanya seramai 129 orang atau 43.0% responden bersetuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa pemplet merupakan medium yang telah memberikan mereka informasi tentang gagasan 1Malaysia. Pemplet adalah bentuk risalah yang dihasilkan menggunakan elemen grafik, teks dan gambar yang diadun dengan baik bagi menarik perhatian pembaca. Pemplet biasanya menghasilkan maklumat yang lebih ringkas dan padat dan menggunakan bahasa yang mudah. Namun begitu terdapat beberapa kelemahan yang ketara yang terdapat pada medium ini antaranya ialah kelemahan dalam aspek penyebaran yang mana pemplet sangat sukar untuk diedarkan terutama kepada masyarakat pedalaman. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian ini yang menunjukkan pemplet merupakan medium kedua paling sedikit memberikan maklumat kepada responden tentang konsep 1Malaysia.

Perbincangan seterusnya ialah melibatkan item ketiga terendah iaitu item yang ke-11 dengan nilai min 3.16 iaitu pada tahap sederhana. Hanya seramai 126 orang atau 42.0% orang responden bersetuju dengan pernyataan ini yang menyatakan bahawa filem merupakan medium yang telah memberikan mereka informasi tentang gagasan 1Malaysia. Filem merupakan suatu medium yang mempunyai kelebihan tersendiri. Antara kelebihanannya ialah filem mampu mencetuskan suatu fenomena baru jika filem yang dihasilkan mampu menepati citarasa penonton dan mengikut peredaran zaman. Selain itu juga, filem juga mempunyai banyak ruang untuk diselitkan dengan unsur-unsur tertentu secara tersirat. Namun begitu, penghasilan filem akhir-akhir ini masih kurang menerapkan unsur-unsur 1Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hal ini berdasarkan dapatan kajian yang

menunjukkan filem adalah medium ketiga terendah dalam memberikan rakyat maklumat tentang 1Malaysia.

Sementara itu, terdapat 20 lagi item dalam bahagian F bagi menjawab soalan kedua berkenaan persoalan kajian yang ketiga. Soalan tersebut ialah mengenai medium yang dirasakan berkesan atau efektif dalam menyampaikan gagasan 1Malaysia kepada segenap lapisan masyarakat. Sepuluh daripada 20 item pilihan yang terdapat pada bahagian ini berada pada tahap sederhana dan sepuluh item lain berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa hanya sepuluh medium sahaja yang dirasakan sangat berkesan untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia. Purata nilai min bagi item-item bahagian F ini ialah 3.72 iaitu pada tahap yang tinggi.

Sepuluh medium yang mempunyai nilai skor min yang tinggi ialah drama, internet, khidmat masyarakat, kurikulum sekolah, lagu, radio, sambutan perayaan, surat khabar, televisyen dan buku. Daripada sepuluh item tersebut, item ke-78 atau televisyen merupakan medium paling efektif untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia menurut persepsi responden kajian ini. Nilai min bagi item ini ialah 4.13. Seramai 236 orang atau 78.7% responden bersetuju dengan pernyataan bahawa televisyen merupakan medium yang berkesan untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia ke akar umbi. Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian pada bahagian B yang mana menunjukkan televisyen sebagai medium yang paling efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia. Oleh yang demikian, kelebihan yang terdapat pada televisyen perlu digunakan sebaiknya agar rakyat terus mendapat maklumat tentang konsep 1Malaysia ini. Selain itu juga, pihak kerajaan perlu menilai kembali pendekatan yang telah diambil dalam menyebarkan 1Malaysia menerusi televisyen ini termasuklah kesesuaian rancangan program, sasaran kelompok umur penonton dan juga waktu siaran agar maklumat yang disampaikan lebih efektif dan tepat.

Item kedua tertinggi ialah item ke-77 iaitu surat khabar sebagai medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia. Nilai skor min bagi item ini ialah 4.03 iaitu pada tahap tinggi. Seramai 228 orang atau 76.0% responden bersetuju dengan pernyataan bagi item ini yang menyatakan bahawa surat khabar merupakan medium efektif untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia. Hasil dapatan ini juga selari dengan dapatan kajian dalam bahagian B yang mana surat khabar sebagai medium kedua terbanyak dalam memberikan info tentang konsep 1Malaysia kepada rakyat. Justeru, responden kajian ini sekali lagi mencadangkan kepada pihak kerajaan agar surat khabar digunakan sebagai medium untuk menyampaikan konsep 1Malaysia. Usaha-usaha tertentu oleh pihak kerajaan seperti mengedarkan akhbar secara percuma kepada institusi tertentu seperti sekolah perlu diteruskan agar rakyat dapat memahami aspirasi kerajaan untuk menjayakan gagasan 1Malaysia ini.

Item ketiga tertinggi dalam bahagian ini ialah item ke-74 atau radio sebagai medium efektif untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia. Nilai skor min bagi item ini ialah 3.90 iaitu pada tahap tinggi. Seramai 225 orang atau 75.0% responden bersetuju dengan pernyataan item ini yang menyatakan bahawa radio sebagai medium efektif untuk menyebarkan gagasan 1Malaysia kepada rakyat. Hasil kajian bagi item ini juga selari dengan dapatan kajian dalam bahagian B yang mana menunjukkan radio merupakan medium ketiga popular dalam menyampaikan maklumat berkenaan gagasan 1Malaysia. Usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan menerusi stesen radio dilihat amat berkesan berdasarkan dapatan kajian ini. Oleh itu, proses penambahbaikan perlu dilakukan agar medium ini kekal relevan dalam mengembangkan gagasan 1Malaysia. Justeru, radio merupakan medium yang efektif dalam proses penyampaian konsep 1Malaysia ke akar umbi.

Perbincangan terakhir pada bahagian ini melibatkan sepuluh item yang mempunyai nilai skor min yang sederhana iaitu banner, dokumentari, filem, forum, pameran, pamflet, pidato atau ceramah, poster, seminar dan majalah. Daripada sepuluh item tersebut, item yang dilihat paling tidak popular ialah item ke-71 iaitu pemflet sebagai medium untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia. Seramai hanya 164 orang atau 54.7% responden bersetuju dengan pernyataan bagi item ini yang menyatakan bahawa pemflet merupakan medium efektif untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia kepada rakyat. Hasil kajian ini juga selari dengan dapatan bagi bahagian B yang menunjukkan pemflet merupakan antara medium yang kurang berkesan dalam menyebarkan gagasan 1Malaysia. Oleh itu, pihak kerajaan perlu menilai kembali pendekatan menyebarkan konsep 1Malaysia menggunakan sepuluh item ini kerana ia dilihat kurang efektif menurut persepsi responden kajian ini.

5.2.2 Perbincangan Data Kualitatif

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan data kualitatif yang telah dianalisis dalam bab IV. Perbincangan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu berkenaan tiga objektif kajian ini.

5.2.2.1 Penerimaan Rakyat Terhadap Gagasan 1Malaysia

Perbincangan berkenaan penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia ialah bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu sejauh manakah tahap penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang dilancarkan oleh kerajaan.

Dapatan data kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek utama yang merupakan pola kepada kajian ini, iaitu gambaran umum tentang 1Malaysia, penerimaan individu, penerimaan masyarakat umum, beberapa kebaikan gagasan 1Malaysia. Keseluruhan perkara ini merupakan persepsi rakyat tentang gagasan 1Malaysia yang memberikan gambaran kepada penyelidik tentang tahap penerimaan rakyat tentang gagasan 1Malaysia.

Aspek yang paling utama dalam perbincangan bahagian ini ialah berkenaan gambaran umum rakyat tentang gagasan 1Malaysia. Hasil kajian menunjukkan semua enam responden temu bual ini memberikan respon terhadap soalan yang dikemukakan. Berdasarkan gambaran yang dikemukakan oleh responden jelas menunjukkan responden mempunyai kefahaman tentang konsep 1Malaysia yang dikemukakan oleh YAB Perdana Menteri. Responden menyatakan bahawa di bawah konsep 1Malaysia ini kerajaan berusaha menyatukan masyarakat pelbagai kaum di negara ini membentuk satu bangsa yang bernaung di bawah satu bumbung iaitu negara Malaysia. Selain itu, responden turut menyatakan bahawa dengan adanya konsep 1Malaysia ini, ia merupakan satu bukti kepada masyarakat bahawa pihak kerajaan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kualiti dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dari masa ke semasa. Hal ini selari dengan definisi konsep 1Malaysia sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bab II yang mana menyatakan bahawa 1Malaysia ini merupakan gagasan yang memujuk rakyat berfikir dan bertindak sebagai satu bangsa iaitu bangsa Malaysia yang mana melangkaui sempadan etnik dan kaum. Selain itu juga konsep ini memberikan kefahaman tentang usaha kerajaan menunaikan segala hak dan keperluan seluruh rakyat secara menyeluruh tanpa membeza-bezakan mengikut kumpulan etnik atau kaum.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan penerimaan individu terhadap gagasan 1Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan semua responden amat bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk memajukan konsep 1Malaysia kepada seluruh anggota masyarakat. Hasil dapatan kajian ini jelas menunjukkan sokongan padu daripada rakyat tentang gagasan 1Malaysia ini. Menurut responden tidak ada kerugian yang akan timbul apabila matlamat gagasan 1Malaysia berjaya dicapai. Responden turut menyatakan bahawa setiap gagasan 1Malaysia yang hendak dilaksanakan semestinya memberi kebaikan kepada seluruh rakyat dan seluruh rakyat perlu memberi sokongan yang padu dan kerjasama penuh membantu kerajaan menjayakan gagasan ini. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan temu bual yang dijalankan, semua responden amat bersetuju dengan hasrat kerajaan merealisasikan gagasan 1Malaysia di negara ini.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan penerimaan masyarakat umum berdasarkan persepsi responden kajian ini. Hasil kajian menunjukkan wujud dua kelompok masyarakat iaitu kelompok yang menerima dan kelompok yang tidak menerima konsep 1Malaysia dimajukan di negara ini. Menurut responden, berdasarkan pemerhatian mereka terhadap masyarakat di kawasan Parlimen Pekan, kebanyakan daripada masyarakat dapat menerima dengan baik hasrat kerajaan Malaysia ini. Hal ini juga mungkin disebabkan oleh majoriti anggota masyarakat di kawasan tersebut yang didakwa responden sebagai pro kepada pihak kerajaan. Namun begitu terdapat juga golongan yang menolak atau tidak menerima gagasan 1Malaysia ini daripada dimajukan. Hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa kurangnya sokongan daripada kelompok etnik tertentu terhadap gagasan ini. Menurut responden, sambutan daripada kelompok etnik non-bumiputera terhadap gagasan 1Malaysia masih berkurangan. Hal ini perlu di atasi segera kerana matlamat 1Malaysia hanya mampu dicapai apabila semua pihak tanpa mengira etnik atau kaum memberikan kerjasama dan komitmen penuh. Sebagai contoh, matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu tidak akan tercapai jika hanya mendapat

komitmen dari sebelah pihak sahaja. Selain itu juga, terdapat hujah dikemukakan oleh responden yang menyatakan bebanan hidup yang tinggi sebelum dan selepas dilancarkan konsep 1Malaysia merupakan punca mengapa sesetengah rakyat tidak berminat dengan konsep ini terutama masyarakat yang menetap di kawasan bandar. Akibatnya, sesetengah rakyat berpendapat sama ada 1Malaysia berjaya atau tidak, mereka tetap juga terpaksa menghadapi bebanan kos hidup yang tinggi. Hal ini menunjukkan sesetengah rakyat masih meragui manfaat yang bakal diterima dengan adanya gagasan 1Malaysia.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan tema kebaikan yang terdapat dalam gagasan 1Malaysia ini. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat lapan tema kebaikan yang diperolehi daripada gagasan 1Malaysia. Antara tema kebaikan yang paling banyak dibincangkan oleh responden kajian ini ialah perpaduan. Secara keseluruhannya, responden berpendapat bahawa gagasan 1Malaysia telah membawa suatu kebaikan iaitu menyatupadukan masyarakat berbagai kaum. Program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dilihat amat baik kerana turut melibatkan pelbagai bangsa sekaligus mengikis tembok pemisah antara entik dan kaum di negara ini. Selain itu, responden turut menyatakan bahawa 1Malaysia yang telah dilancarkan ini mampu membawa masyarakat negara ini ke arah hala tuju pembentukan satu negara bangsa. Responden kajian ini turut mengakui perpaduan yang sedia ada sebelum ini dikukuhkan lagi dengan adanya gagasan 1Malaysia ini. Perpaduan yang dimaksudkan bukan hanya antara kelompok etnik, tapi ia juga melibatkan setiap lapisan masyarakat. Hal ini diungkapkan oleh responden kajian ini dengan menyatakan contoh di kawasan kampung yang mana masyarakat yang sebelum ini agak renggang telah mula menjalinkan hubungan erat dan mula melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti kenduri dan sebagainya. Situasi ini juga menggambarkan masyarakat mula mengetepikan perbezaan untuk duduk bersama-sama dengan anggota masyarakat yang lain. Keadaan ini merupakan suatu perkembangan yang positif ke arah mencapai matlamat 1Malaysia.

Tema seterusnya ialah berkenaan penerimaan antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa gagasan 1Malaysia ini telah berjaya memupuk sikap saling menerima dan sekaligus membuahkan suasana yang lebih harmoni. Analisis kajian ini menunjukkan beberapa responden memberikan beberapa komentar yang mana menyokong perkembangan aspek ini. Sebagai contoh, responden mengemukakan pendapat bahawa dengan adanya 1Malaysia rakyat akan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain. Responden berpendapat rakyat perlu menghormati dan menerima perbezaan tersebut dengan mengemukakan contoh bangsa bumiputera harus menerima kekayaan yang dimiliki oleh suatu kelompok etnik yang lain dan perlu mengakui bahawa kekayaan yang dimiliki kelompok tersebut merupakan usaha mereka sendiri. Oleh itu, untuk mencapai kejayaan sebagaimana kelompok tersebut, masyarakat bumiputera juga perlu berusaha bersungguh-sungguh. Pendapat yang dikemukakan oleh responden ini adalah selari dengan prinsip penerimaan 1Malaysia yang telah dihuraikan dalam bab II.

Tema perbincangan seterusnya ialah berkaitan peningkatan mutu pendidikan. Hasil analisis kajian ini menunjukkan peningkatan mutu pendidikan dengan adanya gagasan 1Malaysia. Hal ini berdasarkan pendapat responden yang menyatakan bahawa jurang perbezaan antara masyarakat bandar dan luar bandar dari segi pendidikan sudah berkurangan di mana pelajar-pelajar daripada luar bandar turut mencapai keputusan yang cemerlang. Hal ini dilihat selari dengan usaha kerajaan dalam melancarkan gagasan 1Malaysia yang mana menekankan slogan “pencapaian diutamakan”. Daripada slogan ini dapatlah difahami bahawa kerajaan amat menitikberatkan pencapaian yang cemerlang dari semua bidang termasuklah bidang pendidikan. Hal ini dibuktikan lagi dengan beberapa produk 1Malaysia yang mana secara langsung memberi galakan kepada para pelajar untuk meningkatkan prestasi pelajaran. Antara produk yang dimaksudkan ialah bantuan RM100 kepada setiap pelajar bagi mengurangkan bebanan seperti membeli kelengkapan pelajaran. Selain itu, pihak kerajaan turut memperkenalkan Baucar Buku 1Malaysia yang mana setiap pelajar diberikan RM200 untuk mendapatkan buku-buku tertentu mengikut

keperluan masing-masing. Hal ini jelas menunjukkan usaha yang telah diambil kerajaan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan seluruh rakyat Malaysia.

5.2.2.2 Halangan dan Cabaran dalam Meralisasikan Gagasan 1Malaysia

Perbincangan berkenaan halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia ialah bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu apakah halangan dan cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Dapatan data kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek utama yang merupakan pola kepada kajian ini, iaitu penyampaian maklumat, keraguan rakyat, perbezaan politik dan sikap individualistik. Keseluruhan perkara ini merupakan persepsi rakyat tentang halangan dan cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Tema pertama yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah penyampaian maklumat sebagai halangan dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa penyampaian maklumat merupakan cabaran paling utama untuk mengembangkan gagasan 1Malaysia. Hal ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh responden kajian ini yang mana menyatakan kefahaman masyarakat terutama di kawasan pedalaman tentang 1Malaysia amatlah minimum. Masih ramai dalam kalangan masyarakat pedalaman yang tidak mendapat maklumat yang tepat dan terperinci serta hanya didedahkan dengan simbol dan nama sahaja.

Selain itu, responden turut menyatakan bahawa rakyat hanya terbiasa dengan nama slogan dan juga simbol sebaliknya tidak memahami isi kandungan serta matlamat konsep 1Malaysia ini. Oleh yang demikian, adalah suatu halangan yang besar kepada pihak kerajaan untuk menjayakan konsep 1Malaysia ini kerana rakyat masih tidak memahami dengan baik dan ia sudah semestinya rakyat tidak mampu memberikan komitmen yang diperlukan untuk merealisasikan gagasan 1Malaysia ini.

Halangan dan cabaran yang kedua yang diperolehi hasil analisis kajian ini ialah keraguan rakyat terhadap niat dan hasrat sebenar pihak kerajaan memperkenalkan gagasan 1Malaysia ini. Hal ini dikemukakan oleh responden dalam sesi temu bual yang telah dijalankan yang mana responden menyatakan bahawa keraguan dalam kalangan masyarakat bumiputera tentang hasrat kerajaan ini. Keraguan masyarakat bumiputera ini berkisar tentang status, kepentingan dan hak-hak mereka yang dikhuatiri akan terhakis dengan adanya gagasan 1Malaysia ini. Selain itu juga keraguan rakyat tentang hasrat kerajaan juga berkisar tentang bebanan hidup yang masih ditanggung sama seperti sebelum adanya gagasan 1Malaysia. Menurut responden kajian ini, masyarakat meragui dengan kemampuan gagasan ini memberi manfaat kepada masyarakat berdasarkan beberapa isu seperti isu tahanan *Internal Security Act (ISA)*, harga minyak, kadar inflasi dan sebagainya. Menurut responden lagi, keadaan ini adalah sama seperti sebelum adanya gagasan 1Malaysia menyebabkan sesetengah masyarakat ragu dengan hasrat kerajaan.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan tema perbezaan politik sebagai cabaran dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Hasil analisis kajian ini menunjukkan responden bersetuju bahawa perbezaan politik adalah antara cabaran utama dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia. Hal ini merujuk kepada pendapat yang dikemukakan oleh responden yang menyatakan bahawa kelompok masyarakat yang berbeza pandangan politiknya akan tetap menolak apa sahaja gagasan yang dibawa oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, amat jelas sekali bahawa perbezaan politik merupakan antara halangan terbesar untuk mengembangkan

gagasan 1Malaysia dan kelompok ini juga semestinya tidak akan memberikan komitmen yang diharapkan. Selain itu juga, kelompok masyarakat yang mempunyai pandangan politik yang berbeza juga lebih cenderung menerima gagasan yang dibawa oleh pemimpin yang mereka gemari. Jika hal ini berlarutan, 1Malaysia akan sukar untuk direalisasikan secara menyeluruh.

Tema terakhir yang dibincangkan dalam aspek halangan dan cabaran 1Malaysia ini ialah berkenaan sikap individualistik dalam kalangan masyarakat. Hal ini diungkapkan oleh responden yang menyatakan sikap individualistik ini berlaku termasuklah dalam kalangan masyarakat bumiputera sendiri. Responden menyatakan bahawa terdapat kelompok masyarakat yang individualistik dan tidak berminat memajukan bangsa sendiri. Selain itu juga sikap ini wujud terutama dalam kalangan kelompok masyarakat yang masih muda. Sikap individualistik ini bermakna seseorang individu lebih mementingkan kepentingan peribadi melebihi kepentingan negara dan hal ini bertentangan dengan prinsip asas konsep 1Malaysia. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlu melipat gandakan usaha untuk mengatasi cabaran ini bagi memastikan gagasan 1Malaysia dapat direalisasikan di negara ini.

5.2.2.3 Medium Efektif dalam Proses Penyampaian Gagasan 1Malaysia

Perbincangan berkenaan medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ialah bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu apakah medium yang efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia.

Dapatan data kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek utama yang merupakan pola kepada kajian ini, iaitu keberkesanan penyampaian maklumat,

internet, televisyen, filem atau drama dan sukatan pelajaran. Keseluruhan perkara ini merupakan persepsi rakyat tentang medium efektif dalam proses penyampaian gagasan 1Malaysia ke akar umbi.

Tema pertama yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah berkenaan persepsi rakyat berkenaan keberkesanan penyampaian gagasan 1Malaysia setakat ini. Hasil analisis kajian ini menunjukkan responden berpendapat bahawa keberkesanan penyampaian gagasan 1Malaysia masih perlu dipertingkatkan lagi. Menurut responden kajian ini, pengetahuan dan kefahaman rakyat tentang 1Malaysia masih lagi terhad dan tidak memuaskan. Rata-rata rakyat tahu adanya konsep 1Malaysia namun mereka masih tidak memahami matlamat gagasan, prinsip-prinsip asas, nilai-nilai murni yang terkandung dalam gagasan 1Malaysia ini. Selain itu, menurut responden kajian ini, antara punca kefahaman rakyat tentang gagasan 1Malaysia masih kurang adalah disebabkan gagasan ini masih baru dan memerlukan masa untuk difahami dan diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, pihak kerajaan amat perlu kepada usaha yang berterusan untuk menyampaikan gagasan 1Malaysia disamping komitmen rakyat menyebarkan kefahaman mereka tentang konsep 1Malaysia. Oleh itu, secara kesimpulannya, keberkesanan penyampaian 1Malaysia masih kurang dan memerlukan usaha dan masa yang lebih untuk dipertingkatkan ke tahap yang memuaskan.

Perbincangan seterusnya pula berkenaan internet sebagai medium efektif menyampaikan gagasan 1Malaysia. Hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa internet merupakan suatu medium yang sangat berkesan untuk mengembangkan kefahaman rakyat tentang gagasan 1Malaysia. Menurut responden kajian ini, perkembangan teknologi khususnya internet adalah sangat pesat dan akses atau capaian kepada internet lebih baik dari masa ke semasa ke seluruh dunia. Pelbagai laman-laman web sosial yang berkembang dan sangat popular yang mana pengguna dapat berkomunikasi, bertukar fikiran dan sebagainya. Internet dilihat antara medium yang paling menarik kerana sifatnya yang sangat atraktif. Oleh itu, pihak kerajaan

perlu meningkatkan usaha untuk menyebarkan gagasan 1Malaysia menggunakan medium internet ini.

Perbincangan seterusnya ialah berkenaan filem atau drama sebagai medium menyampaikan gagasan 1Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan responden bersetuju bahawa gagasan 1Malaysia disebarkan menggunakan medium filem atau drama. Hal ini kerana menurut responden, filem boleh memberi kesan atau sentimen tertentu kepada rakyat. Filem juga merupakan satu medium yang menarik kerana unsur hiburan yang terdapat padanya yang mana boleh menarik minat semua lapisan masyarakat sekiranya filem yang dihasilkan itu baik dan berkualiti. Namun, setakat kajian ini dijalankan, unsur-unsur berkaitan konsep 1Malaysia masih kurang diterapkan dalam filem-filem tempatan. Hal ini dilihat sebagai satu situasi yang merugikan kerana banyak kelebihan yang bakal diperolehi jika unsur-unsur 1Malaysia diterapkan.

Perbincangan terakhir bahagian ini ialah berkenaan sukatan pelajaran sebagai medium menyampaikan gagasan 1Malaysia kepada seluruh rakyat terutama dalam kalangan pelajar. Hasil kajian ini menunjukkan sukatan pelajaran dipersetujui oleh para responden untuk dilaksanakan. Memasukkan unsur-unsur 1Malaysia di dalam sukatan pelajaran adalah sangat baik kerana ia boleh memupuk kefahaman dan kesedaran dalam kalangan rakyat dalam peringkat umur yang masih muda. Unsur-unsur 1Malaysia seperti nilai-nilai murni sangat sesuai untuk dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran kerana ia boleh membantu melahirkan generasi yang memahami aspirasi negara.

5.3 Rumusan


Berdasarkan hasil analisis kajian ini, penyelidik dapat membuat rumusan akhir bahawa penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia secara umumnya adalah baik. Beberapa item yang dikemukakan berkenaan pengertian, prinsip-prinsip dan nilai-nilai 1Malaysia mendapat respon positif daripada responden. Ini menunjukkan secara umumnya konsep 1Malaysia diterima baik oleh rakyat. Terdapat juga respon yang negatif terhadap konsep 1Malaysia ini namun ia bukanlah mewakili majoriti rakyat dan hanya mewakili kelompok yang minoriti sahaja. Selain itu, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat banyak kebaikan yang mula diterima oleh rakyat dengan adanya gagasan 1Malaysia ini. Antara kebaikan yang dimaksudkan ialah perpaduan yang lebih utuh dan harmoni berbanding sebelumnya. Masyarakat mula menyedari kepentingan menjaga dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dari masa ke semasa. Selain itu, rakyat mula menyedari kesungguhan pihak kerajaan memupuk budaya kecemerlangan sekaligus menjamin masa depan negara yang lebih baik. Prinsip-prinsip asas 1Malaysia mula dihayati oleh responden kajian ini seperti prinsip penerimaan yang mana rakyat mula menerima perbezaan antara kumpulan etnik dan menghargai antara satu sama lain.

Namun, disebalik penerimaan yang baik dalam kalangan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia, terdapat beberapa halangan dan cabaran yang boleh menyukarkan matlamat gagasan ini dicapai. Halangan dan cabaran tersebut merangkumi pelbagai aspek termasuklah aspek penyampaian maklumat yang kurang efektif. Hasil kajian ini menunjukkan kefahaman tentang gagasan 1Malaysia masih lagi ditahap yang minimum dan terhad. Rakyat terutama di kawasan pedalaman masih belum memahami intipati konsep 1Malaysia dan hanya mengetahui tentang perkara asas seperti slogan atau logo tetapi tidak memahami matlamat utama gagasan ini diperkenalkan. Selain itu, beberapa bentuk halangan lain yang dikemukakan oleh responden seperti keraguan rakyat dan perbezaan pandangan politik memerlukan usaha yang berlipat ganda pihak kerajaan untuk mendapatkan kepercayaan rakyat dari kelompok tersebut. Selain itu, pendekatan pihak kerajaan menangani isu-isu sensitif yang menyangkut kepentingan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia memainkan peranan penting kerana ia mempengaruhi tahap keharmonian hubungan antara kaum di negara ini.

Bagi aspek medium penyampaian efektif, beberapa medium yang mendapat respon yang baik dan sangat popular dalam kalangan rakyat. Antara medium yang mendapat respon baik tersebut ialah televisyen yang mana merupakan medium yang dilihat paling berkesan, capaian yang meluas dan mampu menarik minat ke seluruh pelusuk negara. Selain televisyen, surat khabar dan radio juga sangat popular dalam kalangan rakyat untuk mendapatkan maklumat tentang gagasan 1Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan surat khabar dan radio berada di kedudukan kedua dan ketiga daripada 21 medium yang dikemukakan oleh penyelidik. Selain itu, media baru atau lebih tepat lagi internet merupakan medium yang mendapat maklum balas positif daripada responden. Internet adalah medium yang paling atraktif kerana pengguna boleh berkomunikasi secara langsung di alam maya dan berkongsi idea. Selain itu, internet mendapat respon yang tinggi kerana ia lebih terbuka dan rakyat boleh memilih maklumat yang diperlukan dengan mudah. Pihak kerajaan haruslah memberi penekanan untuk menyebarkan gagasan 1Malaysia menggunakan medium ini kerana perkembangan pesat teknologi maklumat bukan sahaja di negara ini bahkan seluruh dunia.

5.4 Implikasi

Setelah rumusan kajian dibuat, penyelidik mendapati wujudnya implikasi yang dapat membentuk model utama kajian. Model tersebut ialah model penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia (MPRTG1M). Sehubungan itu, rajah 5.1 menunjukkan tersebut.



Rajah 5.2: Model Penerimaan Rakyat terhadap Gagasan 1Malaysia (MPRTG1M)

Rajah 5.2 adalah bentuk bagi model penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia yang difikirkan oleh penyelidik. Setelah analisis dibuat, penyelidik membuat rumusan bahawa terdapat sebanyak tiga faktor penerimaan gagasan 1Malaysia dalam kalangan rakyat. Antaranya ialah perpaduan yang mana ia merupakan suatu bentuk kebaikan yang diperolehi melalui gagasan 1Malaysia. Selain itu, gagasan 1Malaysia juga dilihat telah memperkasakan penerimaan di antara masyarakat berbilang kaum. Selain itu, peningkatan mutu pendidikan juga dilihat antara faktor penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia.

Namun begitu terdapat dua halangan utama dalam merealisasikan gagasan 1Malaysia berdasarkan hasil analisis kajian ini. Dua halangan tersebut merupakan pola bagi kajian ini. Cabaran yang dimaksudkan ialah penyampaian maklumat yang efektif dan keraguan rakyat terhadap tujuan kerajaan melaksanakan gagasan 1Malaysia. Penyampaian maklumat yang tidak sampai ke akar umbi serta tidak tepat

dilihat mampu menggagalkan gagasan ini daripada dikembangkan. Selain itu, keraguan rakyat terutama golongan bumiputera tentang hasrat kerajaan ini juga mampu menjejaskan gagasan ini. Terdapat dalam kalangan kaum bumiputera meragui hak-hak dan keistimewaan mereka terhakis apabila gagasan 1Malaysia diperkenalkan.

Hasil analisis kajian ini menunjukkan terdapat empat medium efektif dalam menyampaikan gagasan 1Malaysia. Empat medium tersebut merupakan pola kajian ini iaitu internet, televisyen, filem atau drama serta bidang pendidikan. Medium-medium tersebut mampu memberikan maklumat secara menyeluruh kepada setiap lapisan masyarakat tentang gagasan 1Malaysia yang ingin dimajukan oleh pihak kerajaan.

5.5 Cadangan

- i. Pihak-pihak yang mempunyai autoriti bolehlah mengambil hasil kajian ini sebagai kayu pengukur untuk menilai penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia.
- ii. Pihak kerajaan bolehlah mengambil langkah yang proaktif untuk menangani segala bentuk halangan dan cabaran yang diperolehi melalui kajian untuk memajukan gagasan 1Malaysia.
- iii. Pihak kerajaan perlulah bijak memilih pendekatan yang sesuai bagi menarik minat kelompok rakyat yang mempunyai fahaman politik yang

berbeza dan juga kelompok rakyat yang meragui kesungguhan pihak kerajaan melaksanakan gagasan 1Malaysia.

- iv. Pihak kerajaan juga bolehlah mengaplikasikan hasil kajian ini terutama pemilihan medium penyampaian yang efektif agar rakyat mendapat maklumat dan pendedahan yang tepat tentang gagasan 1Malaysia.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik hanya terbatas mengikut objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab I. Justeru, beberapa cadangan kajian lanjutan yang dirasakan perlu untuk penyelidik-penyelidik seterusnya berkenaan tajuk ini. Cadangan-cadangan adalah seperti berikut:

- i. Menjalankan kajian tentang isu-isu kontroversi terkini yang menyangkut kepentingan bersama antara masyarakat pelbagai kaum.
- ii. Menjalankan kajian persepsi masyarakat bukan bumiputera tentang gagasan 1Malaysia.
- iii. Menjalankan kajian tentang tahap kefahaman rakyat mengenai gagasan 1Malaysia.

- iv. Kajian yang akan datang juga boleh difokuskan kepada kelompok responden berdasarkan peringkat umur.

5.6 Penutup


Berdasarkan bab ini, penyelidik merumuskan hasil dapatan kajian persepsi rakyat terhadap gagasan 1Malaysia. Di akhir kajian ini, penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan dan juga cadangan kajian lanjutan sebagai kayu pengukur bagi mengetahui tahap penerimaan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia.

RUJUKAN

- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1998). *Riyad al-Salihin* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Anom. (2001). *Kamus Za'ba*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books.
- Anom. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anom. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anom. (2011a). 1 Malaysia Campaign. 2011, from http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=322&Itemid=231&lang=en
- Anom. (2011b). Kisah 1Malaysia. Retrieved 9.6.2011, 2015, from <http://www.1malaysia.com.my/hubungi-kami>
- Anom. (2011c). *Nilai-nilai 1Malaysia*. Putra Jaya: Kementerian Jabatan Perdana Menteri.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1992). *Qualitative Research for Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Cohen, L., L., Manion, & K., Morrison. (2007). *Research Methods in Education* (6th ed.). USA: Routledge.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N.E. (1996). *How to Design and Evaluate Research*. USA: Mc.Graw-Hill Inc.
- Jabatan Penerangan Malaysia, JPM. (2009). *1Malaysia - Rakyat didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putra Jaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Penerangan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mohd Rashid, Nur Amirah. (2008). Kesan Negatif Globalisasi terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya. In Arieff Salleh (Ed.), *Isu Wanita Dalam Perundangan Islam*. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kothari, C. R. (2004). *Research Methodology, Methods & Techniques* (2nd ed.). New Delhi: New Age International (P) Limited, Publishers.
- Marshall, C., & Rossman, G. B. (1989). *Designing Qualitative Research*. Newbury Park, CA: Sage.
- McMillon, J. H., & Schumacher, S. (2000). *Research in Education: A Conceptual Introduction* (Fifth ed.). New York: Longman.
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Paper presented at the International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf
- Mohd Rashid, Nur Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pengaruh Globalisasi Terhadap Gaya Hidup Pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Retrieved from

http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwp2/p_2006_6649_d9541cf629534cb1a851eb3a2dcef708.pdf

- Mustari, Mohd Ismail, Mohamed, Ahmad Kilani, Jasmi, Kamarul Azmi, & Ya'akob, Robiah. (2004). *Pembentukan Nilai dan Kecemerlangan Bagi Melahirkan Generasi Muda yang Mapan dalam Menghadapi Era Pasca Modernisme*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modernisme, 2004.
- Nurul Hidayah, Khalid. (2010, 27 Julai 2010). Forum Perjelas Gagasan 1Malaysia. *Berita Harian*. Retrieved from http://www.umlib.um.edu.my/newscut_details.asp?cutid=1628#sthash.LrVhKz4h.dpbs
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Pejabat Perdana Menteri, PPM. (2009). *1 Malaysia - Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri.
- Sahat, Yusri. (2011, 23/01/2011). Tegakkan Keadilan Sosial. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?dt=0123&pg=mh_01.htm&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&y=2011
- Stake, R. E. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Tamuri, Ab Halim, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). Nilai, Amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini. In Kaseh Abu Bakar (Ed.), *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu* (pp. 35-57). Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (2nd ed.). Toronto: John Wiley and Sons.
- Wiersma, William. (1995). *Research Methods in Education: An Introduction* (5th ed.). Boston: Allyn & Bacon.



BIRO TATANEGARA,
JABATAN PERDANA MENTERI,
ARAS 1, BLOK B3,
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62502 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-8888 6320

Kawat : PERDANA

No. Faks : 03-8888 3458/34.

Ruj. Kami: BTN: P/2/77 Jld.17

Tarikh : 14 November 2011



DEKAN
FAKULTI TAMADUN ISLAM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)
81310 UTM JOHOR
JOHOR DARUL TA'ZIM

Tuan,

**PERMOHONAN MENDAPATKAN PERUNTUKAN BAGI MENJALANKAN
KAJIAN GAGASAN 1MALAYSIA**


Dengan hormatnya saya menarik perhatian tuan kepada surat permohonan tuan bilangan: UTM.J.33/12.15/1 Jld.2 (40) bertarikh 27 Oktober 2011 mengenai perkara di atas dan memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Bantuan Kerajaan Kepada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri bersetuju meluluskan pemberian bantuan sebanyak **RM85,000.00 (Ringgit: Lapan Puluh Lima Ribu sahaja)** bagi menjalankan **Kajian Gagasan 1Malaysia** dan butir-butir terperinci mengenai pecahan jumlah yang diluluskan adalah seperti berikut:

- a) **RM20,000.00** bagi kajian mengenai Persepsi Parlimen Pekan Terhadap Gagasan 1Malaysia; dan
- b) **RM65,000.00** bagi kajian mengenai Persepsi Ahli Akademik Terhadap Gagasan 1 Malaysia di IPTA

2. Dengan penerimaan pemberian bantuan ini, dimaklumkan juga bahawa satu persetujuan bersama terwujud diantara pihak tuan dengan pihak Kerajaan (Biro Tatanegara (BTN)) seperti didalam Surat Persetujuan Penerimaan Pemberian Bantuan Kerajaan yang dilampirkan. Pihak tuan juga dikehendaki mematuhi perkara-perkara yang terkandung didalamnya.


3. Sila kembalikan **salinan asal** Surat Persetujuan Penerimaan Bantuan yang telah ditandatangani dan disaksi (dimatikan setem) dengan sempurna serta mengemukakan nombor akaun (sesalinan muka depan buku bank/penyata bank terkini bagi tujuan pengesahan) ke Jabatan ini dengan kadar **segera** untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.



“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MENJAYAKAN GAGASAN 1MALAYSIA”

Saya yang menurut perintah,



(HJ. MOKHTAR BIN HJ. SULAIMAN)

b.p Ketua Pengarah
Biro Tatanegara
Jabatan Perdana Menteri.

☎ : 03-8888 3450/24602

☒ : 03-8888 3451

e-mail: mokhtar@btn.gov.my

**SURAT PERSETUJUAN PENERIMAAN PEMBERIAN BANTUAN KERAJAAN
KEPADA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO),
BIRO TATANEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI**

Adalah disahkan bahawa kami dari **FAKULTI TAMADUN ISLAM, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)** yang beralamat di Universiti Teknologi Malaysia, 81318 UTM Johor Bahru, **JOHOR DARUL TA'ZIM** bersetuju untuk menerima wang pemberian bantuan daripada **BIRO TATANEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI** berjumlah **RM 85,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Lima Ribu Sahaja)** bagi melaksanakan Program/Aktiviti seperti yang dinyatakan di bawah dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) akan menyimpan wang bantuan ini di dalam akaun bank berasingan;
- (b) akan mengemukakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program/Aktiviti dan Penyata Kewangan **dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Program/Aktiviti tamat/berakhir;**
- (c) akan menggunakan sepenuhnya bantuan kewangan yang diluluskan bagi pelaksanaan Program/Aktiviti tersebut di atas bagi maksud-maksud di bawah:

Bil.	Program/Aktiviti	Jumlah Bantuan (RM)
1.	KAJIAN MENGENAI:	
	i. Persepsi Parlimen Pekan Terhadap Gagasan 1 Malaysia;	20,000.00
	ii. Persepsi Ahli Akademik Terhadap Gagasan 1 Malaysia	65,000.00
	JUMLAH	85,000.00

- (d) akan melaksanakan Projek/Aktiviti tersebut mengikut jadual yang dinyatakan dengan mematuhi garis panduan/syarat yang ditetapkan oleh Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri;

- (e) akan menanggung apa-apa kenaikan kos berkaitan Program/Aktiviti sekiranya melebihi daripada jumlah bantuan yang diluluskan;
- (f) akan membenarkan pegawai-pegawai Biro Tatanegara membuat pemeriksaan/pemantauan/audit terhadap pelaksanaan Program/Aktiviti atau penggunaan wang bantuan yang berkenaan dan menduduki dalam mana-mana Jawatankuasa yang difikirkan sesuai;
- (g) bersetuju memulangkan semula bantuan kewangan sekiranya program/projek dibatalkan/tidak dilaksanakan seperti yang dinyatakan; dan
- (h) sebarang pindaan atau perubahan kepada persetujuan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

Sesungguhnya kami yang menandatangani di bawah ini bagi pihak **FAKULTI TAMADUN ISLAM, UNIVERSITI TEKONOLOGI MALAYSIA (UTM)** amat memahami dan mengakui bahawa segala kegagalan mematuhi ketetapan-ketetapan di atas dan lain-lain syarat tambahan adalah merupakan suatu pelanggaran syarat kepada pemberian bantuan yang diberikan ini, dan pihak **BIRO TATANEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI** berhak untuk menarik balik kelulusan dan wang bantuan yang telah dikeluarkan kepada kami dan akan dikembalikan kepada pihak Kerajaan.

Tandatangan:.....

Tandatangan:

Nama:

Nama:.....

No. Kad Pengenalan:.....

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Cop Rasmi:

Cop Rasmi: